

KAJIAN SAHSIAH PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA
KERAJAAN JOHOR KLUANG, KLUANG, JOHOR

KETUA PENYELIDIK

UST. MOHD ISMAIL BIN MUSTARI

PENYELIDIK

PROF. SELAMAT BIN HASHIM

UST. AZMI SHAH BIN SURATMAN

UST. ABD. BASIT BIN ABD. SAMAT

UST. ABDUL RAHMAN BIN HAMZAH

UST. ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH

RESEARCH VOTE NO:
71872

Pusat Pengajian Islam Dan
Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

2004

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	DEDIKASI	ii
	ABSTRACT	iii
	ABSTRAK	iv
	KANDUNGAN	v
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAHAGIAN SATU

BAB I	PENGENALAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	1
	1.3 Objektif Kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	5

1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Faedah Kajian	7
1.8	Latar Belakang Kawasan Kajian	7
1.9	Definasi/Istilah	8

BAHAGIAN DUA

BAB II	SOROTAN KAJIAN	11
2.1	Pengenalan	11
2.2	Kajian-kajian yang berkaitan	11
2.3	Teori-teori perkembangan sahsiah	14
	2.3.1 Teori perkembangan diri	14
	2.3.2 Teori Perkembangan Psikoanalisis	15
	2.3.3 Teori Perkembangan Kognitif	17
	2.3.4 Teori Perkembangan Psikososial	19
	2.3.5 Teori Pembelajaran Sosial	20
	2.3.6 Teori Keperluan Manusia (Humanistik)	21
2.4	Faktor-faktor yang mempengaruhi sahsiah	22
	2.4.1 Baka	22
	2.4.2 Persekitaran	23

BAHAGIAN TIGA

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Subjek dan Persampelan Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	30
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	31
3.6	Analisis Data	31

BAHAGIAN EMPAT

BAB IV	ANALISIS DATA	33
4.0	Pengenalan	32
4.1	Latar Belakang Pelajar Asrama	32
4.2	Keputusan Kategori Masalah	44
4.3	Khi Kuasa Dua	59
4.3.1	Khi Kuasa Dua Perbandingan Tahap Kategori Masalah Mengikut Tingkatan	59

4.3.2	Khi Kuasa Dua Perbandingan Tahap Kategori Masalah Mengikut Jantina	73
4.4	Tahap Setiap Trait Personaliti	87
4.5	Tahap Trait-Trait Personaliti Pelajar Mengikut 13 Kategori Masalah	94
4.6	Tahap Setiap Trait Personaliti Mengikut Tingkatan Dan Jantina	186

BAHAGIAN LIMA

BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	189
5.0	Pengenalan	189
5.1	Perbincangan	189
5.1.1	Kajian Sahsiah Pelajar-pelajar SMAKJ	189
5.1.2	Latar Belakang Responden	190
5.1.3	Tahap Sahsiah Pelajar SMAKJ Berdasarkan Jantina Dan Tingkat Pengajian	190
5.1.4	Tahap Sahsiah Pelajar SMAKJ Mengikut Tahap 13 Kategori-Kategori Masalah	192
5.1.5	Tahap Trait Personaliti Berdasarkan Inventori Personaliti	201
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	206
5.3	Implikasi dan cadangan daripada dapatan kajian	208
5.4	Cadangan kajian lanjutan	210

5.5	Penutup	210
	BIBLIOGRAFI	212
	LAMPIRAN	215

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Jantina	32
1.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Aliran	33
1.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Sebab Utama Bersekolah di SMAKJ	34
1.4	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Bilangan Adik Beradik	35
1.5	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Anak Keberapa Dalam Keluarga	36
1.6	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Orang Yang Bertanggungjawab Sebagai Penjaga	37
1.7	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Bapa	39
1.8	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Ibu	39
1.9	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Penjaga	40
1.10	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Bapa	41

1.11	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Ibu	42
1.12	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Penjaga	43
2.1	Peratusan Kategori Yang Bermasalah Mengikut Nilai Yang Tertinggi	44
2.2	Kehidupan Pelajar Di Sekolah Mengikut Nilai Tertinggi	45
2.3	Ciri-Ciri Keperibadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Nilai Tertinggi	46
2.4	Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Nilai Tertinggi	47
2.5	Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Nilai Tertinggi	48
2.6	Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Nilai Tertinggi	49
2.7	Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Nilai Tertinggi	50
2.8	Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Nilai Tertinggi	51
2.9	Masalah Perhubungan Peribadi Dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Nilai Tertinggi	52
2.10	Masalah Moral Dan Agama Mengikut Nilai Tertinggi	53
2.11	Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Nilai Tertinggi	54
2.12	Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Nilai Tertinggi	55
2.13	Penyesuaian Terhadap Kerja-Kerja Mengikut Nilai Tertinggi	56
2.14	Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Nilai Tertinggi	57

3.1.1	Persepsi Pelajar Terhadap Kehidupan Di sekolah Mengikut Tingkatan	59
3.1.2	Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Keperibadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Tingkatan	60
3.1.3	Tahap Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Tingkatan	61
3.1.4	Tahap Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Tingkatan	62
3.1.5	Tahap Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Tingkatan	63
3.1.6	Tahap Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Tingkatan	64
3.1.7	Tahap Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Tingkatan	65
3.1.8	Tahap Masalah Perhubungan Peribadi dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Tingkatan	66
3.1.9	Tahap Masalah Moral Dan Agama Mengikut Tingkatan	67
3.1.10	Tahap Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Tingkatan	68
3.1.11	Tahap Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Tingkatan	69
3.1.12	Persepsi Pelajar Terhadap Penyesuaian Kerja-Kerja Mengikut Tingkatan	70
3.1.13	Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Tingkatan	71
3.1.14	Tahap Masalah Pelajar Secara Keseluruhan Mengikut Tingkatan	72
3.2.1	Persepsi Pelajar Terhadap Kehidupan Di sekolah Mengikut Jantina	73

3.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Kepribadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Jantina	74
3.2.3	Tahap Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Jantina	75
3.2.4	Tahap Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Jantina	76
3.2.5	Tahap Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Jantina	77
3.2.6	Tahap Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Jantina	78
3.2.7	Tahap Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Jantina	79
3.2.8	Tahap Masalah Perhubungan Peribadi dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Jantina	80
3.2.9	Tahap Masalah Moral Dan Agama Mengikut Jantina	81
3.2.10	Tahap Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Jantina	82
3.2.11	Tahap Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Jantina	83
3.2.12	Persepsi Pelajar Terhadap Penyesuaian Kerja-Kerja Mengikut Jantina	84
3.2.13	Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Jantina	85
3.2.14	Tahap Masalah Pelajar Secara Keseluruhan Mengikut Jantina	86
4.1	Tahap Agresif Pelajar	87
4.2	Tahap Analitikal Pelajar	87
4.3	Tahap Autonomi Pelajar	88
4.4	Tahap Bersandar Pelajar	88
4.5	Tahap Ekstrovert Pelajar	88

4.6	Tahap Intelektual Pelajar	89
4.7	Tahap Introvert Pelajar	89
4.8	Tahap Menolong Pelajar	90
4.9	Tahap Sokongan Pelajar	90
4.10	Tahap Struktur Pelajar	90
4.11	Tahap Pencapaian Pelajar	91
4.12	Tahap Kepelbagaian Pelajar	91
4.13	Tahap Ketahanan Pelajar	92
4.14	Tahap Kritik Diri Pelajar	92
4.15	Tahap Mengawal Pelajar	92
4.16	Tahap Penipuan Pelajar	93
5.1	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Agresif Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	94
5.2	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Analitikal Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	99
5.3	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Autonomi Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	104
5.4	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Bersandar Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	109
5.5	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Ekstrovert Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	115
5.6	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Intelektual Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	120
5.7	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Introvert Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	126
5.8	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Menolong Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	132
5.9	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Sokongan Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	138

5.10	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Struktur	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	144
5.11	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Pencapaian	
	Mengikut Tahap 3 Kategori Masalah	150
5.12	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Kepelbagaian	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	155
5.13	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Ketahanan	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	161
5.14	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Kritik Diri	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	167
5.15	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Mengawal	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	172
5.16	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Penipuan	
	Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah	178
6.1	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Setiap Trait Personaliti	
	Mengikut Jantina	183
6.2	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Setiap Trait Personaliti	
	Mengikut Tingkatan	185
6.3	Tahap Personaliti Pelajar Bagi Setiap Trait Personaliti	
	Mengikut Aliran	187

SENARAI SINGKATAN

FPN	Falsafah Pendidikan Negara
S.W.T	Subhanahu Wa Ta'ala
SMAKJ	Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SMRA	Sijil Menengah Rendah Agama
SMA	Sijil Menengah Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
JAIJ	Jabatan Agama Islam Johor
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal selidik	215
Lampiran B	Soal selidik	236
Lampiran C	Surat Perakuan Projek Oleh RMC	246

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula pada tahun 1977 oleh kerajaan pusat dengan tujuan bukan sahaja memberi pendidikan agama Islam tetapi juga pelajaran akademik bagi mengimbangi keperluan pendidikan dalam sebuah negara yang membangun dan menghadapi proses globalisasi. Peluang yang terbatas untuk memasuki SMKA telah mendorong kerajaan-kerajaan negeri membina sekolah-sekolah menengah agama oleh bagi menambah peluang lebih luas kepada pelajar dari sesebuah negeri tersebut. Di negeri Johor, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor telah ditubuhkan pada tahun 1988 dengan matlamat untuk memberi peluang anak-anak Islam Negeri Johor mendapat pendidikan seimbang di bidang akademik dan agama. Adunan dua aliran pendidikan ini bagi membolehkan para pelajar di negeri Johor menghadapi cabaran ke arah Johor negeri maju menjelang tahun 2005.

Sekolah ini diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang menyelaras semua pentadbiran sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Agama Rakyat di Negeri Johor. Sistem pendidikan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor mempunyai sistem pendidikan yang sama dengan sistem pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan, iaitu berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Walau bagaimana pun sekolah ini memberi penekanan kepada Falsafah Pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan insan kamil (manusia sempurna) yang beriman, bertaqwa dan beramal soleh (Mustapa Daud, 1997: 272). Falsafah sekolah ini menegaskan bahawa usaha yang berterusan perlu dalam melahirkan para pelajar cemerlang dan berkualiti yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan para pelajar yang berilmu pengetahuan dunia dan akhirat, beriltizam, berakhlak mulia

bertaqwa kepada Allah s.w.t., mempunyai tanggungjawab terhadap memartabatkan agama bagi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara (Majalah SMAKJ, 2001:3). Matlamat ini dijangka tercapai melalui penyediaan pelbagai kemudahan terutamanya prasarana sekolah dan asrama.

Pelajar yang diterima masuk ke sekolah ini adalah majoritinya terdiri daripada mereka yang mempunyai keputusan 5A dalam peperiksaan UPSR dari seluruh negeri Johor dan kesemuanya ditempatkan di asrama sekolah. Tujuan asrama sekolah diadakan untuk mengambalih suasana kekeluargaan pelajar kearah membentuk sahsiah pelajar sebagai seorang muslim cemerlang. Selain dari itu, asrama diwujudkan. Selain dari itu, asrama diwujudkan untuk memberi peluang pelajar yang tinggal dari seluruh pelusuk negeri ini mendapat pendidikan sempurna selaras dengan matlamat penubuhan SMAKJ.

Berdasarkan kepada latarbelakang akademik pelajar disamping kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang disediakan, diharap dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik dan seterusnya cemerlang dalam keputusan peperiksaan khususnya di dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Menengah Agama Rendah (SMAR), Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Apa yang membimbangkan pihak ibubapa adalah masalah sosial yang kian berlaku di kalangan pelajar semasa di sekolah atau asrama. Pelbagai masalah sosial yang berkaitan dengan sekolah seperti ponteng sekolah, gengster, mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2000:161). Masalah sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar. Terdapat pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan disiplin oleh pihak pentadbiran sekolah seperti dibuang sekolah, digantung dan sebagainya kerana terlibat dalam perbuatan salahlaku. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ibubapa pelajar.

Akibat daripada masalah sosial yang berlaku menyebabkan keputusan peperiksaan sekolah turut mengalami kemerosotan. Statistik dua tahun terakhir (1999-2000) menunjukkan bahawa daripada keputusan SMRA menunjukkan bahawa purata peratus pelajar yang gagal (dhaif) adalah sebanyak 0.5% dan yang lemah (makbul) adalah 19.5% dan yang cemerlang (mumtaz) sebanyak 29% manakala purata peperiksaan SMA yang gagal (dhaif) adalah 9.6%, yang lemah (makbul) sebanyak 37% manakala yang cemerlang (mumtaz) hanya 2%. Bagi peperiksaan PMR pula peratus pelajar yang mendapat 9A1 hanya 0.96% dan yang mendapat 1A1 pula sebanyak 13.9%. Data-data keseluruhan (lihat lampiran1) menunjukkan bahawa keputusan peperiksaan para pelajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang Johor tidak begitu memuaskan.

Dengan permasalahan yang dibentangkan telah muncul suatu persoalan, iaitu sejauh manakah pembinaan SMAKJ telah memenuhi matlamatnya dalam melahirkan pelajar bersahsiah mulia dengan keputusan peperiksaan yang cemerlang. Oleh itu satu kajian lanjutan perlu dilakukan mengenai sahsiah pelajar dan faktor-faktor pembentukannya dari persepsi pelajar, guru dan pentadbir sekolah dan asrama.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai sahsiah pelajar-pelajar tingkatan 1-5, lelaki dan perempuan yang tinggal di asrama Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor sehingga kini belum pernah lagi dilakukan. Maklumat-maklumat awal mengenai masalah sosial pelajar di sekolah berasrama penuh dan kaedah penyelesaiannya diperolehi dengan mendapatkan maklumat daripada buku-buku, kertas kerja-kertas kerja yang lalu, internet dan maklumat daripada pihak sekolah.

Kajian ini dibuat memandangkan masalah pelajar di sekolah ini telah berlarutan sekian lama dan membingungkan banyak pihak terutama pihak pentadbir sekolah, guru-guru, dan ibu bapa pelajar. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar di sekolah menengah

berteraskan agama yang sepatutnya dapat memanfaatkan ilmu yang mereka perolehi dalam membentuk sahsiah yang baik. Di pihak guru-guru pula merasakan pengorbanan mereka mencurahkan ilmu pengetahuan tidak mendatangkan pulangan yang setimpal dengan usaha mereka. Begitu juga di pihak ibu bapa yang tidak dapat menerima realiti apabila anak mereka dikenakan tindakan disiplin dengan alasan anak mereka baik ketika di rumah tetapi sebaliknya apabila mereka berada di sekolah.

Di pihak sekolah pula, seboleh-bolehnya mahu memaparkan imej yang bersih semata-mata, walaupun realitinya tidak demikian. Segala bentuk kepincangan akan disapu bersih-bersih dan disorokkan atas alasan menjaga kredibiliti pengetua sebagai pemimpin. Pengetua berkenaan bimbang jika kes salahlaku pelajar dilaporkan kepada pihak atasan, nama mereka akan disenaraihitamkan dan peluang untuk naik pangkat akan terjejas.

Masalah yang dihadapi belum dapat di selesaikan, semakin parah, mencemaskan dan menghantui pelbagai pihak. Ibarat api dalam sekam, jika dibiarkan marak tanpa kawalan sudah tentu mengundang padah yang lebih buruk. Kita janganlah mengambil sikap menunggu sehingga keadaan menjadi serius baru tindakan mahu diambil kerana dikhuatiri apabila sampai ke peringkat itu kelak, segala-galanya mungkin sudah terlambat.

Walaupun masalah sahsiah di kalangan pelajar dikatakan sama tua dengan umur sekolah itu sebagai satu institusi pendidikan tetapi langkah-langkah tertentu haruslah diambil untuk mengatasinya. Tetapi kita harus sedar bahawa untuk mengatasi sesuatu masalah itu kita harus mengenalpasti punca-punca utama yang menjadi penyebab masalah itu.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar, guru dan pentadbir sekolah dalam pembentukan sahsiah pelajar di SMAKJ dalam mencapai matlamat penubuhannya.

Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti berikut;

- i. Mengetahui faktor berlakunya perbuatan salahlaku para pelajar yang menyebabkan masalah sosial di sekolah.
- ii. Mengenalpasti penyelesaian terhadap masalah sosial yang berlaku dikalangan pelajar.
- iii. Menyediakan 'blue print' bagi menjadi rujukan kepada sekolah lain bagi menangani masalah sosial di sekolah dalam usaha meningkatkan sahsiah pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif di atas, kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah faktor berlakunya perbuatan salahlaku para pelajar yang menyebabkan masalah sosial di sekolah.
- ii. Apakah penyelesaian terhadap masalah sosial yang berlaku dikalangan pelajar.
- iii. Apakah panduan dan rujukan terbaik bagi menangani masalah sosial di sekolah dalam usaha meningkatkan sahsiah pelajar.

1.5 Kepentingan Kajian

Daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak pentadbir sekolah untuk mencari suatu penyelesaian terhadap masalah sosial pelajar bagi meningkatkan sahsiah pelajar seterusnya meningkatkan keputusan peperiksaan PMR dan

SPM sekolah tersebut. Ini untuk mengembalikan matlamat penubuhan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor oleh kerajaan negeri supaya menjadi model sebagai Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri yang unggul.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai maklum balas kepada pihak pengetua sekolah, guru, ibu bapa dan masyarakat tentang keadaan sebenar yang terdapat di sekolah dengan harapan mereka lebih prihatin terhadap pembinaan sahsiah pelajar. Seterusnya laporan kajian ini diharap akan menjadi 'blue print' kepada sekolah lain yang menghadapi masalah sosial di kalangan pelajar di sekolah tersebut.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada masalah sahsiah pelajar tingkatan 1-5, lelaki dan perempuan yang belajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor. Subjek kajian adalah terbatas kepada tiga kumpulan seperti berikut:

- i. Pelajar asrama SMAKJ lelaki dan perempuan dari tingkatan 2-5 yang telah menginap di asrama SMAKJ lebih dari satu tahun; dan
- ii. Pelajar sekolah SMAKJ lelaki dan perempuan dari tingkatan 2-5 yang telah berada di sekolah ini lebih dari satu tahun; dan
- iii. Warden asrama SMAKJ yang dipilih.
- iv. Pentadbir dan guru-guru SMAKJ yang dipilih; dan

Dua set soal selidik digubal khas untuk mengumpul data tentang masalah-masalah yang biasa berlaku di kalangan pelajar sekolah serta tahap sahsiah yang ada pada diri pelajar tersebut sepanjang menempuh kehidupan di sekolah/asrama ini.

1.7 Faedah Kajian

Selepas daripada kajian ini adalah dijangkakan;

- i. Dapat mengenalpasti punca berlakunya perbuatan salahlaku para pelajar yang menyebabkan masalah sosial di sekolah.
- ii. Menyediakan 'blue print' bagi menangani masalah sosial pelajar.
- iii. 'Blue print' ini dapat dijadikan model kepada sekolah-sekolah Menengah Agama yang lain untuk menangani masalah sosial di sekolah bagi meningkatkan sahsiah pelajar.

1.8 Latarbelakang Kawasan Kajian

Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor (SMAKJ) merupakan Sekolah Menengah Agama yang pertama dibina oleh Kerajaan Negeri Johor. Sekolah ini diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor dan dikendalikan oleh Unit Pendidikan Agama, Jabatan Agama Islam Johor. Sekolah ini terletak berhampiran dengan Bandar Kluang yang merupakan sebuah bandar yang sedang pesat membangun di Negeri Johor.

Penubuhan sekolah ini adalah atas cadangan dan idea pemimpin negeri, khususnya Menteri Besar yang mahukan peluang pendidikan akademik dan agama yang lebih luas untuk pelajar-pelajar di negeri Johor. Pengambilan pelajar yang pertama pada tahun 1988 telah merealisasikan cadangan dan idea tersebut.

Pelajar-pelajar yang diterima masuk ke sekolah ini, disediakan pelbagai kemudahan dengan yuran yang sedikit. Antara kemudahan yang disediakan adalah:

- i. Makan minum serta tempat tinggal
- ii. Perpustakaan
- iii. Makmal komputer dan bahasa

- iv. Kemudahan bilik darjah
- v. Kantin
- vi. Asrama
- vii. Sistem kawalan di sekolah dan asrama selama 24 jam.

Bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berfikiran kritis, kreatif, inovasi dan imaginatif yang sejajar dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini, pihak JAIJ telah mengenakan syarat-syarat kemasukan seperti berikut, iaitu:

- i. Calon-calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya 4A 1B dalam peperiksaan UPSR.
- ii. Calon-calon lelaki dan perempuan yang merupakan anak Negeri Johor.

Pengetua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor (SMAKJ) sekarang ini adalah Haji Suliman Bin Dumang. Guru Penolong Kanan Satu adalah Ust. Nasir Bin Abd. Wahid manakala Guru Penolong Kanan Dua adalah En. Sulaiman Bin Ahiya. Keseluruhan pentadbir dan guru di sekolah ini seramai 46 orang yang mempunyai ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing.

1.9 Definasi/Istilah

Bahagian ini akan mengupas secara terperinci maksud tajuk kajian ini agar pembaca dapat gambaran jelas mengenainya. Kajian bertajuk:

“KAJIAN SAHSIAH PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
AGAMA KERAJAAN JOHOR, KLUANG, JOHOR”

“*Kajian*” bermaksud suatu kegiatan, usaha atau proses mengkaji sesuatu (Kamus Dewan, 2001:560). Ini bermaksud suatu pemerhatian, penelitian dan penyelidikan yang dilakukan oleh penulis di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor (SMAKJ) mengenai sahsiah pelajar.

Sahsiah atau personaliti mengikut istilah bermaksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2001, 1169). Sahsiah juga merujuk kepada sistem kecenderungan bertingkaahlaku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari (Siti Fatimah , 1993:50).

Kagan (1988) mentakrifkan *sahsiah* sebagai corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi cara dia berfikir, berasa, bertingkaahlaku dan cara berhubungnya dengan alam sekitar. Begitu juga menurut takrifan EE Ah Meng (1997:131) yang mengatakan sahsiah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Menurut Gordon (1973: 14-15) *sahsiah* adalah apa yang sebenarnya terdapat dalam diri seseorang. Seterusnya beliau menyatakan bahawa sahsiah adalah sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkaahlaku dan fikirannya yang khusus. Dinamik membawa maksud perubahan yang boleh berlaku di dalam kualiti tingkaahlaku seseorang individu. Organisasi membawa implikasi bahawa semua *trait* seperti kerajinan, kesabaran dan daya pujuk adalah saling berkait. Sistem psikofizikal pula merujuk kepada tabiat, sikap, nilai, kepercayaan, kebiasaan emosi dan sentimen yang terdapat dalam bentuk psikologi tetapi yang mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf dan tubuh badan. Daripada definasi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa *sahsiah* merujuk kepada perwatakan dan tindakan individu bergantung kepada keadaan, situasi dan juga persekitaran. Sahsiah manusia boleh diperhati, dikenal pasti dan seterusnya boleh diperihalkan (Asmah & Herman, 1995:29).

“*Pelajar*” menurut kamus dewan ialah orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut maktab dan sebagainya) atau orang yang mengkaji ilmu (menyelidiki ilmu). Pelajar dalam kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan dua hingga tingkatan lima di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor.

“Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor” merupakan tempat tumpuan kajian penulis. Sekolah yang terletak di Bandar Kluang, Johor telah mula beroperasi pada sesi persekolahan tahun 1988 di bawah kelolaan Unit Pendidikan, Jabatan Agama Islam Johor. Para pelajar di sekolah ini semuanya telah menamatkan persekolahan di peringkat rendah dan syarat kemasukan adalah berdasarkan keputusan UPSR.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini terbagi kepada tiga bahagian yang utama. Bahagian pertama akan menerangkan mengenai sahsiah manusia daripada pandangan sarjana masa kini, pandangan Islam dan dari pandangan barat. Pemahaman mengenai teori-teori ini akan memudahkan kita memahami latar belakang sahsiah pelajar dari konteks pembangunan insan. Bahagian kedua pula akan memberi tumpuan terhadap teori perkembangan sahsiah dari beberapa aspek. Bahagian ketiga pula akan menerangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah pelajar.

2.2 Kajian-Kajian Yang Berkaitan

Sekolah merupakan suatu organisasi yang berperanan membentuk proses sosialisasi dengan budayanya yang tersendiri. Oleh itu kajian mengenai sahsiah pelajar di sekolah mestilah melihat sekolah sebagai suatu organisasi sosial yang mempunyai struktur pentadbiran yang tersendiri. Di samping sekolah berfungsi sebagai sebuah organisasi yang formal, sekolah juga merupakan sebuah organisasi tidak formal yang wujud akibat daripada berlakunya interaksi sosial iaitu proses di mana manusia bertindak atau bertindakbalas dengan orang lain antara individu atau kumpulan dalam organisasi itu (Sharifah Alawiyah Alsagof, 1985).

Menurut Paul B. Horton (1964:296) sistem interaksi di sekolah boleh dilihat sekurang-kurangnya dari dua perspektif iaitu interaksi antara pelajar di dalam sekolah tersebut dengan pelajar sekolah lain atau interaksi antara pelajar dalam sekolah yang sama. Melalui kegiatan atau aktiviti di sekolah yang sentiasa dipenuhi oleh interaksi sosial, komunikasi dan kerjasama antara ahli-ahli akan membantu pembentukan sahsiah para pelajar dalam suatu organisasi sekolah tersebut.

Perkembangan sahsiah merujuk kepada aspek perubahan pada diri manusia itu sendiri samaada perubahan itu positif atau ke arah negatif. Seandainya perubahan itu wujud ke arah positif maka ianya akan berusaha agar dapat berdikari dengan segala nilai positif yang murni (Wan Azmi Ramli, 1992:208). Dengan itu sekolah berfungsi sebagai tempat untuk membentuk masyarakat pelajar yang sentiasa bersedia untuk menghadapi perubahan dan pembaharuan.

Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1994:153) pula pembinaan sahsiah terdiri daripada empat unsur dasar iaitu pembinaan akidah (kepercayaan), ibadah (ritual), akhlak (etika dan moral) dan penampilan (mazhar). Manakala Mohd Ismail (1999: 34) menyatakan bahawa proses perkembangan sahsiah pada insan cemerlang terdiri daripada proses perkembangan insan Allah yang cemerlang, diikuti dengan proses perkembangan anak cemerlang dan seterusnya proses perkembangan individu cemerlang.

Islam melihat pembangunan sahsiah seseorang bukan sahaja berdasarkan kepada pembangunan insan dari aspek jasmani, naluri dan akal tetapi juga dalam aspek kerohanian. Imam al-Ghazali melihat pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati. Bagi Imam al-Nawawi pula melihat pembangunan sahsiah terangkum dalam lapan aspek yang utama iaitu aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, akhlak sesama insan, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan batasan agama (Kamarul Azmi, 2001 :20) .

Dari sudut pengkaji Barat pula seperti Mark, Weber dan Maslow berpendapat pembangunan manusia lebih kepada perjuangan memenuhi keperluan jasmani manusia itu sendiri seperti memenuhi keperluan fizikal dan psikologi manusia, meningkatkan status kuasa dan agama di samping meningkatkan kelas sosial ekonomi yang menjadi tunjang dalam menentukan pembentukan dan perkembangan struktur sosial masyarakat manusia(Kamarul Azmi, 2001 :14).

Menurut penyelidikan yang dilakukan di bawah tajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Ayesha Dias (<http://www.undp.org/hdro/Dias2000.html>) menyatakan pembangunan manusia diukur kepada peningkatan pembangunan dalam empat aspek. Aspek pertama adalah aspek pembangunan sosial seperti kekurangan kemiskinan, populasi yang dinamik, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kedua, aspek pembangunan ekonomi seperti Keluaran Negara Kasar Negara, perubahan penggunaan barangan dan penggunaan transaksi berteknologi. Ketiga, aspek pembangunan persekitaran, sumber air bersih, lautan, sungai, penggunaan dan pengurusan tanah, kepelbagaian dalam biologi, bioteknologi, pertanian, sistem pembuangan yang cekap seperti sampah sarap, sisa toksid, bahan kimia dan bahan radioaktif. Keempat dan terakhir sekali ialah aspek pembangunan institusi seperti integrasi persekitaran, dan peningkatan dalam membuat keputusan, institusi yang saintifik, institusi yang berdaftar dan kapasiti bangunan.

Jika ditinjau dari sudut pengkaji Islam dan Barat, pembangunan diri pelajar yang selari dengan Falsafah Pendidikan Negara akan membentuk sahsiah pelajar yang seimbang dan cemerlang sekaligus menghilangkan sama sekali masalah sosial dikalangan pelajar.

Pembentukan sahsiah ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti ciri-ciri biologi yang diwarisi, persekitaran fizikal dan budaya (Siti Fatimah , 1993:50). Begitu juga menurut Ee Ah Meng (1997:136) yang menyatakan bahawa pembentukan sahsiah adalah dipengaruhi oleh baka dan persekitaran.

Masalah sosial ialah gejala abnormal atau tingkahlaku yang tidak bermoral dan bersifat merosakkan (Sulaiman Ibrahim, 2000: 153). Oleh itu masalah sosial dalam sekolah yang dianggap masalah sosial sekolah ialah tingkahlaku yang menyimpang daripada norma-norma dan nilai-nilai yang telah ditentukan oleh pihak pentadbiran sekolah.

Dalam konteks kajian yang akan dilakukan berkisar dalam lingkungan sekolah seperti kehidupan di asrama dan sekolah serta aktivitinya, kemudahan yang disediakan, peranan guru-guru dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran sekolah yang memainkan peranan dalam pembentukan sahsiah pelajar.

2.3 Teori-Teori Perkembangan Sahsiah

2.3.1 Teori Perkembangan Diri

Pengkaji awal bagi teori perkembangan diri adalah Cooley (1902) dan Mead G.H. (1934). Cooley percaya bahawa sahsiah lahir daripada interaksi seseorang dengan dunia persekitarannya. Menurut beliau, manusia membentuk "*looking-glass selves*" dalam interaksi tersebut. Melalui fikiran dan perasaan, imej diri terbentuk daripada pandangan orang lain terhadap dirinya. Mead seorang ahli psikologi dari Amerika telah meneruskan lagi kajian bagaimana diri terbentuk. Beliau percaya diri manusia lahir daripada suatu produk sosial melalui hubungan dengan manusia lain. Sebagai contoh bagaimana seorang bayi dan kanak-kanak tidak boleh menginterpretasikan perlakuan manusia dewasa dan untuk memahami makna setiap perlakuan tersebut. Apabila sudah memahaminya, mereka kemudiannya akan cuba mengalami pengalaman tersebut.

Menurut Mead lagi pembentukan manusia berlaku dalam tiga peringkat. Pertamanya peringkat bayi mengajuk dan meniru (*imitation stage*) perlakuan orang dewasa tanpa memahaminya. Kedua adalah peringkat bermain (*play stage*) di mana kanak-kanak memahami sesuatu perlakuan seseorang seperti seorang doktor, ahli bomba

dan sebagainya dan akan bermain berdasarkan perlakuan tersebut. Ketiga adalah peringkat permainan (*game stage*) di mana kanak-kanak bukan hanya belajar apa yang dijangkakan daripada perlakuan seseorang tetapi juga daripada keseluruhan kumpulan tersebut (Neil,1981: 57-59).

Dalam konteks sekolah, pembentukan sahsiah seseorang pelajar itu akan berdasarkan kepada apa yang dipelajari, difahami hasil daripada interaksi dengan pelajar-pelajar yang lain dan akan cuba mempraktikkannya pula.

2.3.2 Teori Perkembangan Psikoanalisis

Teori perkembangan sahsiah Sigmund Frued (1906) menentang apa yang dinyatakan oleh Mead sebaliknya menyatakan bahawa kepercayaan individu selalunya bertentangan dengan masyarakat. Menurut Frued, perkembangan biologi, khususnya seksual adalah bertentangan dengan norma-norma masyarakat, sebaliknya seiring dengan proses sosialisasi.

Teori Frued ini berasas kepada tiga bahagian dalam diri manusia iaitu id (nafsu), ego (akal) dan superego (iman). Id merupakan bahagian sahsiah tak sedar yang menekankan kepuasan serta merta dan hendakkan keseronokan maksimum. Ia didorong oleh tenaga libido yang merupakan tempat menyimpan desakan asas dan merupakan stesen menyimpan segala keinginan manusia. Id akan merangsang kita untuk mempunyai seks, makan, minum dan apa-apa yang memenuhi keperluan manusia.

Ego adalah merupakan bahagian yang mengawal sahsiah, yang menghubungkan sahsiah diri dengan dunia luar. Ia akan bertindak mengawal keinginan nafsu agar keinginan itu tidak melanggar nilai-nilai dan norma-norma masyarakat. Superego merupakan pengawal yang akan membentuk sahsiah manusia bermoral. Bahagian ini berkembang secara beransur-ansur ketika kanak-kanak memperolehi nilai-nilai moral daripada ibu bapa dan gurunya. Superego menghantar maklumat tentang nilai-nilai moral

kepada ego yang akan bertindak (berdasar maklumat tersebut) untuk mengawal id. Perkembangan sahsiah yang normal bagi kanak-kanak berlaku apabila id, ego dan superego berada dalam keadaan seimbang. Sebaliknya ketidakseimbangan antara ketiga-tiga bahagian ini akan menyebabkan berlakunya masalah tingkahlaku seseorang.

Menurut Frued lagi, perkembangan sahsiah manusia terbentuk dalam lima peringkat yang berturutan. Setiap peringkat ini dihubungkan dengan bahagian-bahagian tertentu pada tubuh manusia. Semasa setiap peringkat, keinginan untuk mendapatkan kepuasan menjadi konflik dengan nilai moral yang ditentukan oleh ibu bapa, kemudiannya oleh superego.

Pertama adalah peringkat oral (0–1½) iaitu aktiviti yang diarahkan untuk mendapatkan kepuasan melalui mulut seperti menghisap, menggigit dan menelan. Kedua adalah peringkat anal (1½-3 tahun) yang bermula apabila kanak-kanak berupaya mengawal dirinya. Kepuasan diperolehi daripada aktiviti pembuangan najis. Kanak-kanak akan berusaha untuk berdikari sebagaimana yang dilatih agar mendapat penerimaan dan kasih sayang daripada ibubapanya.

Peringkat ketiga dikenali sebagai peringkat falik (3-5 tahun). Pada peringkat ini kanak-kanak mendapat keseronokan pada organ kejantinaan. Pada peringkat ini, anak lelaki dan perempuan mula tertarik kepada mereka yang berlainan jantina. Anak lelaki memasuki fasa oedipus, lebih tertarik kepada ibunya, manakala anak perempuan memasuki fasa Elektra, lebih tertarik kepada bapanya.

Keempat adalah peringkat pendaman (5-12 tahun), di mana keinginan seksual semakin bertambah dan kanak-kanak mula ambil tahu mengenai rakan sebaya yang berlainan jantina. Perasaan kasih mula dialihkan kepada orang lain selain keluarganya. Dia mulai menguasai nilai-nilai moral. Kelima dan terakhir adalah peringkat kejantinaan (12 tahun dan ke atas), di mana remaja mula berminat terhadap rakan sebaya yang berlainan jantina (Dacey 1996:29).

Teori Psikoanalisa menekankan bahawa sahsiah seseorang berdasarkan pengalaman sewaktu dia masih kanak-kanak. Jika seorang kanak-kanak sering mengalami kekecewaan, dilayan dengan kejam, tidak mendapat kasih sayang yang mencukupi, dia akan terjejas perkembangannya. Ini menyebabkan dia berkelakuan kurang matang atau abnormal.

2.3.3 Teori Perkembangan Kognitif

Pengasas teori ini adalah Jean Piaget (1896-1980) dan Lev Vygotsky's (1898-1934). Kajian mereka mengenai teori perkembangan kognitif dengan perspektif yang berbeza. Piaget mengkaji perkembangan kognitif dari sudut struktur perkembangan kognitif sementara kajian Vygotsky's lebih kepada peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif.

Teori Piaget adalah berhubung dengan perkembangan kognitif (mental) manusia. Piaget dianggap sebagai bapa psikologi kanak, psikologi perkembangan dan kognitif. Beliau menyatakan perkembangan sahsiah manusia selari dengan pertambahan struktur kognitif. Struktur-struktur ini dijemakan melalui pengalaman dan bagaimana kanak-kanak yang membesar menyesuaikan diri dengan pengalaman-pengalaman baru dan membentuk corak-corak pembelajaran yang kompleks.

Menurut beliau, setiap manusia akan melalui empat peringkat perkembangan kognitif melibatkan skill baru yang mendefiniskan tentang apa yang dipelajari. Peringkat-peringkat tersebut adalah peringkat deria motor (0-2 tahun), peringkat praoperasi (2-7 tahun), peringkat operasi konkrit dan peringkat operasi formal (12-15 tahun). Perubahan dari satu peringkat ke satu peringkat adalah dapat dilihat sehingga kanak-kanak akan berkemampuan memahami matematik, logical dan masalah moral yang abstrak, serta perkara yang akan datang. Urutan perkembangan mental membolehkan mereka menghuraikan masalah yang abstrak serta membuat hipotesis dalam menyelesaikannya.

Peaget menyatakan bahawa kita mewarisi satu kaedah pada fungsi intelektual yang mampu bertindakbalas dengan persekitaran dalam pembentukan struktur kognitif melalui dua mekanisma iaitu adaptasi dan organisasi. Adaptasi pula mengandungi dua unsur iaitu asimilasi dan akomodasi. Asimilasi bermaksud seseorang cuba memahami sesuatu yang belum pernah diketahui atau dipelajari daripada yang sudah diketahui. Ada kalanya sesuatu yang baru itu diubah mengikut apa yang sudah diketahuinya. Akomodasi pula bermakna seseorang yang mengubah skemanya berdasarkan keperluan baru. Ini berlaku apabila sesuatu yang baru itu tak dapat diterima oleh skema yang ada. Bagi mengimbang antara maklumat baru dengan skema kognitif, seseorang itu akan melalui proses equilibrasi (Decay: 1996:37).

Vygotsky (1978) menekankan peranan budaya dan masyarakat dalam perkembangan kognitif manusia. Menurut beliau, peringkat tertinggi dalam perkembangan kognitif manusia adalah proses mental seperti ingatan, minat dan pentaakulan yang seringkali berlaku sebagai pencapaian bahasa, matematik dan teknik-teknik ingatan (Dacey, 1996:40).

Beliau telah memperkenalkan “**zone of proximal development**” iaitu perbezaan jarak antara paras sebenar perkembangan individu dengan paras tertinggi perkembangan potensi diri individu tersebut. Tahap kognitif seseorang boleh ditentukan melalui penyelesaian masalah yang dilakukan secara persendirian dan apa yang boleh dilakukan dengan pertolongan daripada orang lain. Beliau percaya pembelajaran akan berkesan apabila pengajaran yang disampaikan bersesuaian dengan tahap pemikiran seseorang pelajar.

Dalam konteks sekolah, seseorang guru hendaklah mengetahui tahap kognitif dan mental pelajar-pelajarnya untuk menghasilkan proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan. Dalam keadaan tertentu, ada kemungkinan seseorang pelajar yang tidak dapat mengikut atau memahami apa yang cuba disampaikan oleh gurunya akan menimbulkan masalah sosial.

2.3.4 Teori Perkembangan Psikososial

Pelopop bagi teori perkembangan psikososial adalah Erik Erikson. Kajian beliau terhadap beberapa orang ternama dari beberapa buah negara menunjukkan bahawa perkembangan sahsiah manusia adalah hasil daripada interaksi antara baka dan persekitaran. Menurut Erikson, hidup manusia dari mula lahir hingga kematiannya melalui lapan tahap perkembangan. Dalam semua tahap, seseorang itu perlu menghadapi krisis perkembangan. Cara seseorang itu menghadapi dan menyelesaikan krisis itulah akan memberi kesan terhadap sahsiah diri dan pandangan masyarakat terhadapnya. Cara penyelesaian yang tidak baik terhadap sesuatu krisis dalam suatu tahap perkembangan akan memberi kesan negatif dalam seluruh perkembangan hidupnya walaupun kadangkala kesalahan yang dilakukan boleh dibaiki pada tahap-tahap berikutnya (Woolfork, 1993).

Pada tahap pertama hingga ke empat (sejak lahir hingga 12 tahun), seseorang itu akan belajar untuk menyayangi dan mempercayai orang tertentu. Ia juga akan cuba membuat sesuatu tanpa bantuan daripada orang lain. Perkara-perkara baru akan di terokai, galakan serta pujian yang di terima akan menambahkan keyakinan untuk melakukan sesuatu kerja sebaliknya jika keinginan mereka di halang akan membuatkan mereka kurang yakin dan merasa rendah diri.

Peringkat kelima (12 – 18 tahun) seseorang itu memasuki alam remaja di mana seseorang itu cuba membentuk identiti diri. Amalan, nilai dan sikap mereka selalunya bertentangan dengan orang dewasa dan kadangkala tidak mahu akur dengan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh pihak sekolah, guru atau ibu bapa. Dalam peringkat ini ibu bapa dan guru mestilah memahami keperluan remaja agar suatu sahsiah yang sihat akan terbentuk.

Dalam tahap keenam pula, seseorang itu akan memasuki alam dewasa. Mereka akan mewujudkan perhubungan yang erat dengan orang tertentu untuk mencapai kemesraan dan kerapatan dan seterusnya akan mendirikan rumahtangga. Sebaliknya

kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan dia mengalami pengasingan dan merasa kesunyian.

Dalam tahap ketujuh, seseorang itu mengalami alam pertengahan kedewasaan. Di peringkat ini, seseorang itu akan berusaha memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada generasi yang berikutnya.

Tahap yang kelapan dan terakhir, seseorang dewasa akan melakukan refleksi sendiri dengan mengingati kembali kejayaan atau kegagalan yang dialaminya di peringkat awal. Seseorang yang berjaya akan merasa puas hati dan menerima dirinya sebaliknya kegagalan menyebabkan dia merasa putus asa.

2.3.5 Teori Pembelajaran Sosial

Albert Bandura adalah seorang daripada arkitek Teori Pembelajaran Sosial yang menekankan pengaruh model pada perkembangan sahsiah. Bandura memanggil ini pembelajaran secara pemerhatian. Ini bermakna kanak-kanak mendapat maklumat daripada pemerhatian orang lain, perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekelilingnya (Decay:1996: 42). Beliau menunjukkan bukti bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, membedung pemerhatian itu, menghasilkan tingkahlaku yang dibendung serta peneguhan dan motivasi terhadap tingkahlaku yang dihasilkan.

Teori pembelajaran sosial menyatakan bahawa tingkahlaku dipelajari. Kanak-kanak biasanya mengikuti tingkahlaku orang-orang di sekelilingnya. Proses ini menjadi cepat jika mereka diberi galakan dan peneguhan. Sebagai contohnya, jika seseorang pelajar dipuji kerana dapat keputusan yang baik dalam peperiksaan, maka kemungkinan besar dia akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan yang lain.

Tetapi jika seseorang kanak-kanak itu berhadapan dengan keganasan dan tingkahlaku yang agresif di rumah, kemungkinan kanak-kanak itu mempelajari

tingkahlaku tersebut. Ini bermakna, faktor-faktor persekitaran seperti keluarga, sekolah dan rakan sebaya boleh mempengaruhi seseorang.

Dalam menjelaskan teorinya, Bandura telah menyatakan empat elemen utama pembelajaran melalui pemerhatian serta harus diberi penekanan iaitu perhatian, pembendungan, penghasilan, peneguhan dan motivasi.

Perhatian adalah elemen pertama pembelajaran. Bagi kanak-kanak, perhatian mereka lebih terhadap ibu bapa, abang dan kakak atau guru-guru. Bagi mereka pelajar-pelajar yang lebih tua perhatian mereka lebih banyak kepada rakan sebaya yang popular, penyanyi dan pelakon atau watak-watak utama televisyen.

Pembendungan merupakan tahap kedua dalam pembelajaran. Ini boleh berlaku dengan cara mengingati perbuatan-perbuatan yang diperhatikan. Perbendungan menjadi kukuh dengan berfikir tentang itu berulang kali atau melatih perbuatan yang diperhatikan.

Penghasilan adalah tahap ketiga dalam pembelajaran. Ini bermakna seseorang itu 'melakonan' apa yang dipelajarinya dalam kehidupan seharian. Ini memerlukan latihan supaya penghasilannya licin tanpa sebarang masalah.

Keempat dan yang terakhir adalah pembelajaran melalui motivasi dan peneguhan. Melalui peneguhan dan motivasi boleh menyebabkan sesuatu yang diperhati dan dipelajari dipertunjukkan.

2.3.6 Teori Keperluan Manusia (Humanistik)

Abraham Maslow (1970) telah memberi sumbangan besar menerusi kajian mengenai perkembangan sahsiah manusia. Beliau menyatakan bahawa manusia mempunyai tujuh hierarki keperluan yang perlu disempurnakan. Empat keperluan peringkat bawah iaitu keperluan untuk hidup, keperluan untuk keselamatan daripada bahaya dan ancaman persekitaran, keperluan untuk pengumpulan harta dan kasih sayang dan keperluan

pencapaian diri. Keempat-empat keperluan ini disebut 'deficiency needs'. Manakala tiga peringkat di atas yang di panggil 'being needs' terdiri daripada keperluan terhadap pengetahuan dan kefahaman, keperluan terhadap estetik dan yang paling atas adalah keperluan terhadap pencapaian hasrat diri iaitu potensi dan kebolehan (Woolfolk, 1980:340).

Dalam konteks sekolah, jelaslah bahawa para pelajar mempunyai pelbagai keperluan dan akan cuba memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Apabila keperluan-keperluan ini disempurnakan maka para pelajar sedia mematuhi peraturan dan disiplin yang di tetapkan. Sebaliknya jika keperluan tersebut gagal dipenuhi, akan berlakulah gangguan emosi. Gangguan emosi inilah yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan salah laku dan melanggar peraturan sekolah.

2.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi sahsiah

Pembentukan sahsiah seseorang individu adalah dipengaruhi oleh baka dan persekitaran.

2.4.1 Baka

Faktor baka akan mempengaruhi sahsiah secara langsung . Kesemua unsur ini akan mempengaruhi sahsiah individu.

- a. Saiz badan.** Saiz badan akan menentukan kesesuaian seseorang melakukan sesuatu aktiviti. Kebolehan melakukan sesuatu aktiviti akan meningkatkan nilai prestij yang tinggi untuk dirinya. Ini menyebabkan seorang itu diminati oleh rakan-rakannya dan seterusnya meningkatkan harga dirinya. Harga diri yang meningkat akan membentuk sahsiah yang sihat.
- b. Penyakit.** Melalui baka, kemungkinan seseorang itu mewarisi penyakit seperti lelah dan kencing manis tetap ada. Kanak-kanak yang kurang bertenaga dan kerap sakit akan menyukarkannya menyertai aktiviti sosial yang menyebabkan

perkembangan sosialnya akan terganggu. Hubungan dengan rakan-rakan yang lain juga kurang. Dia akan merasa sedih dan mengalami kesunyian. Perkembangan sahsiahnya menjadi tidak sihat kerana perkembangan sosial dan emosi yang terjejas.

- c. Kecerdasan.** Perbezaan kecerdasan yang diwarisi antara individu adalah suatu kenyataan. Kecerdasan membantu seseorang individu menyelesaikan masalah sehari-hari dan masalah akademik. Kemampuan menjawab soalan dalam peperiksaan dan dalam bilik darjah akan membentuk sahsiah yang meyakinkan. Sebaliknya seseorang yang kurang kecerdasan menyebabkan sukar untuk menyelesaikan tugas akademik dan sering mendapat keputusan yang kurang baik dalam peperiksaan. Ini akan menjadikan seseorang itu menarik diri daripada rakan-rakannya dan menjadi pemalu.
- d. Temperamen** (Sifat semulajadi). Temperamen seseorang individu boleh mempengaruhi interaksinya dengan individu-individu yang lain. Seseorang yang stabil emosinya serta boleh mengawal kekecewaannya meyenangkan orang lain menghampiri dan bergaul dengannya sebaliknya seseorang yang pemarah, kurang sabar dan gemar mengkritik orang lain biasanya akan dijauhi oleh orang lain.

2.4.2 Persekitaran

Persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sahsiah seseorang individu. Antara faktor persekitaran itu termasuklah keluarga, pengalaman awal, kebudayaan, pengaruh sekolah, rakan sebaya, media massa dan masyarakat.

a. Keluarga

- i. Suasana rumah.** Dalam ikatan sosial keluarga, terdapat sifat kasih sayang, saling menghormati dan pelaksanaan tanggungjawab oleh setiap ahli keluarga, di mana ayah menjadi penanggungjawab keluarga. Ayah berperanan memenuhi

segala keperluan hidup, memberi perlindungan, mengembangkan sahsiah anggota keluarga. Selain itu, ibu mempunyai peranan tersendiri dalam pembentukan sahsiah anak-anak dalam sesuatu keluarga. Ini kerana ibu adalah orang paling rapat dengan anak-anak, bermula daripada kelahirannya ibulah yang mengasuh, menyusu dan melindunginya.

Corak perhubungan di dalam keluarga mempunyai kesan terhadap anak. Rumah yang mesra dan harmoni menggalakkan bagi perkembangan sahsiah yang sihat. Keluarga yang retak dan ibu bapa yang bercerai akan mewujudkan suasana rumah yang dingin dan mengancam perkembangan sahsiah kanak-kanak dari segi emosi dan sosial. Bagi ibu bapa yang bersikap demokratik akan juga membantu kanak-kanak dalam proses membuat keputusan.

Ini dapat meningkatkan lagi konsep sendiri kanak-kanak. Kasih sayang, layanan, asuhan dan perhatian yang diberikan ibu bapa akan secara langsung akan membantu perkembangan sahsiah yang positif. Sebaliknya ibu yang tidak pengasih pula boleh menyebabkan anaknya melawan, bersikap dingin, berasa iri hati dan pesimitik pandangan hidupnya.

ii. Pemakanan - Makan seimbang adalah perlu perkembangan sahsiah kanak-kanak secara menyeluruh. Kekurangan terhadap satu-satu jenis makanan boleh menyebabkan individu akan cepat letih atau mudah terkena penyakit. Ini akan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat sekolah atau menyertai aktiviti ko-kurikulum. Tanpa pergi ke sekolah dan menyertai aktiviti ko-kurikulum akan menjejaskan perkembangan jasmani, intelek dan rohani pelajar.

iii. Taraf sosioekonomi keluarga. Kedudukan kewangan keluarga akan menentukan jenis-jenis kemudahan yang boleh disediakan untuk anak-anaknya. Selain makanan yang seimbang, ibu bapa akan mampu menyediakan bahan pengajaran tambahan seperti buku rujukan, komputer, alatan permainan dan peralatan muzik. Sebaliknya kanak-kanak yang datangnya dari keluarga miskin,

tidak dapat menyediakan perkara tersebut menyebabkan perkembangan sahsiah mereka terjejas.

Dengan ini jelaslah kedudukan sosioekonomi tetap akan mempengaruhi perkembangan sahsiah seseorang individu. Dalam ertikata yang lain, terdapat proses sosialisasi yang berlainan di antara dua kelas ini. Proses sosialisasi di kelas bawahan tidak menggalakkan anak berfungsi dengan lebih sempurna di sekolah. Jika dibandingkan dengan anak-anak kelas pertengahan atau atasan yang lebih bersedia untuk masuk ke sekolah, disebabkan oleh keadaan persekitaran yang berlainan.

b. Pengalaman Awal

Pengalaman awal kanak-kanak amat mempengaruhi perkembangan sahsiah seseorang individu. Kanak-kanak yang selalu dihukum kerana melakukan kesilapan akan menyebabkan kanak-kanak sentiasa merasa bimbang dan bersalah.

Kanak-kanak yang tidak pernah didedahkan kepada pengalaman prasekolah akan merasa rendah diri serta terancam apabila tidak boleh mengenal huruf dan nombor. Situasi begini akan menjejaskan harga diri serta konsep sendiri positif seseorang kanak-kanak.

c. Kebudayaan

Kebudayaan yang berbeza memang mempunyai norma dan nilai yang berbeza. Penekanan terhadap satu-satu nilai dalam satu-satu kebudayaan tertentu akan mempengaruhi perkembangan sahsiah kanak-kanak juga. Contohnya, jika budaya sesuatu keluarga menekankan unsur agama, maka individu yang dibesarkan akan menjaga nilai-nilai agama. Sebaliknya, kalau sesuatu keluarga yang menekankan kekayaan dan kebendaan sebagai nilai yang penting dalam hidup, maka kanak-kanak yang membesar akan bersifat materialistik.

Nilai-nilai murni yang ditekankan kepada kanak-kanak seperti sifat hormat-menghormati, tolong-menolong, belas kasihan, bertoleransi, jujur, bersih, rajin, syukur dan sebagainya akan menjadikannya seorang yang sopan dan menonjolkan sahsiah yang seimbang.

d. Pengaruh Sekolah

Sekolah adalah agen sosialisasi yang beroperasi secara formal. Ianya mengandungi struktur pentadbiran dalam mengurus program pengajian. Kuasa di sekolah terletak kepada orang tertentu seperti pengetua, guru penolong kanan, guru disiplin dan lain-lain lagi. Oleh itu jenis kepimpinan dan suasana sekolah amat mempengaruhi perkembangan sahsiah kanak-kanak. Pengetua sekolah yang tegas akan melahirkan pelajar yang berdisiplin bagi melaksanakan sesuatu tugas.

Sebaliknya pengetua yang tidak tegas akan melahirkan pelajar yang pasif, kurang inovatif dan takut membuat sesuatu perubahan. Sifat-sifat kepimpinan pelajar akan terbantut perkembangannya.

Sifat guru yang adil, tidak pilih kasih dan kurang menghukum secara deraan akan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang sihat. Guru yang penyayang pula akan membentuk emosi pelajar yang stabil. Sifat-sifat yang baik ini akan menjamin sahsiah yang sihat. Sebaliknya guru yang tidak adil, pilih kasih suka mendera pelajar akan menjadi ikutan kepada pelajar-pelajar. Ini akan melahirkan sahsiah pelajar yang kurang baik. Sehubungan dengan itu, peranan guru di dalam dan di luar bilik darjah, semasa mereka berinteraksi dengan murid adalah penting. Keith (1979) menegaskan bahawa guru adalah agen sosialisasi yang berpengaruh.

Persekitaran sekolah merupakan situasi yang menggalakkan perkembangan sikap positif terhadap rakan dan sekolah, kerana pelajar adalah produk sekitarnya. Sekitaran sekolah yang baik dapat membantu pembentukan sahsiah yang sempurna. Melalui bimbingan guru dan persekitaran yang menyenangkan, maka harapan untuk mempengaruhi pelajar-pelajar yang mengalami hubungan sosial adalah lebih cerah.

e. Rakan Sebaya

Di mana-mana sekolah pun, pelajar-pelajar mempunyai kumpulan atau pun organisasi masing-masing yang merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang. Organisasi ini mempunyai sistem pangkat dan martabatnya sendiri. Ahli-ahli kumpulan ini bertindak mengikut pola tingkahlaku yang dipersetujui bersama.

Clark (1969) melaporkan terdapat empat corak budaya pelajar. Pertama diberi nama sub-budaya keseronokan yang mengutamakan kecantikan rupa, sukan, berkelah dan sebagainya tanpa menghargai nilai-nilai akademik. Kumpulan yang kedua, ialah sub-budaya akademik iaitu mereka yang berorientasikan pelajaran dan aktiviti-aktiviti bercorak akademik. Kumpulan yang ketiga terdiri daripada mereka yang dikatakan delinkuen. Mereka ini adalah pelajar yang suka memberontak, menentang sekolah dengan nilai orang dewasa dan ponteng sekolah. Kumpulan keempat tidak menyebelahi mana-mana pihak. Mereka lebih suka mengasingkan diri, tidak mengambil tahu apa yang berlaku (Mohamed Nor, 1990:50).

Glidewell (1966) mendapati tiga cara utama bagaimana kanak-kanak dapat dipengaruhi oleh rakan mereka.

- a) Anak-anak muda dipengaruhi oleh rakan sebaya apabila anak-anak berkenaan ingin diterima atau disukai oleh kumpulan rakan mereka.
- b) Mereka terpengaruh oleh kepimpinan dan kemampuan rakan mereka.
- c) Mereka ingin membuktikan kebolehan dan memperolehi pengakuan dan penghargaan rakan.

Selaras dengan pengaruh-pengaruh tersebut Rose (1970) membuat kesimpulan seperti berikut:

“It is a matter of gaining acceptance from desirable peers as belonging in the group, which later ripens into the conception of the popular teenager”

f. Media Massa

Pendedahan kepada media massa yang sihat adalah penting bagi perkembangan sahsiah yang sihat. Pelajar yang didedahkan dengan program-program seperti bercorak keagamaan, *Taman Sesame* dan *infosains* melalui televisyen, dan radio akan membantu dalam perkembangan intelek seseorang pelajar. Sebaliknya pelajar yang terdedah kepada tayangan video dan filem yang memaparkan keganasan, pergaduhan dan kezaliman akan menyebabkan mereka akan bertendensi untuk memperolehi tingkahlaku yang agresif.

Boleh dikatakan bahawa media massa seperti televisyen, wayang gambar, video dan sebagainya sedikit sebanyak mempengaruhi cara kanak-kanak berfikir, bertingkahlaku, sikap dan kemahiran. Guru dan ibu bapa menghadapi cabaran daripada media massa untuk membangkitkan motivasi dan minat anak terhadap pelajaran sekolah

g. Masyarakat

Aspirasi, harapan dan nilai-nilai sesuatu masyarakat boleh mempengaruhi seseorang individu. Masyarakat yang mempunyai nilai-nilai dan norma-norma yang sihat akan melahirkan anggotanya yang bertanggungjawab, berdedikasi, rajin dan sedia berkorban untuk menolong orang lain.

Masyarakat yang mementingkan kekayaan dan harta benda dengan mengenyepikan nilai-nilai murni akan melahirkan masyarakat kebendaan. Kanak-kanak membesar dengan menjadi individu yang sentiasa mengejar harta benda dan kemewahan. Nilai-nilai murni akan ditinggalkan. Bagi mencapai tujuan tersebut, anggota-anggota masyarakat sanggup mencuri, merompak, membunuh dan mengamalkan rasuah. Ini adalah jelas bagaimana nilai masyarakat boleh menghasilkan sahsiah individu yang tidak diinginkan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pengkaedahan dan prosedur kajian. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji mengenai sahsiah pelajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. Dihuraikan juga kaedah dan tatacara kajian termasuk rekabentuk kajian, pemilihan sampel, instrumentasi, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisan data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dan korelasi iaitu meninjau sejauh mana aspek pembinaan sahsiah pelajar selaras dengan objektif penubuhan SMAKJ akan tercapai. Ini dilakukan dengan meneliti persepsi pelajar, warden asrama, pentadbir/guru sekolah terhadap aktiviti, kemudahan dan kelengkapan serta pengurusan asrama/sekolah.

3.3 Subjek dan Persampelan Kajian

Subjek kajian ini terdiri daripada empat kumpulan iaitu (1) pelajar di asrama (2) pelajar di sekolah (3) warden asrama dan (4) pentadbir/guru SMAKJ. Teknik persampelan menyeluruh digunakan bagi memilih pelajar asrama, pelajar sekolah, warden dan pentadbir/guru. Daripada 680 pelajar tingkatan 2 hingga tingkatan 5, sebanyak 587 pelajar telah terpilih mewakili kelas masing-masing, bilangan yang sama dan dalam tahap yang sama dipilih mewakili pelajar yang tinggal di asrama.

Sebilangan pentadbir sekolah/asrama dan guru dalam sampel kajian telah diambil sebagai subjek. Jumlah subjek pentadbir sekolah dan guru yang menjadi responden kajian ini ialah 5 orang atau 10%, manakala warden asrama yang menjadi responden kajian ini ialah 3 orang atau 45%.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah soal selidik. Dua set soal selidik telah dibentuk iaitu (1) Soal selidik kategori masalah dan latarbelakang responden, (2) Soal selidik trait personaliti pelajar. Kedua-dua set soal selidik ini berasaskan definasi operasional dan persoalan kajian.

Soal selidik pelajar asrama dan sekolah (sila rujuk lampiran A) mengandungi dua bahagian iaitu:

- Bahagian I : 13 kategori masalah.
- Bahagian II : Latar belakang responden.

Soal selidik pelajar asrama dan sekolah (sila rujuk lampiran B) mengandungi satu bahagian sahaja iaitu:

Bahagian 1 – Soalan trait personaliti pelajar(160 soalan)

Para pelajar, pentadbir asrama dan sekolah yang terlibat dalam kajian ini dikehendaki memberikan pandangan mereka terhadap tiap-tiap kenyataan berdasarkan 6 mata skala bagi item-item tertutup. Mereka perlu menandakan pilihan skor bagi item yang dipilih dengan membulatkan. Selain itu, bahagian 1 bagi soal selidik pelajar sekolah dan asrama mengandungi beberapa item terbuka sebagai tambahan. Bahagian terakhir iaitu bahagian 2 mempunyai soalan-soalan berkaitan dengan latar belakang diri bagi pelajar sekolah/asrama.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah perjumpaan dengan subjek secara peribadi telah digunakan untuk pengumpulan data kajian. Pasukan penyelidik telah pergi ke SMAKJ untuk mentadbir soal selidik pelajar, guru dan pentadbir sekolah/asrama. Pengumpulan data telah dijalankan selama 2 hari dalam bulan April 2003.

3.6 Analisis Data

Data yang terkumpul melalui kedua-dua set soal selidik telah diproses dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS/PC+. Statistik deskriptif, iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan data berkaitan dengan: (1) Persepsi responden tentang suasana kehidupan di sekolah dan asrama SMAKJ, (2) Ciri-ciri sahsiah pelajar sekolah dan asrama SMAKJ, (3) Aktiviti asrama, (4) Kemudahan dan kelengkapan asrama SMAKJ, dan (5) Maklumat latar belakang responden.

Analisis inferensi, iaitu korelasi, ujian-t, dan ANOVA telah dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perkaitan antara latar belakang responden dengan suasana kehidupan di sekolah dan asrama dan ciri-ciri sahsiah mereka.

BAB IV

KEPUTUSAN: LATAR BELAKANG RESPONDEN, MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DAN CIRI-CIRI SAHSIAH DIRI PELAJAR SMAKJ

4.0 Pengenalan

Bab ini melaporkan aspek-aspek latar belakang responden, iaitu pelajar dan pentadbir. Laporan keputusan kajian dibuat berdasarkan persoalan kajian berkaitan dengan persepsi pelajar dan pentadbir mengenai aktiviti, kemudahan dan kelengkapan yang terdapat di sekolah dan asrama SMAKJ. Di samping itu, bab ini juga melaporkan dapatan kajian mengenai perbezaan persepsi di antara pelajar dan pentadbir terhadap tiga perkara di atas.

4.1 Latar Belakang Pelajar Asrama

Jadual 1.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Jantina

Jantina	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Lelaki	56 (10%)	67 (11%)	68 (12%)	65 (11%)	256 (44%)
Perempuan	69 (12%)	99 (17%)	79 (13%)	84 (14%)	331 (56%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.1 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, seramai 56 orang (10%) pelajar tingkatan dua, 67 orang (11%) pelajar tingkatan tiga, 68 orang (12%) pelajar tingkatan empat dan 65 orang (11%) pelajar tingkatan lima.

Daripada 331 orang pelajar perempuan, seramai 69 orang (12%) pelajar tingkatan dua, 99 orang (17%) pelajar tingkatan tiga, 79 orang (13%) pelajar tingkatan empat dan 84 orang (14%) pelajar tingkatan lima.

Jadual 1.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Aliran

Aliran	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Sastera	125 (22%)	166 (28%)	66 (11%)	93 (15%)	450 (76%)
Sains	-	-	68 (12%)	29 (5%)	98 (17%)
Tidak Menjawab	-	-	13 (2%)	27 (5%)	40 (7%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.2 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan aliran. Bilangan pelajar daripada aliran sastera adalah yang tertinggi iaitu seramai 450 orang berbanding dengan pelajar daripada aliran sains 98 orang dan tidak menjawab seramai 40 orang.

Daripada 450 orang pelajar aliran sastera, seramai 125 orang (22%) pelajar tingkatan dua, 166 orang (28%) pelajar tingkatan tiga, 66 orang (11%) pelajar tingkatan empat dan 93 orang (15%) pelajar tingkatan lima.

Daripada 98 orang pelajar aliran sains, 68 orang (13%) pelajar tingkatan empat dan 29 orang (5%) pelajar tingkatan lima.

Bagi pelajar yang tidak menjawab, seramai, 13 orang (2%) pelajar tingkatan empat dan 27 orang (5%) pelajar tingkatan lima.

Jadual 1.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Sebab Utama Bersekolah di SMAKJ

Sebab utama bersekolah di SMAKJ	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Pilihan sendiri	88 (15%)	92 (16%)	73 (12%)	68 (11%)	321 (54%)
Pilihan ibu bapa	33 (6%)	65 (11%)	58 (10%)	48 (8%)	204 (35%)
Nasihat guru	-	3 (0.5%)	2 (0.4%)	-	5 (1%)
Mengikut kawan	-	1 (0.2%)	2 (0.4%)	3 (0.5%)	6 (1%)
Lain-lain	4 (1%)	5 (1%)	12 (2%)	30 (5%)	51 (9%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.3 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan sebab utama bersekolah di SMAKJ. Daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, seramai 88 orang (15%) bersekolah di SMAKJ atas pilihan sendiri, 33 orang (6%) pilihan ibu bapa dan 4 orang (1%) menyatakan lain-lain sebab.

Daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, seramai 92 orang (16%) memilih sendiri untuk bersekolah di SMAKJ, 65 orang (11%) menyatakan pilihan ibu bapa, 3 orang (0.5%) menyatakan atas nasihat guru dan seorang (0.2%) menyatakan mengikut kawan manakala 5 orang (1%) lain-lain sebab.

Daripada 147 orang pelajar tingkatan empat, seramai 73 orang (12%) memilih sendiri untuk bersekolah di SMAKJ, 58 orang (10%) menyatakan pilihan ibu bapa, setiap 2 orang (0.4%) masing-masing menyatakan atas nasihat guru dan mengikut kawan sementara 12 orang (2%) menyatakan lain-lain sebab.

Daripada 149 orang pelajar tingkatan lima, seramai 68 orang (11%) memilih sendiri untuk bersekolah di SMAKJ, 48 orang (8%) menyatakan pilihan ibu bapa, 3 orang (0.5%) mengikut kawan dan 30 orang (5%) menyatakan lain-lain sebab.

Jadual 1.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Bilangan Adik Beradik

Bilangan adik beradik	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
1 – 3 orang	25 (5%)	28 (5%)	20 (3%)	24 (4%)	97 (17%)
4 – 6 orang	68 (12%)	92 (15%)	78 (13%)	69 (12%)	307 (52%)
7 – 9 orang	24 (4%)	34 (6%)	37 (7%)	26 (4%)	121 (21%)
10 orang dan lebih	8 (1%)	5 (1%)	6 (1%)	5 (1%)	23 (4%)
Tidak menjawab	-	7 (1%)	6 (1%)	25 (4%)	38 (6%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.4 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan bilangan adik beradik.

Daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, seramai 25 orang (5%) mempunyai 1 hingga 3 orang adik beradik, 68 orang (12%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 24 orang (4%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 8 orang (1%) mempunyai lebih daripada 10 orang adik beradik.

Daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, seramai 28 orang (5%) mempunyai 1 hingga 3 orang adik beradik, 92 orang (15%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 34 orang (6%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 5 orang (1%) mempunyai lebih daripada 10 orang adik beradik serta 7 orang (1%) tidak menjawab.

Daripada 147 orang pelajar tingkatan empat, seramai 20 orang (3%) mempunyai 1 hingga 3 orang adik beradik, 78 orang (13%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 37 orang (7%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 6 orang (1%) mempunyai lebih daripada 10 orang adik beradik serta 6 orang (1%) tidak menjawab.

Daripada 149 orang pelajar tingkatan lima, seramai 24 orang (4%) mempunyai 1 hingga 3 orang adik beradik, 69 orang (12%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 26 orang (4%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 5 orang (1%) mempunyai lebih daripada 10 orang adik beradik. Seramai 25 orang (4%) tidak menjawab soalan ini.

Jadual 1.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Anak Keberapa Dalam Keluarga

Anak keberapa dalam keluarga	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Anak sulung	34 (6%)	47 (8%)	37 (7%)	35 (6%)	153 (27%)
Anak kedua	31 (6%)	33 (6%)	22 (4%)	33 (6%)	119 (22%)
Anak ketiga	17 (3%)	29 (5%)	17 (3%)	16 (2%)	79 (13%)
Anak keempat	18 (3%)	17 (3%)	25 (4%)	21 (4%)	81 (14%)
Anak kelima atau keenam	17 (3%)	25 (4%)	26 (4%)	13 (2%)	81 (13%)
Anak ketujuh, kelapan dan ke atas	7 (1%)	9 (1%)	14 (2%)	5 (1%)	35 (5%)
Tidak menjawab	1 (0.2%)	6 (1%)	5 (1%)	26 (4%)	38 (6%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.5 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan anak keberapa dalam keluarga.

Daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, seramai 34 orang (6%) merupakan anak sulung, 31 orang (6%) adalah anak kedua, setiap 17 orang (3%) masing-masing adalah anak ketiga dan kelima atau keenam, 18 orang (3%) anak keempat dan 7 orang (1%) adalah anak ketujuh, kelapan dan ke atas manakala seorang (0.2%) tidak menjawab.

Daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, seramai 47 orang (9%) merupakan anak sulung dalam keluarga, 33 orang (6%) adalah anak kedua, 29 orang (5%) anak ketiga, 17 orang (3%) anak keempat, 25 orang (4%) adalah anak kelima atau keenam, 9 orang (1%) adalah anak ketujuh, kelapan dan ke atas manakala bakinya 6 orang (1%) tidak menjawab.

Daripada 147 orang pelajar tingkatan empat, seramai 37 orang (7%) merupakan anak sulung dalam keluarga, 22 orang (4%) adalah anak kedua, 17 orang (3%) anak ketiga, 25 orang (4%) anak keempat, 26 orang (4%) adalah anak kelima atau keenam, 14 orang (2%) adalah anak ketujuh, kelapan dan ke atas dan selebihnya 5 orang (1%) tidak menjawab.

Daripada 149 orang pelajar tingkatan lima, 35 orang (6%) orang daripadanya merupakan anak sulung dalam keluarga, 33 orang (6%) anak kedua, 16 orang (3%) anak ketiga, 21 orang (4%) anak keempat, 13 orang (2%) adalah anak kelima atau keenam, 5 orang (1%) adalah anak ketujuh, kelapan dan ke atas manakala baki 26 orang (4%) tidak menjawab.

Jadual 1.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Orang Yang Bertanggungjawab Sebagai Penjaga

Orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Ibu bapa	113 (20%)	150 (26%)	131 (22%)	118 (20%)	512 (88%)
Bapa sahaja	3 (0.6%)	1 (0.2%)	1 (0.2%)	1 (0.2%)	6 (1%)
Ibu sahaja	7 (1%)	9 (1%)	7 (1%)	5 (0.8%)	28 (4%)
Orang lain	1 (0.2%)	-	2 (0.4%)	-	3 (1%)
Tidak menjawab	1 (0.2%)	6 (1%)	6 (1%)	25 (4%)	40 (6%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	141 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.6 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga. Bilangan pelajar yang tinggal dengan ibu bapa adalah lebih tinggi iaitu 512 orang (88%) berbanding dengan mereka yang tinggal dengan bapa sahaja 6 orang (1%), 28 orang (5%) tinggal dengan ibu sahaja dan 3 orang (0.5%) tinggal dengan orang lain dan selebihnya 40 orang (6%) tidak menjawab.

Daripada 512 orang yang tinggal dengan ibu bapa, 113 orang (20%) daripadanya pelajar tingkatan dua, 150 orang (26%) pelajar tingkatan tiga, 131 orang (22%) pelajar tingkatan empat dan 118 orang (20%) pelajar tingkatan lima.

Daripada 6 orang yang tinggal dengan bapa sahaja, 3 orang (0.5%) daripadanya pelajar tingkatan dua dan setiap seorang (0.2%) masing-masing pelajar tingkatan tiga, pelajar tingkatan empat dan pelajar tingkatan lima.

Daripada 28 orang yang tinggal dengan ibu sahaja, setiap 7 orang (1%) masing-masing pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat, 9 orang (1%) pelajar tingkatan tiga dan 5 orang (1%) pelajar tingkatan lima.

Dua orang (0.4%) pelajar tingkatan empat dan seorang (0.2%) pelajar tingkatan dua tinggal dengan orang lain. Pelajar yang tidak menjawab pula seramai 40 orang (6%) iaitu seorang (0.2%) dari tingkatan 2, 6 orang (1%) masing-masing dari tingkatan tiga dan empat manakala 25 orang (4%) dari tingkatan lima.

Jadual 1.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Bapa

Pendapatan bapa	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
RM3000 dan ke atas	18 (3%)	20 (3%)	11 (2%)	14 (2%)	63 (10%)
RM2000 – RM2999	14 (2%)	31 (5%)	21 (3%)	20 (3%)	86 (13%)
RM1000 – RM1999	28 (5%)	53 (9%)	53 (9%)	51 (9%)	185 (32%)
RM999 dan ke bawah	52 (10%)	47 (8%)	46 (8%)	35 (7%)	180 (31%)
Tidak menjawab	13 (3%)	15 (3%)	16 (3%)	29 (5%)	73 (14%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.7 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendapatan bapa. Seramai 63 orang (10%) datang dari keluarga yang bapanya berpendapatan RM3000 ke atas. 86 orang (13%) dari keluarga yang bapanya berpendapatan antara RM2000 hingga RM2999, 185 orang (32%) dari keluarga yang bapanya berpendapatan antara RM1000 hingga RM1999 dan 180 orang (31%) dari keluarga yang bapanya berpendapatan antara RM999 dan ke bawah. Manakala pelajar yang tidak menjawab soalan ini seramai 73 orang (14%).

Jadual 1.8: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Ibu

Pendapatan ibu	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
RM3000 dan ke atas	6 (1%)	5 (1%)	-	4 (1%)	15 (3%)
RM2000 – RM2999	12 (2%)	15 (3%)	13 (2%)	9 (1%)	49 (8%)
RM1000 – RM1999	19 (3%)	41 (7%)	31 (5%)	45 (8%)	136 (23%)
RM999 dan ke bawah	27 (5%)	26 (4%)	25 (4%)	16 (3%)	94 (16%)
Tidak menjawab	61 (10%)	79 (13%)	78 (13%)	75 (13%)	293 (50%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.8 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendapatan ibu. Daripada 587 orang yang memberi maklum balas tentang pendapatan ibu, seramai 15 orang (3%) datang dari keluarga yang ibunya berpendapatan RM3000 ke atas, 49 orang (8%) dari keluarga yang ibunya berpendapatan antara RM2000 hingga RM2999, 136 orang (23%) dari keluarga yang ibunya berpendapatan antara RM1000 hingga RM1999 dan 94 orang (16%) dari keluarga yang ibunya berpendapatan antara RM999 dan ke bawah. Manakala 293 orang (50%) tidak menjawab soalan ini.

Jadual 1.9: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendapatan Penjaga

Pendapatan penjaga	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
RM3000 dan ke atas	1 (0.2%)	-	-	-	1 (0.2%)
RM2000 – RM2999	-	-	-	-	(0%)
RM1000 – RM1999	-	-	-	-	(0%)
RM999 dan ke bawah	-	-	2 (0.4%)	-	2 (0.4%)
Tidak menjawab	124 (21.8%)	166 (28%)	145 (24.6%)	149 (25%)	584 (99.4%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.9 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendapatan penjaga. Seorang (0.2%) pelajar tingkatan dua yang tinggal dengan penjaga menyatakan pendapatan penjanganya ialah RM3000 dan ke atas sementara 2 orang (0.4%) pelajar tingkatan 4 empat menyatakan penjaga mereka berpendapatan RM999 dan ke bawah. 584 orang (99.4%) pelajar tidak menjawab soalan ini.

Jadual 1.10: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Bapa

Pendidikan tertinggi bapa	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Tidak bersekolah	2 (0.4%)	1 (0.2%)	4 (0.7%)	1 (0.2%)	8 (1%)
Sekolah Rendah	9 (1%)	11 (2%)	14 (2%)	10 (2%)	44 (7%)
Sekolah Menengah	48 (8%)	54 (9%)	55 (9%)	49 (9%)	206 (35%)
Maktab/Kolej	25 (4%)	42 (7%)	32 (5%)	34 (6%)	133 (23%)
Universiti	27 (5%)	42 (7%)	30 (5%)	25 (4%)	124 (21%)
Lain-lain	1 (0.2%)	3 (0.6%)	-	1 (0.2%)	5 (1%)
Tidak menjawab	13 (2.5%)	13 (2.5%)	12 (2%)	29 (5%)	67 (12%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.10 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendidikan tertinggi bapa. Seramai 8 orang (1%) pelajar menyatakan bapa mereka tidak bersekolah, 44 orang (7%) menyatakan bapa mereka tamat sehingga sekolah rendah sahaja, 206 orang (35%) menyatakan bapa mereka bersekolah sehingga sekolah menengah, 133 orang (23%) menyatakan bapa mereka berpendidikan sehingga maktab atau kolej, 124 orang (21%) menyatakan bapa mereka adalah graduan daripada universiti dan 5 orang (1%) menyatakan bapa mereka mempunyai lain-lain kelulusan, manakala 67 orang (12%) tidak menjawab soalan ini.

Jadual 1.11: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Ibu

Pendidikan tertinggi ibu	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Tidak bersekolah	3 (0.5%)	3 (0.5%)	3 (0.5%)	1 (0.2%)	10 (1%)
Sekolah Rendah	4 (0.7%)	13 (2%)	23 (4%)	8 (1%)	48 (6%)
Sekolah Menengah	70 (13%)	66 (12%)	63 (12%)	69 (13%)	268 (50%)
Maktab/Kolej	21 (3%)	41 (7%)	26 (4%)	34 (5%)	122 (19%)
Universiti	16 (3%)	26 (4%)	16 (3%)	7 (0.8%)	65 (10%)
Lain-lain	1 (0.2%)	2 (0.4%)	-	1 (0.2%)	4 (1%)
Tidak menjawab	10 (2%)	15 (3%)	16 (3%)	29 (5%)	70 (13%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.11 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendidikan tertinggi ibu. Seramai 10 orang (1%) pelajar menyatakan ibu mereka tidak bersekolah, 48 orang (6%) menyatakan ibu mereka tamat sehingga sekolah rendah sahaja, 268 orang (50%) menyatakan ibu mereka bersekolah sehingga sekolah menengah, 122 orang (19%) menyatakan ibu mereka berpendidikan sehingga maktab atau kolej, 65 orang (10%) menyatakan ibu mereka adalah graduan daripada universiti dan 4 orang (1%) menyatakan ibu mereka mempunyai lain-lain kelulusan manakala 70 orang (13%) tidak menjawab soalan ini.

Jadual 1.12: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Tingkatan Dan Pendidikan Tertinggi Penjaga

Pendidikan tertinggi penjaga	Tingkatan				Jumlah
	2	3	4	5	
Tidak bersekolah	-	-	-	-	-
Sekolah Rendah	-	-	1 (0.2%)	-	1 (0.2%)
Sekolah Menengah	-	-	1 (0.2%)	-	1 (0.2%)
Maktab/Kolej	-	-	-	-	-
Universiti	1 (0.2%)	-	-	-	1 (0.2%)
Lain-lain	-	-	-	-	-
Tidak menjawab	124 (21.8%)	166 (28%)	145 (24.6%)	149 (25%)	584 (99.4%)
Jumlah	125 (22%)	166 (28%)	147 (25%)	149 (25%)	587 (100%)

Jadual 1.12 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut tingkatan dan pendidikan tertinggi penjaga. Seorang pelajar (0.2%) tingkatan dua yang tinggal dengan penjaga menyatakan penjaganya berpendidikan sehingga ke peringkat universiti sementara setiap seorang (0.2%) pelajar tingkatan empat masing-masing menyatakan penjaga mereka tidak bersekolah dan bersekolah rendah sahaja.

4.2 Keputusan Kategori Masalah

Jadual 2.1: Peratusan Kategori Yang Bermasalah Mengikut Nilai Yang Tertinggi

Bil.	Kategori Masalah	% Bermasalah
k	Masalah pelajaran dan kerjaya masa depan	76.51
e	Masalah kegiatan sosial dan hiburan	60.45
l	Penyesuaian terhadap kerja-kerja	56.12
h	Masalah perhubungan peribadi dan psikologikal emosi	53.35
g	Masalah perhubungan sosial psikologikal	53.22
i	Masalah moral dan agama	47.87
d	Masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan	45.26
f	Masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks	42.88
b	Ciri-ciri keperibadian pelajar	42.32
m	Kurikulum dan kaedah pengajaran	40.66
j	Masalah rumahtangga dan keluarga	36.22
a	Kehidupan di sekolah	29.06
c	Masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani	24.42

Jadual 2.1 menunjukkan keputusan 13 kategori masalah mengikut peratusan yang tertinggi hingga terendah. Dapatan daripada hasil kajian menunjukkan tiga peratusan yang tertinggi ialah 77% bagi masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, 60% bagi masalah kegiatan sosial dan hiburan dan 56% bagi masalah Penyesuaian terhadap kerja-kerja manakala tiga peratusan yang terendah pula ialah 24% bagi masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani, 29% bagi kehidupan di sekolah dan 36% bagi masalah rumahtangga dan keluarga.

**Jadual 2.2: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item
Kehidupan Pelajar Di Sekolah Mengikut Nilai Tertinggi**

Bil	Item	% Masalah
a10	Saya menggunakan kemudahan sekolah / asrama seperti saya menggunakan hak milik saya sendiri	58.94
a03	Saya mudah bergaul dengan pentadbir / guru / warden sekolah / asrama	49.57
a19	Saya melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti di sekolah / asrama	48.04
a20	Pentadbir / guru / warden sekolah / asrama sentiasa adil dalam melaksanakan peraturan	45.49
a04	Aktiviti sekolah / asrama sangat menyeronokkan sehingga saya dapat membina sahsiah saya	43.95
a14	Pentadbir / guru / warden saya seorang yang bertolak ansur	34.58
a12	Pihak pentadbir / guru / warden sentiasa memberi tunjuk ajar dengan cara bijaksana	28.28
a06	Saya percaya pentadbir / guru / warden sekolah / asrama telah menjalankan tugasnya dengan baik	27.60
a17	Peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” menjadi amalan hidup saya di sekolah / asrama	27.09
a07	Undang-undang dan peraturan di sekolah / asrama sesuai untuk membina sahsiah saya	24.53
a11	Pergaulan saya di sekolah / asrama terhad di kalangan rakan-rakan rapat sahaja	23.68
a13	Saya tidak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan kehidupan di sekolah / asrama	21.47
a15	Saya sering mendapat nasihat dan tunjuk ajar rakan di sekolah / asrama ketika membuat sesuatu keputusan	20.95
a02	Hubungan mesra antara pelajar wujud	16.70
a09	Kegiatan kerohanian di sekolah / asrama membina sahsiah saya	15.50
a01	Saya menghormati semua pentadbir / guru / warden saya	12.95
a08	Kegiatan di sekolah / asrama dapat mewujudkan sikap kerjasama di kalangan pelajar	12.95
a16	Apabila ada aduan, pentadbir / guru / warden cepat bertindak	12.95
a18	Perhubungan saya dengan rakan di sekolah / asrama merenggangkan hubungan saya dengan keluarga di rumah	10.39
a05	Saya menghargai kemudahan dan kelengkapan sekolah / asrama yang disediakan	9.20

Jadual 2.2 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori kehidupan pelajar di sekolah. Jadual di atas menunjukkan seramai 59% pelajar menyatakan 'mereka tidak menggunakan kemudahan sekolah / asrama seperti menggunakan hak milik mereka sendiri'. Bagi lain-lain pernyataan di dalam kategori ini, kurang daripada 50% menyatakan ianya sebagai masalah.

Jadual 2.3: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Ciri-Ciri Keperibadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
b29	Saya dapati banyak kekurangan dalam diri saya berbanding dengan rakan sebaya di sekolah / asrama ini	86.88
b28	Kesukaran menyesuaikan diri dalam aktiviti di sekolah / asrama amat membimbangkan saya	67.63
b33	Saya merasa malu tampil ke hadapan dalam program rasmi di sekolah / asrama	67.46
b30	Saya sering kali tertanya siapakah diri saya sebenarnya	66.78
b40	Saya menghadapi masalah untuk mempraktikkan amalan agama apabila berada di luar sekolah	57.58
b34	Potensi saya terserlah sejak saya bersekolah di sini	52.81
b32	Banyak peraturan di sekolah / asrama yang bertentangan dengan kehendak saya	51.28
b22	Perasaan saya mudah tersinggung apabila tingkah laku saya ditegur oleh rakan-rakan di sekolah / asrama	46.17
b25	Saya tidak mengetahui apa yang benar-benar saya kehendaki dalam hidup saya	40.55
b38	Saya tetap memilih asrama SMAKJ walaupun ditawarkan untuk tinggal di asrama sekolah lain	37.65
b39	Aktiviti kerohanian di sekolah / asrama tidak membebankan saya	21.29
b24	Saya tidak merasa sepi semasa di sekolah / asrama	17.38
b21	Penyertaan saya dalam aktiviti sekolah / asrama menambahkan keyakinan dalam diri saya	13.63
b27	Aktiviti kerohanian di sekolah / asrama menolong saya membentuk sahsiah yang mulia	12.10
b37	Saya akan menentang sesiapa juga yang cuba menjatuhkan nama baik sekolah saya	8.52
b36	Saya inginkan keadaan diri saya yang lebih menarik semasa berada di sekolah / asrama	8.35
b31	Saya dapat menghayati nilai Islam dengan lebih berkesan setelah berada di sekolah / asrama ini	5.96
b26	Sebagai pelajar SMAKJ saya merasa malu jika pelajar di sini tidak berakhlak mulia	4.94
b23	Saya yakin usaha yang gigih semasa di sekolah / asrama akan membawa kejayaan dalam hidup saya pada masa hadapan	3.58
b35	Saya berharap aktiviti di sekolah / asrama akan menjadikan saya insan yang soleh / solehah	2.73

Jadual 2.3 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori ciri keperibadian seseorang pelajar di sekolah / asrama. Seramai 87% mendapati banyak kekurangan dalam diri mereka berbanding dengan rakan sebaya yang lain di sekolah / asrama ini. 68% menyatakan mereka sukar untuk menyesuaikan diri

dalam aktiviti di sekolah / asrama dan 67% daripada responden merasakan malu untuk tampil ke hadapan dalam program rasmi sekolah.

Jadual 2.4: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
c48	Tidak cukup tidur	57.41
c60	Tidak mendapat latihan gerak badan yang cukup	53.66
c59	Tidak sekuat dan sesihat yang diharapkan	51.62
c43	Cepat penat	49.91
c51	Selalu pening kepala	39.35
c57	Bentuk badan tidak begitu menarik	38.84
c53	Selalu menghidap selsema	28.45
c54	Mudah mendapat penyakit	23.17
c50	Kulit berpenyakit	23.00
c56	Penyakit haid atau perempuan	16.70
c49	Perawakan buruk	14.99
c55	Semakin lama semakin kurus	14.31
c45	Terlalu kurus	14.14
c42	Gigi rosak	13.46
c52	Selalu tidak selera makan	11.58
c44	Terlalu tinggi	8.35
c46	Terlalu rendah	8.01
c58	Tidak dapat udara dan cahaya matahari	7.67
c47	Terlalu gemuk	7.16
c41	Ketagihan rokok	6.64

Jadual 2.4 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani. Daripada jadual di atas, dapatan menunjukkan 'tidak cukup tidur' merupakan masalah utama di mana 57% pelajar mengalami masalah ini, 'tidak mendapat latihan gerak badan yang cukup' merupakan masalah kedua utama dengan peratusan pelajar yang mengalaminya seramai 54% dan peratusan ketiga tertinggi ialah 52% bagi kenyataan 'tidak sekuat dan sesihat yang diharapkan'. Lima item memperolehi peratusan kurang daripada 10% iaitu terlalu tinggi, terlalu rendah, tidak dapat udara dan cahaya matahari, terlalu gemuk dan ketagihan rokok.

Jadual 2.5: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
d65	Perlu belajar menyimpan wang	85.18
d71	Terpaksa meminta wang dari ibu bapa	83.82
d72	Ingin mendapat wang untuk diri sendiri	81.43
d79	Ingin membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri	65.76
d69	Tidak mempunyai wang belanja tetap	58.77
d78	Tidak tahu menggunakan wang saya dengan bijak	57.92
d67	Keluarga bimbang tentang wang	53.15
d80	Masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah	48.38
d62	Ibu bapa terlalu kuat kerja	44.97
d68	Sangat sedikit wang untuk hiburan	44.80
d66	Tinggal terlalu jauh dari sekolah	39.52
d63	Sangat sedikit pakaian cantik	37.48
d64	Tidak mempunyai bilik sendiri	36.80
d74	Memerlukan pekerjaan semasa cuti panjang	35.43
d75	Tidak mendapat kemudahan tertentu di rumah	31.01
d61	Ingin tinggal di tempat lain	27.09
d73	Terlalu banyak kerja di luar masa sekolah	26.75
d70	Memerlukan kerja sambilan sekarang	19.08
d77	Tidak mempunyai tempat untuk melayan kawan	18.06
d76	Malu dengan keadaan rumah yang saya duduki	9.71

Jadual 2.5 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan. Dapatan daripada jadual di atas menunjukkan masalah yang utama yang dihadapi oleh pelajar ialah mereka perlu belajar menyimpan wang di mana seramai 85% mengalami masalah ini, masalah kedua tertinggi ialah mereka terpaksa meminta wang dari ibu bapa, seramai 84% mempunyai pendapat yang sama dan masalah kewangan yang ketiga tertinggi ialah ingin mendapat wang untuk diri sendiri, seramai 81% menghadapi masalah ini.

Peratusan yang terendah sekali bagi kategori kewangan ini ialah 10% iaitu bagi pernyataan 76 'malu dengan keadaan rumah yang saya duduki', diikuti dengan 19% bagi

penyataan 'tidak mempunyai tempat untuk melayan kawan' dan 'memerlukan kerja sambilan sekarang'.

Jadual 2.6: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
e86	Ingin lebih masa untuk diri	83.48
e94	Selalu tidak dibenarkan keluar pada waktu malam	80.24
e95	Ingin belajar bagaimana hendak melayani seseorang	79.90
e92	Ingin membaiki diri saya dari segi kebudayaan	77.85
e90	Terlalu sedikit peluang untuk memenuhi hobi	71.38
e89	Tidak pasti mengenai ketertiban sosial saya	69.68
e87	Sangat sedikit peluang untuk saya sertai	69.17
e99	Sangat sedikit peluang untuk melakukan apa yang saya kehendaki	68.31
e93	Tidak menggunakan masa lapang dengan baik	67.63
e82	Terlalu sedikit kegiatan sosial	62.01
e83	Kekok berjumpa dengan orang	53.15
e88	Jarang terlibat dengan gerak kerja pelajar	53.15
e91	Sukar untuk melanjutkan sesuatu perbualan	50.94
e85	Lambat mesra dengan orang lain	49.06
e81	Ingin memperbaiki rupa saya	46.85
e96	Tiada perkara menarik hendak dibuat pada masa lapang	46.85
e98	Tidak dibenarkan bersiar-siar dengan orang yang saya suka	46.00
e84	Tidak cukup masa untuk hiburan	45.66
e100	Sangat sedikit peluang untuk keluar dan menikmati alam semula jadi	45.49
e97	Terlalu cuai dengan pakaian dan barang-barang kepunyaan saya	42.25

Jadual 2.6 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah kegiatan sosial dan hiburan. Dari kajian ini didapati 'ingin lebih masa untuk diri' merupakan masalah utama iaitu 83% yang menyatakan demikian, 'selalu tidak dibenarkan keluar pada waktu malam' dan 'ingin belajar bagaimana hendak melayani seseorang', merupakan masalah kedua dan ketiga utama iaitu 80% menghadapi kedua-dua masalah di atas. Manakala peratusan yang terendah sekali ialah 42% iaitu 'terlalu cuai dengan pakaian dan barang-barang kepunyaan saya'.

Jadual 2.7: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
f112	Tidak dibenarkan mengadakan pertemuan (date)	82.28
f111	Kekok semasa membuat pertemuan (date)	78.53
f110	Segan dengan perbualan mengenai seks	75.13
f105	Jarang mengadakan pertemuan (date)	74.11
f109	Takut kehilangan orang yang saya cinta	66.61
f108	Tidak tahu melayan semasa pertemuan (date)	64.40
f113	Takut berhubung rapat dengan jantina lain	60.65
f107	Sukar bergaul rapat dengan jantina lain	56.39
f120	Bimbang sejauh manakah hendak berhubung mesra dengan jantina lain	54.68
f115	Mengasihi seseorang yang tidak cintakan saya	45.32
f118	Sedang menentukan sama ada dalam percintaan atau tidak	38.50
f106	Perlu penerangan berkaitan hal seks	29.47
f117	Memutuskan sama ada hendak terus kekal bersama	26.41
f102	Teman wanita	23.34
f101	Teman lelaki	18.06
f114	Sangat sukar untuk mengawal desakan seks	16.70
f119	Berbaik-baik dengan orang yang tidak disukai oleh keluarga saya	16.18
f103	Sedang dalam percintaan	16.01
f104	Kecewa dalam percintaan	11.24
f116	Sedang menentukan sama ada hendak bertunang	3.58

Jadual 2.7 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks. Dapatan menunjukkan 82% pelajar menyatakan 'tidak dibenarkan mengadakan pertemuan (date)' dan masalah ini merupakan masalah yang utama di antara item-item bagi masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks. Masalah kedua utama dengan skor 78% ialah 'kekok semasa membuat pertemuan (date)' dan peratusan ketiga tertinggi dengan skor 75% ialah masalah 'segan dengan perbualan mengenai seks'. Manakala peratusan yang terendah sekali ialah 'sedang menentukan sama ada hendak bertunang' dengan skor 4%.

Jadual 2.8: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
g136	Inginkan personaliti yang lebih menarik	89.44
g121	Merasa rendah diri	81.43
g127	Kurang kebolehan memimpin	71.21
g137	Mengelak diri dari orang yang saya benci	66.61
g134	Ingin menjadi lebih disukai (popular)	63.88
g126	Tidak disukai oleh seseorang	62.35
g122	Benci pada seseorang	62.01
g129	Mempunyai perasaan kesepian	59.11
g125	Terlalu mudah merasa malu	57.41
g139	Bimbang bagaimana mempengaruhi orang lain	56.90
g123	Jadi penakut atau pemalu	55.03
g138	Merasa tiada seorang yang memahami saya	54.34
g133	Menjadi terlalu iri hati atau cemburu	44.29
g128	Jadi sasaran kritikan orang lain	41.40
g124	Terlibat dalam pertengkar	39.18
g131	Selalu melukakan perasaan orang	37.65
g135	Bercakap atau bertindak tanpa berfikir	34.58
g130	Jadi bahan perbualan dan ejekan	33.05
g140	Tiada seorang yang boleh saya mengadu masalah saya	33.05
g132	Dikatakan sombong atau bongkak	21.47

Jadual 2.8 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah perhubungan sosial psikologikal mengikut nilai. Jadual di atas menunjukkan 89% pelajar menghadapi masalah inginkan personaliti yang lebih menarik, ini merupakan masalah sering dihadapi oleh para pelajar, 'merasa rendah diri' merupakan masalah kedua utama dengan skor 81% dan peratusan ketiga tertinggi dengan skor 71% ialah masalah 'kurang kebolehan memimpin'. Peratusan yang terendah sekali ialah 21% bagi pernyataan 'dikatakan sombong atau bongkak'.

Jadual 2.9: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Perhubungan Peribadi Dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
h152	Sukar membuat keputusan	78.71
h141	Bimbang	71.89
h144	Mudah lupa	71.55
h143	Suka berkhayal	65.25
h142	Jadi malas	64.22
h156	Terlalu banyak masalah persendirian	63.54
h154	Takut ditinggalkan seorang diri	59.45
h150	Kurang kepercayaan diri	56.73
h146	Gugup (nervous)	49.23
h147	Merasa kesedihan	47.36
h158	Tidak dapat menahan kemarahan saya	45.83
h157	Sangat mudah mengeluarkan air mata	43.61
h148	Tidak bernasib baik	38.67
h151	Terlalu mudah terangsang	35.43
h159	Kerap gagal dalam kerja-kerja yang saya buat	34.92
h145	Tidak gembira	32.71
h149	Terlalu mudah putus asa	31.69
h160	Membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh	23.17
h155	Takut membuat kesalahan/kesilapan	16.35
h153	Terfikir untuk membunuh diri	15.67

Jadual 2.9 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi). Daripada 20 item di dalam kategori masalah di atas, item yang menyatakan 'sukar membuat keputusan' merupakan masalah utama bagi 79% pelajar, 'bimbang' merupakan masalah kedua utama di mana 72% menghadapi masalah ini dan peratusan ketiga tertinggi ialah 71% bagi masalah 'mudah lupa'. 'Terfikir untuk membunuh diri' adalah masalah bagi 16% pelajar dan ini adalah masalah yang terendah dalam kategori ini.

**Jadual 2.10: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item
Masalah Moral Dan Agama Mengikut Nilai Tertinggi**

Bil	Item	% Masalah
i175	Kadang-kadang berbohong tapi tidak bermaksud demikian	92.67
i178	Kadang-kadang merasa tidak sejujur seperti yang sepatutnya	92.49
i161	Merasa bersalah	88.59
i173	Tidak boleh melupakan kesalahan yang saya lakukan	85.01
i180	Terganggu dengan perkara buruk yang dilakukan oleh rakan-rakan lain	74.79
i176	Ragu-ragu menyatakan yang mana betul yang mana salah	74.11
i169	Mempunyai sesuatu tabiat buruk tertentu	65.59
i179	Raguan terhadap beberapa soal agama yang pernah saya dengar	61.67
i163	Terlibat dalam kesusahan (trouble)	56.22
i177	Ragu apa yang terjadi kepada orang lain apabila mereka mati	49.74
i165	Kurang kebolehan mengawal diri	48.89
i174	Terganggu dengan fikiran mengenai syurga dan neraka	46.00
i167	Tidak selalu ke Masjid / gereja / tokong / kuil	34.92
i172	Dihukum kerana kesalahan yang tidak saya lakukan	33.73
i168	Suka mencarut / cerita lucah (dirty stories)	21.64
i171	Terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama	11.41
i164	Ragu tentang makna Tuhan	8.69
i170	Ibu bapa berpendirian kolot (old fashioned)	5.96
i166	Ingin merasa hampir dengan Tuhan	2.90
i162	Takut hukuman Tuhan	2.39

Jadual 2.10 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah moral dan agama. Seramai 93% pelajar di dalam kajian ini 'kadang-kadang berbohong tapi tidak bermaksud demikian' dan ini merupakan masalah utama daripada 20 masalah di bawah kategori masalah moral dan agama. Peratusan yang kedua tertinggi ialah 97% iaitu bagi item yang menyatakan 'kadang-kadang merasa tidak sejujur seperti yang sepatutnya' dan peratusan ketiga tertinggi ialah 92% iaitu bagi masalah 'merasa bersalah'. Hanya 2% pelajar yang merasakan mereka tidak takut akan hukuman Tuhan dan ini merupakan peratus yang terendah.

Jadual 2.11: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item

Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
j187	Memerlukan cinta dan kasih sayang	87.56
j195	Tidak memberitahu segala-gala kepada ibu bapa	71.04
j198	Ibu bapa mengharapkan terlalu banyak daripada saya	68.99
j197	Tidak dapat berbincang masalah tertentu di rumah	61.16
j200	Bimbang mengenai seseorang daripada anggota keluarga	60.31
j191	Inginkan kebebasan yang lebih di rumah	56.56
j199	Ibu bapa membuat terlalu banyak keputusan untuk saya	32.88
j196	Tidak sefahaman dengan abang / kakak atau adik	31.86
j189	Menentang percakapan ibu bapa saya	25.21
j192	Ibu bapa menyebelahi abang / kakak atau adik	22.15
j184	Ibu bapa tidak memahami saya	19.08
j181	Kematian dalam keluarga	17.38
j188	Di rumah dilayan seperti kanak-kanak	14.48
j186	Ibu bapa tidak mempercayai saya	12.95
j190	Berselisihan faham dengan keluarga saya	12.95
j183	Pertelingkahan dalam keluarga	11.41
j182	Jadi sasaran kritikan ibu bapa	9.71
j185	Tidak gembira dengan ibu bapa	8.01
j194	Merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga	7.33
j193	Ibu bapa terlalu banyak berkorban untuk saya	6.64

Jadual 2.11 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah rumahtangga dan keluarga. Bagi kategori masalah rumahtangga dan keluarga, item yang menyatakan 'memerlukan cinta dan kasih sayang' merupakan masalah utama iaitu 87%, peratusan kedua tertinggi ialah 71% iaitu bagi masalah 'tidak memberitahu segala-gala kepada ibu bapa' dan peratusan ketiga tertinggi ialah 'ibu bapa terlalu mengharapkan banyak dari saya' iaitu 69%. Peratusan yang terendah sekali ialah 'merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga' di mana seramai 7% menghadapi masalah ini.

Jadual 2.12: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
k212	Perlu mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai pekerjaan	95.74
k214	Perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu pekerjaan	95.40
k207	Perlu buat rancangan awal untuk masa depan	95.06
k215	Perlu mengambil keputusan tentang pekerjaan masa hadapan	94.89
k205	Ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan	93.70
k218	Memerlukan nasihat mengenai apa yang saya harus buat selepas sekolah	88.93
k202	Kurang pengalaman kerja	83.13
k211	Takut menganggur selepas tamat sekolah menengah	82.79
k213	Takut kalau saya tidak dapat langsung masuk ke maktab	78.71
k219	Ragukan kemungkinan mendapat pekerjaan pilihan saya pada masa akan datang	76.49
k208	Takut kalau saya tidak diterima masuk ke maktab	75.81
k206	Ingin lebih bebas dalam kehidupan seharian	75.30
k220	Ragukan kebijaksanaan dalam pemilihan kursus untuk persediaan pekerjaan saya	73.25
k203	Tidak tahu cara mencari kerja	71.72
k204	Perlu untuk memilih sesuatu maktab	71.55
k209	Memutuskan sama ada hendak ke maktab atau tidak	68.31
k216	Ragu-ragu tentang kebolehan untuk menjalankan kerja yang baik	64.91
k201	Takut menempuhi masa depan	64.74
k210	Tidak mengetahui apa yang saya benar-benar ingini	56.22
k217	Tidak yakin kerja-kerja sekolah boleh memberi faedah kepada saya	23.51

Jadual 2.12 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Dari kajian ini didapati 'perlu mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai pekerjaan' merupakan masalah utama di mana 96% pelajar bimbang tentang perkara tersebut, 'perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu pekerjaan' dan 'perlu buat rancangan awal untuk masa depan' merupakan masalah kedua utama di mana 95% pelajar menghadapi kedua-dua masalah di atas. Seramai 23% pelajar merasakan mereka tidak yakin kerja-kerja sekolah boleh memberi faedah kepada mereka.

**Jadual 2.13: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item
Penyesuaian Terhadap Kerja-Kerja Mengikut Nilai Tertinggi**

Bil	Item	% Masalah
1237	Bimbang tentang kedudukan (markah) dalam kelas	89.95
1239	Tidak dapat memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan	89.10
1227	Bimbang terhadap peperiksaan	88.07
1228	Tidak belajar dengan secukupnya	80.92
1226	Takut gagal dalam kerja sekolah	76.49
1229	Mendapat pangkat (markah) rendah	72.23
1231	Tidak tahu cara belajar yang berkesan	71.89
1236	Tidak dapat melahirkan fikiran saya dengan tepat	70.19
1232	Tidak tertarik pada beberapa mata pelajaran	66.61
1233	Tidak dapat menumpukan fikiran pada pelajaran	64.05
1222	Tidak cukup bijak	61.50
1240	Tidak dapat menyelesaikan tugas pelajaran pada masa yang ditentukan	60.99
1234	Merasa sukar menyusun laporan atau karangan	55.54
1238	Merasa sukar mengambil catatan atau membuat ringkasan	44.63
1221	Ingatan tidak baik	43.44
1235	Takut bercakap dalam perbincangan dalam kelas	40.03
1230	Tidak begitu berminat pada buku-buku	20.95
1223	Tidak suka belajar	14.99
1224	Ingin berhenti sekolah	6.13
1225	Selalu tidak hadir ke sekolah	4.60

Jadual 2.13 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori penyesuaian terhadap kerja-kerja. Seramai 90% pelajar merasa bimbang tentang kedudukan (markah) dalam kelas, ini merupakan masalah yang utama diikuti dengan masalah kedua utama iaitu 'tidak dapat memahami beberapa mata pelajaran

dengan memuaskan' di mana seramai 89% menghadapi masalah ini. Masalah yang ketiga yang dihadapi oleh 88% pelajar ialah bimbang terhadap peperiksaan. Perkara yang paling kurang menjadi masalah ialah 'selalu tidak hadir ke sekolah', hanya 5% pelajar sahaja yang menghadapi masalah ini.

Jadual 2.14: Peratusan Responden Yang Bermasalah Bagi Setiap Item Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Nilai Tertinggi

Bil	Item	% Masalah
m249	Tidak cukup perbincangan dalam kelas	64.74
m251	Kegiatan sekolah tidak diatur dengan baik	61.84
m247	Sangat sedikit kebebasan dalam kelas	57.58
m257	Pangkat (markah) tidak sesuai sebagai ukuran kebolehan	56.22
m243	Peraturan sekolah terlalu ketat	55.88
m244	Guru-guru terlalu sukar difahami	51.96
m260	Terlalu banyak tugas diberi dalam beberapa mata pelajaran	49.74
m258	Tidak sefahaman (not getting along) dengan seorang guru	48.04
m259	Guru tidak bertimbang rasa terhadap perasaan pelajar-pelajar	45.14
m248	Masa makan tengah hari terlalu singkat	44.46
m253	Tidak mempunyai tempat belajar yang sesuai di rumah	37.48
m254	Tidak cukup buku-buku yang baik dalam perpustakaan	36.97
m245	Guru tidak mesra dengan pelajar	33.90
m246	Buku-buku teks terlalu sukar difahami	30.32
m242	Kelas sangat membosankan	30.15
m252	Dipaksa mengambil mata pelajaran yang saya benci	25.55
m256	Keluarga tidak memahami tugas dan kegiatan di sekolah	24.87
m250	Guru-guru kurang berperibadi (personaliti)	23.34
m255	Mata pelajaran tidak berkait dengan kehidupan seharian	20.61
m241	Ujian tidak adil	14.48

Jadual 2.14 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori kurikulum dan kaedah pengajaran. Bagi kategori masalah kurikulum, seramai 65% menyatakan 'tidak cukup perbincangan dalam kelas' adalah masalah utama mereka. Perkara yang kedua yang menjadi masalah ialah 'kegiatan sekolah tidak diatur dengan baik', seramai 62% menyatakan demikian dan yang ketiga ialah 'sangat sedikit kebebasan dalam kelas' di mana 57% menghadapi masalah ini. Seramai 15% merasakan ujian yang mereka terima tidak adil.

Analisis Deskriptif Subjek - Analisis Tahap Dan Khi Kuasa Dua

Berikut ialah analisis tahap persepsi dan tahap masalah pelajar bagi setiap kategori masalah iaitu kehidupan di sekolah, ciri-ciri keperibadian pelajar, masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani, masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, masalah kegiatan sosial dan hiburan, masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks, masalah perhubungan sosial psikologikal, masalah perhubungan peribadi dan psikologikal emosi, masalah moral dan agama, masalah rumahtangga dan keluarga, masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, penyesuaian terhadap kerja-kerja dan kurikulum dan kaedah pengajaran. Tahap bagi kesemua kategori di atas dibahagikan mengikut dua pembahagian tahap iaitu tahap rendah dan tahap tinggi. Pembahagian skor atau markat bagi setiap tahap adalah seperti berikut:-

	<u>Tahap</u>		<u>Markat</u>
1	Rendah	-	0 hingga 10
2	Tinggi	-	11 hingga 20

Sementara kaedah khi kuasa dua pada aras keyakinan 0.05 digunakan bagi melihat perbandingan antara ciri-ciri demografi iaitu tingkatan dan jantina terhadap setiap kategori masalah.

4.3 Khi Kuasa Dua

4.3.1 Khi Kuasa Dua Perbandingan Tahap Kategori Masalah Mengikut Tingkatan

Jadual 3.1.1: Persepsi Pelajar Terhadap Kehidupan Di sekolah Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap kehidupan di sekolah				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	119	95	6	5	125	100
Tiga	133	80	33	20	166	100
Empat	120	82	27	18	147	100
Lima	141	95	8	5	149	100
Jumlah	513	87	74	13	587	100
$\chi^2 - 26.40$; Nilai p - 0.00*						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.1 menunjukkan tahap kehidupan pelajar di sekolah mengikut tingkatan. Daripada 74 orang pelajar yang menghadapi masalah kehidupan di sekolah di tahap tinggi, seramai 20% adalah pelajar tingkatan tiga, 18% pelajar tingkatan empat, setiap 5% masing-masing pelajar tingkatan dua dan lima. Peratusan pelajar yang mengalami masalah kehidupan di sekolah pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 80% hingga 95%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 26.40$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap kehidupan di sekolah.

Jadual 3.1.2: Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Keperibadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	113	90	12	10	125	100
Tiga	113	68	53	32	166	100
Empat	112	76	35	24	147	100
Lima	132	87	17	11	149	100
Jumlah	470	80	117	20	587	100

$\chi^2 - 31.50$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.2 menunjukkan tahap ciri-ciri keperibadian pelajar di sekolah / asrama mengikut tingkatan. Seramai 10% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 32% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 24% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 11% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah keperibadian pelajar di sekolah / asrama di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 68% hingga 90%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 31.49$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap ciri-ciri keperibadian pelajar di sekolah / asrama.

Jadual 3.1.3: Tahap Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Dua	120	96	5	4	125	100
Tiga	155	93	11	7	166	100
Empat	140	95	7	5	147	100
Lima	144	97	5	3	149	100
Jumlah	587	95	28	5	587	100
$\chi^2 - 2.08$; Nilai p - 0.56						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.3 menunjukkan tahap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani pelajar mengikut tingkatan. Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa peratusan pelajar daripada setiap tingkatan yang menghadapi masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani pada tahap tinggi adalah kurang daripada 10% iaitu antara 3% hingga 7%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 2.08$ dan nilai 'p' ialah 0.56. Oleh kerana nilai 'p' ini tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani.

Jadual 3.1.4: Tahap Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Dua	87	70	38	30	125	100
Tiga	106	64	60	36	166	100
Empat	81	55	66	45	147	100
Lima	107	72	42	28	149	100
Jumlah	381	65	206	35	587	100

$\chi^2 - 10.61$; Nilai p - 0.01*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.4 menunjukkan tahap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan mengikut tingkatan. Seramai 30% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 36% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 45% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 28% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 55% hingga 72%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 10.61$ dan nilai 'p' ialah 0.01. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan.

Jadual 3.1.5: Tahap Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah kegiatan sosial dan hiburan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	56	45	69	55	125	100
Tiga	44	27	122	74	166	100
Empat	37	25	110	75	147	100
Lima	60	40	89	60	149	100
Jumlah	197	34	390	66	587	100

$\chi^2 - 18.44$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.5 menunjukkan tahap masalah kegiatan sosial dan hiburan mengikut tingkatan. Seramai 55% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 73% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 75% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 60% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah kegiatan sosial dan hiburan di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 25% hingga 45%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 18.43$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah kegiatan sosial dan hiburan.

Jadual 3.1.6: Tahap Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	105	84	20	16	125	100
Tiga	116	70	50	30	166	100
Empat	95	65	52	35	147	100
Lima	106	71	43	29	149	100
Jumlah	422	72	165	28	587	100

$\chi^2 - 13.28$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.6 menunjukkan tahap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks mengikut tingkatan. Seramai 16% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 30% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 35% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 29% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 65% hingga 84%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 13.28$ dan nilai 'p' ialah 0.004. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks.

Jadual 3.1.7: Tahap Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah perhubungan sosial psikologikal				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	75	60	50	40	125	100
Tiga	71	43	95	57	166	100
Empat	60	41	87	59	147	100
Lima	78	52	71	48	149	100
Jumlah	284	48	303	52	587	100

$\chi^2 - 13.16$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.7 menunjukkan tahap masalah perhubungan sosial psikologikal mengikut tingkatan. Seramai 40% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 57% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 59% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 48% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah perhubungan sosial psikologikal di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 41% hingga 60%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 13.16$ dan nilai 'p' ialah 0.004. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah perhubungan sosial psikologikal.

Jadual 3.1.8: Tahap Masalah Perhubungan Peribadi dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi)				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Dua	71	57	54	43	125	100
Tiga	73	44	93	56	166	100
Empat	60	41	87	59	147	100
Lima	76	51	73	49	149	100
Jumlah	280	48	307	52	587	100
$\chi^2 - 8.52$; Nilai p - 0.04*						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.8 menunjukkan tahap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi) mengikut tingkatan. Seramai 43% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 56% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 59% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 49% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi) di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 41% hingga 57%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 8.52$ dan nilai 'p' ialah 0.04. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi).

Jadual 3.1.9: Tahap Masalah Moral Dan Agama Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah moral dan agama				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	43	34	82	66	125	100
Tiga	56	34	110	66	166	100
Empat	49	33	98	67	147	100
Lima	56	38	93	62	149	100
Jumlah	204	35	383	65	587	100

$\chi^2 - 0.74$; Nilai $p - 0.86$
Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.9 menunjukkan tahap masalah moral dan agama mengikut tingkatan. Seramai 66% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 66% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 67% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 62% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah moral dan agama di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah hampir sama iaitu antara 33% hingga 38%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.74$ dan nilai 'p' ialah 0.86. Oleh kerana nilai 'p' ini tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah moral dan agama.

Jadual 3.1.10: Tahap Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah rumahtangga dan keluarga				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	118	94	7	6	125	100
Tiga	132	80	34	21	166	100
Empat	124	84	23	16	147	100
Lima	133	89	16	11	149	100
Jumlah	507	86	80	14	587	100

$\chi^2 - 15.03$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.10 menunjukkan tahap masalah rumahtangga dan keluarga mengikut tingkatan. Seramai 6% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 20% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 16% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 11% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah rumahtangga dan keluarga di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 79% hingga 94%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 15.03$ dan nilai 'p' ialah 0.002. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah rumahtangga dan keluarga.

Jadual 3.1.11: Tahap Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	10	8	115	92	125	100
Tiga	7	4	159	96	166	100
Empat	16	11	131	89	147	100
Lima	18	12	131	88	149	100
Jumlah	51	9	536	91	587	100

$\chi^2 - 7.31$; Nilai p - 0.06

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.11 menunjukkan tahap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan mengikut tingkatan. Seramai 92% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 96% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 89% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 88% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah pelajaran dan kerjaya masa depan di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 4% hingga 12%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 7.31$ dan nilai 'p' ialah 0.06. Oleh kerana nilai 'p' ini tinggi sedikit daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan.

Jadual 3.1.12: Persepsi Pelajar Terhadap Penyesuaian Kerja-Kerja Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	45	36	80	64	125	100
Tiga	57	34	109	66	166	100
Empat	50	34	97	66	147	100
Lima	65	44	84	56	149	100
Jumlah	217	37	370	63	587	100

$\chi^2 - 3.93$; Nilai p - 0.27

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.12 menunjukkan tahap masalah pelajar terhadap penyesuaian kerja-kerja mengikut tingkatan. Seramai 64% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 66% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 66% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 56% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah penyesuaian kerja-kerja di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 34% hingga 44%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 3.93$ dan nilai 'p' ialah 0.27. Oleh kerana nilai 'p' ini tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah penyesuaian kerja-kerja.

Jadual 3.1.13: Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	97	78	28	22	125	100
Tiga	101	61	65	39	166	100
Empat	83	57	64	44	147	100
Lima	119	80	30	20	149	100
Jumlah	400	68	187	32	587	100
$\chi^2 - 27.90$; Nilai p - 0.00*						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.13 menunjukkan tahap masalah pelajar terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran mengikut tingkatan. Seramai 22% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 39% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 44% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 20% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah kurikulum dan kaedah pengajaran di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah di atas pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 56% hingga 80%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 27.89$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.

Jadual 3.1.14: Tahap Masalah Pelajar Secara Keseluruhan Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Dua	89	71	36	29	125	100
Tiga	81	49	85	51	166	100
Empat	71	48	76	52	147	100
Lima	105	70	44	29	149	100
Jumlah	346	59	241	41	587	100

$\chi^2 - 29.89$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.1.14 menunjukkan tahap masalah pelajar keseluruhan mengikut tingkatan. Fasa keseluruhannya, seramai 29% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 51% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 52% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 30% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah pada keseluruhannya pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 48% hingga 71%.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 29.89$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah keseluruhannya.

4.3.2 Khi Kuasa Dua Perbandingan Tahap Kategori Masalah Mengikut Jantina

Jadual 3.2.1: Persepsi Pelajar Terhadap Kehidupan Di sekolah Mengikut Jantina

Jantina	Tahap kehidupan di sekolah				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	240	94	16	6	256	100
Perempuan	273	83	58	17	331	100
Jumlah	513	87	74	13	587	100
$\chi^2 - 15.64$; Nilai p - 0.00*						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.1 menunjukkan tahap kehidupan pelajar di sekolah mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah kehidupan di sekolah pada tahap tinggi adalah rendah iaitu hanya 6% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu 94%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 17% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah kehidupan di sekolah pada tahap tinggi sementara 83% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 15.64$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap kehidupan di sekolah.

Jadual 3.2.2: Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Keperibadian Seseorang Pelajar Di Sekolah / Asrama Mengikut Jantina

Jantina	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	215	84	41	16	256	100
Perempuan	255	77	76	23	331	100
Jumlah	470	80	117	20	587	100

$\chi^2 - 3.94$; Nilai p - 0.05

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.2 menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap ciri-ciri keperibadian seseorang pelajar di sekolah / asrama mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah di atas pada tahap tinggi adalah rendah iaitu 16% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu seramai 84%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 23% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah yang sama pada tahap tinggi sementara 77% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 3.94$ dan nilai 'p' ialah 0.05. Oleh kerana nilai 'p' ini sama dengan aras signifikan yang ditetapkan (0.05) dan ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah keperibadian pelajar di sekolah / asrama.

Jadual 3.2.3: Tahap Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	241	94	15	6	256	100
Perempuan	318	96	13	4	331	100
Jumlah	587	95	28	5	587	100

$\chi^2 - 0.80$; Nilai p - 0.37

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.3 menunjukkan tahap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani pada tahap tinggi adalah seramai 6% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu 94%. Bagi pelajar perempuan pula, hanya 4% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani pada tahap tinggi sementara 96% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.80$ dan nilai 'p' ialah 0.37. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani.

Jadual 3.2.4: Tahap Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	144	56	112	44	256	100
Perempuan	237	72	94	28	331	100
Jumlah	381	65	206	35	587	100

$\chi^2 - 14.27$; Nilai p - 0.00*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.4 menunjukkan tahap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan pada tahap tinggi adalah seramai 44% sementara 56% berada pada tahap rendah. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 28% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan pada tahap tinggi sementara 72% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 14.27$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan.

Jadual 3.2.5: Tahap Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah kegiatan sosial dan hiburan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	80	31	176	69	256	100
Perempuan	117	35	214	65	331	100
Jumlah	197	34	390	66	587	100

$\chi^2 - 0.91$; Nilai p - 0.34

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.5 menunjukkan tahap masalah kegiatan sosial dan hiburan mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah kegiatan sosial dan hiburan pada tahap tinggi adalah 69% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu 31%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 65% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah kegiatan sosial dan hiburan pada tahap tinggi dan 35% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.91$ dan nilai 'p' ialah 0.34. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah kegiatan sosial dan hiburan.

Jadual 3.2.6: Tahap Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	182	71	74	29	256	100
Perempuan	240	73	91	28	331	100
Jumlah	422	72	165	28	587	100

$\chi^2 - 0.08$; Nilai p - 0.78

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.6 menunjukkan tahap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks mengikut jantina. Peratusan pelajar lelaki yang menghadapi masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks pada tahap tinggi adalah seramai 29% manakala yang berada pada tahap rendah ialah seramai 71%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 27% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks pada tahap tinggi sementara 72% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.08$ dan nilai 'p' ialah 0.77. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks.

Jadual 3.2.7: Tahap Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah perhubungan sosial psikologikal				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	130	51	126	49	256	100
Perempuan	154	47	177	54	331	100
Jumlah	284	48	303	52	587	100

$$\chi^2 - 0.88 ; \text{Nilai } p - 0.35$$

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.7 menunjukkan tahap masalah perhubungan sosial psikologikal mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah perhubungan sosial psikologikal pada tahap tinggi adalah seramai 49% manakala mereka yang berada pada tahap rendah ialah 51%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 54% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah perhubungan sosial psikologikal pada tahap tinggi sementara 46% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.88$ dan nilai 'p' ialah 0.35. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah perhubungan sosial psikologikal.

Jadual 3.2.8: Tahap Masalah Perhubungan Peribadi dan Psikologikal (Emosi) Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi)				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	138	54	118	46	256	100
Perempuan	142	43	189	57	331	100
Jumlah	280	48	307	52	587	100

$\chi^2 - 6.58$; Nilai p - 0.01*

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.8 menunjukkan tahap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi) mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi) pada tahap tinggi adalah 46% dan yang berada pada tahap rendah pula ialah 54%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 57% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi) pada tahap tinggi sementara 43% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 6.57$ dan nilai 'p' ialah 0.01. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi).

Jadual 3.2.9: Tahap Masalah Moral Dan Agama Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah moral dan agama				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	77	30	179	70	256	100
Perempuan	127	38	204	62	331	100
Jumlah	204	35	383	65	587	100

$\chi^2 - 4.02$; Nilai p - 0.05

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.9 menunjukkan tahap masalah moral dan agama mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah moral dan agama pada tahap tinggi adalah seramai 70% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu 30%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 62% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah di atas pada tahap tinggi sementara 38% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 4.02$ dan nilai 'p' ialah 0.04. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah moral dan agama.

Jadual 3.2.10: Tahap Masalah Rumahtangga Dan Keluarga Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah rumahtangga dan keluarga				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	226	88	30	12	256	100
Perempuan	281	85	50	15	331	100
Jumlah	507	86	80	14	587	100

$\chi^2 - 1.13$; Nilai p - 0.29

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.10 menunjukkan tahap masalah rumahtangga dan keluarga mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, seramai 12% menghadapi masalah rumahtangga dan keluarga pada tahap tinggi dan 88% berada pada tahap rendah. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 15% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah rumahtangga dan keluarga pada tahap tinggi dan 85% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 1.13$ dan nilai 'p' ialah 0.29. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah rumahtangga dan keluarga.

Jadual 3.2.11: Tahap Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Jantina

Jantina	Tahap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan				Jumlah	
	Bermasalah rendah		Bermasalah tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	28	11	228	89	256	100
Perempuan	23	7	308	93	331	100
Jumlah	51	9	536	91	587	100
$\chi^2 - 2.41$; Nilai p - 0.12						

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.11 menunjukkan tahap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah pelajaran dan kerjaya masa depan pada tahap tinggi adalah seramai 89% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu 11%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 93% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah yang sama pada tahap tinggi sementara 7% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 2.41$ dan nilai 'p' ialah 0.12. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah pelajaran dan kerjaya masa depan.

Jadual 3.2.12: Persepsi Pelajar Terhadap Penyesuaian Kerja-Kerja Mengikut Jantina

Jantina	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi		Bil	%
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	92	36	164	64	256	100
Perempuan	125	38	206	62	331	100
Jumlah	217	37	370	63	587	100

$\chi^2 - 0.14$; Nilai p - 0.71

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.12 menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap penyesuaian kerja-kerja mengikut jantina. Seramai 64% daripada 256 orang pelajar lelaki, menghadapi masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja pada tahap tinggi sementara 36% berada pada tahap rendah. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 62% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah di atas pada tahap tinggi sementara 38% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.14$ dan nilai 'p' ialah 0.71. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja.

Jadual 3.2.13: Persepsi Pelajar Terhadap Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Mengikut Jantina

Jantina	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	179	70	77	30	256	100
Perempuan	221	67	110	33	331	100
Jumlah	400	68	187	32	587	100

$\chi^2 - 0.52$; Nilai p - 0.47

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.13 menunjukkan tahap masalah pelajar terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran mengikut jantina. Daripada 256 orang pelajar lelaki, peratusan yang menghadapi masalah kurikulum dan kaedah pengajaran pada tahap tinggi adalah seramai 30% berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu seramai 70%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 33% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah yang sama pada tahap tinggi sementara 67% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.52$ dan nilai 'p' ialah 0.47. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.

Jadual 3.2.14: Tahap Masalah Pelajar Secara Keseluruhan Mengikut Jantina

Jantina	Tahap				Jumlah	
	Rendah		Tinggi			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	152	59	104	41	256	100
Perempuan	194	59	137	41	331	100
Jumlah	346	59	241	41	587	100

$\chi^2 - 0.10$; Nilai p - 0.92

Signifikan pada aras keyakinan 0.05

Jadual 3.2.14 menunjukkan tahap masalah pelajar secara keseluruhan mengikut jantina. Pada keseluruhannya, seramai 41% daripada 256 orang pelajar lelaki menghadapi masalah pada tahap tinggi berbanding dengan yang berada pada tahap rendah iaitu seramai 59%. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 41% daripada jumlah 331 orang mengalami masalah pada keseluruhannya pada tahap tinggi sementara 59% berada pada tahap rendah.

Dapatan daripada analisis khi kuasa dua menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 0.01$ dan nilai 'p' ialah 0.92. Oleh kerana nilai 'p' ini sangat tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap masalah secara keseluruhan.

4.4 Tahap Setiap Trait Personaliti

Jadual 4.1: Tahap Agresif Pelajar

Tahap Agresif	Bilangan	Peratus
Pasif	85	14
Asertif	317	54
Agresif	157	27
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap agresif. Peratusan pelajar yang asertif atau mempunyai ketegasan diri adalah lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan mereka yang agresif 27% dan pasif 14%.

Jadual 4.2: Tahap Analitikal Pelajar

Tahap Analitikal	Bilangan	Peratus
Praktikal	94	16
Analitikal sederhana	228	39
Sensitif	237	40
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap analitikal. Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa peratusan mereka yang sensitif dan beranalitikal sederhana adalah hampir sama iaitu 40% dan 39% dan yang praktikal seramai 16%.

Jadual 4.3: Tahap Autonomi Pelajar

Tahap Autonomi	Bilangan	Peratus
Suka menerima arahan orang lain	42	7
Autonomi yang sederhana	241	41
Sukakan kebebasan	276	47
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap autonomi. Dapatan menunjukkan 47% pelajar sukakan kebebasan, 41% di tahap sederhana dan 7% suka menerima arahan orang lain.

Jadual 4.4: Tahap Bersandar Pelajar

Tahap Bersandar	Bilangan	Peratus
Individu yang suka berdikari	42	7
Tahap penggantungan yang sederhana	273	47
Suka bergantung kepada orang lain	244	41
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan 47% mereka yang di dalam golongan penggantungan yang sederhana, 41% suka bergantung kepada orang lain dan 7% mereka yang suka berdikari.

Jadual 4.5: Tahap Ekstrovert Pelajar

Tahap Ekstrovert	Bilangan	Peratus
Kurang atau tidak sosial	198	33
Suka sosial dan tidak sosial	239	41
Individu yang sosial	122	21
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap ekstrovert. Jadual 4.5 juga menunjukkan peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri sosial dan tidak sosial adalah tinggi iaitu 41% sementara 33% terdiri daripada mereka yang kurang atau tidak sosial dan 21% individu yang sosial.

Jadual 4.6: Tahap Intelektual Pelajar

Tahap Intelektual	Bilangan	Peratus
Tidak selesa dengan perkara bersifat teoritikal	199	33
Ciri-ciri intelektual yang sederhana	281	48
Sukakan aktiviti yang mencabar	79	14
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap intelektual. Dapatan di dalam jadual di atas menunjukkan 48% pelajar mempunyai ciri-ciri intelektual yang sederhana, 33% mereka yang tidak selesa dengan perkara yang bersifat teoritikal dan 14% mereka yang sukakan aktiviti yang mencabar.

Jadual 4.7: Tahap Introvert Pelajar

Tahap Introvert	Bilangan	Peratus
Suka libatkan diri dalam perhubungan interpersonal	155	26
Ciri-ciri sosial di tahap sederhana	324	55
Tidak sosial / suka elakkan diri dari berkomunikasi	80	14
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan 55% pelajar mempunyai ciri-ciri sosial di tahap sederhana, 26% mereka yang suka libatkan diri dalam perhubungan interpersonal dan 14% mereka yang tidak sosial dan suka elakkan diri dari berkomunikasi.

Jadual 4.8: Tahap Menolong Pelajar

Tahap Menolong	Bilangan	Peratus
Tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain	55	9
Ciri-ciri menolong yang sederhana	316	54
Suka membuat kebajikan	188	32
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri menolong di tahap sederhana adalah lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan mereka yang suka membuat kebajikan 32% dan 9% mereka yang tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain.

Jadual 4.9: Tahap Sokongan Pelajar

Tahap	Bilangan	Peratus
Tidak suka bergantung kepada orang lain	124	21
Ciri-ciri sokongan di tahap sederhana	284	48
Individu yang sangat mementingkan diri sendiri	151	26
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.9 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap sokongan. Peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri sokongan di tahap sederhana adalah tinggi iaitu 48% sementara mereka yang sangat mementingkan diri sendiri 26% dan 21% mereka yang tidak suka bergantung kepada orang lain.

Jadual 4.10: Tahap Struktur Pelajar

Tahap Struktur	Bilangan	Peratus
Suka kepada aktiviti yang tidak berstruktur	40	7
Ciri-ciri personaliti struktur yang sederhana	284	48
Suka kepada perkara-perkara berstruktur	235	40
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.10 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap struktur. Jadual 4.10 menunjukkan 48% pelajar mempunyai ciri-ciri personaliti struktur yang sederhana,

40% suka kepada perkara-perkara yang berstruktur dan 7% suka kepada aktiviti yang tidak berstruktur.

Jadual 4.11: Tahap Pencapaian Pelajar

Tahap Pencapaian	Bilangan	Peratus
Motivasi rendah	165	28
Motivasi sederhana	239	41
Sangat bermotivasi	155	26
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.11 menunjukkan 41% mereka yang di dalam golongan bermotivasi sederhana, 28% bermotivasi rendah dan 26% mereka yang sangat bermotivasi.

Jadual 4.12: Tahap Kepelbagaian Pelajar

Tahap Kepelbagaian	Bilangan	Peratus
Sukakan situasi pekerjaan yang stabil	39	7
Ciri-ciri kepelbagaian yang sederhana	243	41
Seorang yang adventures	277	47
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.12 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap kepelbagaian. Jadual 4.12 menunjukkan peratusan mereka yang adventures adalah 47%, mereka yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian yang sederhana 41% sementara hanya 7% terdiri daripada mereka yang sukakan situasi pekerjaan yang stabil.

Jadual 4.13: Tahap Ketahanan Pelajar

Tahap Ketahanan	Bilangan	Peratus
Kurang atau tiada ketahanan fizikal	64	11
Ketahanan di tahap sederhana	259	44
Mempunyai ketahanan fizikal dan bermotivasi	236	40
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.13 menunjukkan 44% pelajar mempunyai ketahanan yang sederhana, 40% mereka yang mempunyai ketahanan fizikal dan bermotivasi dan 11% mereka yang kurang atau tiada ketahanan fizikal.

Jadual 4.14: Tahap Kritik Diri Pelajar

Tahap Kritik Diri	Bilangan	Peratus
Sentiasa anggap diri betul	12	1
Stabil dari segi emosi dan psikologi	51	9
Individu yang bermasalah	496	85
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.14 menunjukkan 85% adalah pelajar yang bermasalah, 9% mereka yang stabil dari segi emosi dan psikologi dan 1% mereka yang sentiasa anggap diri betul.

Jadual 4.15: Tahap Mengawal Pelajar

Tahap Mengawal	Bilangan	Peratus
Tidak suka memimpin	17	3
Ciri mengawal dan memimpin yang sederhana	147	25
Suka mengawal dan memimpin	395	67
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.15 menunjukkan peratusan mereka yang suka mengawal dan memimpin adalah lebih tinggi iaitu 67% berbanding dengan mereka yang mempunyai ciri-ciri mengawal dan memimpin di tahap sederhana 25% dan yang tidak suka memimpin seramai 3%.

Jadual 4.16: Tahap Penipuan Pelajar

Tahap Penipuan	Bilangan	Peratus
Jujur	498	85
Tidak jujur	61	10
Tidak menjawab	28	5
Jumlah	587	100.0

Jadual 4.16 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap penipuan. Seramai 85% pelajar mempunyai sikap yang jujur dan hanya 10% mempunyai sikap yang sebaliknya.

4.5 Tahap Trait-Trait Personaliti Pelajar Mengikut 13 Kategori Masalah

Jadual 5.1: Tahap Personaliti Pelajar Bagi Trait Agresif Mengikut Tahap 13 Kategori Masalah

	Kategori Masalah	Tahap	Tahap Agresif			
			Pasif	Asertif	Agresif	Jumlah
a	Kehidupan di sekolah	Rendah	70 (13%)	262 (47%)	128 (23%)	460 (82%)
		Tinggi	15 (3%)	55 (10%)	29 (5%)	99 (18%)
b	Ciri-ciri keperibadian pelajar	Rendah	64 (11.4%)	255 (46%)	129 (23%)	448 (80%)
		Tinggi	21 (4%)	62 (11%)	28 (5%)	111 (20%)
c	Masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani	Rendah	82 (15%)	300 (54%)	150 (27%)	532 (95%)
		Tinggi	3 (0.5%)	17 (3%)	7 (1%)	27 (5%)
d	Masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan	Rendah	59 (11%)	202 (36%)	101 (18%)	362 (65%)
		Tinggi	26 (5%)	115 (21%)	56 (10%)	197 (35%)
e	Masalah kegiatan sosial dan hiburan	Rendah	29 (5%)	110 (20%)	50 (9%)	189 (34%)
		Tinggi	56 (10%)	207 (37%)	107 (19%)	370 (66%)
f	Masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks	Rendah	65 (11%)	219 (39%)	115 (21%)	399 (71%)
		Tinggi	20 (4%)	98 (17%)	42 (8%)	160 (29%)
g	Masalah perhubungan sosial psikologikal	Rendah	37(7%)	158 (28%)	78 (14%)	273 (49%)
		Tinggi	48 (9%)	159 (28%)	79 (14%)	286 (51%)
h	Masalah perhubungan peribadi dan psikologikal emosi	Rendah	39 (7%)	161 (29%)	65 (12%)	265 (47%)
		Tinggi	46 (8%)	156 (28%)	92 (16%)	294 (53%)
i	Masalah moral dan agama	Rendah	28 (5%)	110 (20%)	54 (10%)	192 (34%)
		Tinggi	57 (10%)	207 (37%)	103 (18%)	367 (66%)
j	Masalah rumahtangga dan keluarga	Rendah	78 (14%)	267 (48%)	136 (24%)	481 (86%)
		Tinggi	7 (1%)	50 (9%)	21 (4%)	78 (14%)
k	Masalah pelajaran dan kerjaya masa depan	Rendah	7 (1%)	34 (6%)	9 (2%)	50 (9%)
		Tinggi	78 (14%)	283 (51%)	148 (26%)	509 (91%)
l	Penyesuaian terhadap kerja-kerja	Rendah	30 (5%)	124 (22%)	49 (9%)	203 (36%)
		Tinggi	55 (10%)	193 (34%)	108 (19%)	356 (64%)
m	Kurikulum dan kaedah pengajaran	Rendah	60 (11%)	214 (38%)	100 (18%)	374 (67%)
		Tinggi	25 (5%)	103 (18%)	57 (10%)	185 (33%)
msl	Masalah keseluruhan	Rendah	47 (8%)	181 (32%)	98 (17%)	326 (58%)
		Tinggi	38 (7%)	136 (24%)	59 (11%)	233 (42%)

Jadual 5.1 menunjukkan tahap personaliti pelajar bagi trait agresif mengikut tahap kategori-kategori masalah.

Kehidupan Di Sekolah

Daripada 460 orang pelajar atau 82% yang menghadapi masalah kehidupan di sekolah di tahap rendah, seramai 47% adalah dari golongan yang bersifat asertif, 22% mereka yang agresif dan 12% pelajar yang pasif. Peratusan pelajar yang menghadapi masalah kehidupan di sekolah di tahap tinggi hanya 18%.

Ciri-Ciri Keperibadian Pelajar Di Sekolah / Asrama

Seramai 448 orang pelajar atau 80% menghadapi masalah terhadap ciri-ciri keperibadian pelajar di sekolah atau asrama pada tahap rendah. Daripada jumlah ini, seramai 47% adalah dari golongan yang bersifat asertif, 23% mereka yang agresif dan 11% pelajar yang pasif. Peratusan pelajar yang menghadapi masalah keperibadian di sekolah atau asrama di tahap tinggi adalah 20%.

Masalah Kesihatan Dan Pertumbuhan Jasmani

Bagi masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani, hanya 27 orang atau 5% sahaja yang menghadapi masalah ini di tahap tinggi. Daripada 95% yang menghadapi masalah di atas pada tahap rendah, seramai 54% adalah dari golongan yang bersifat asertif, 27% mereka yang agresif dan 15% pelajar yang pasif.

Masalah Kewangan, Keadaan Kehidupan Dan Pekerjaan

Seramai 362 orang pelajar atau 65% menghadapi masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan di tahap rendah dan daripada jumlah ini, seramai 36% adalah mereka yang bersifat asertif, 18% mereka yang agresif dan 11% pelajar yang pasif.

Masalah Kegiatan Sosial Dan Hiburan

Bagi masalah kegiatan sosial dan hiburan, seramai 370 orang atau 66% menghadapi masalah ini di tahap tinggi. Daripada jumlah ini, seramai 37% terdiri daripada mereka yang bersifat asertif, 19% mereka yang agresif dan 10% pelajar yang pasif.

Masalah Pergaulan Muda-Mudi, Perkahwinan Dan Seks

Peratusan pelajar yang menghadapi masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks di tahap rendah adalah lebih tinggi iaitu 71% berbanding dengan peratusan mereka yang menghadapinya di tahap tinggi iaitu 29%. Daripada jumlah mereka yang di tahap rendah, seramai 39% adalah dari golongan yang bersifat asertif, 21% mereka yang agresif dan 11% pelajar yang pasif.

Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal

Peratusan pelajar yang menghadapi masalah perhubungan sosial psikologikal di tahap tinggi dan tahap rendah adalah hampir sama iaitu masing-masing 51% dan 49% dan peratusan pelajar yang bersifat asertif dan agresif daripada kedua-dua tahap masalah di atas juga adalah sama iaitu masing-masing 28% dan 14% manakala 9% dan 7% pelajar yang pasif.

Masalah Perhubungan Peribadi Dan Psikologikal Emosi

Peratusan pelajar yang menghadapi masalah perhubungan peribadi dan psikologikal emosi di tahap tinggi dan tahap rendah adalah hampir sama iaitu masing-masing 53% dan 47% dan peratusan pelajar yang bersifat asertif bagi kedua-dua tahap masalah di atas juga adalah hampir sama iaitu masing-masing 29% dan 28%.

Masalah Moral Dan Agama

Seramai 367 orang pelajar atau 66% menghadapi masalah moral dan agama pada tahap tinggi dan daripada jumlah ini, seramai 37% adalah mereka yang bersifat asertif, 18% mereka yang agresif dan 10% pelajar yang pasif.

Masalah Rumahtangga Dan Keluarga

Bagi masalah rumahtangga dan keluarga, seramai 481 orang atau 86% menghadapi masalah ini di tahap rendah. Daripada jumlah ini, seramai 48% terdiri daripada mereka yang bersifat asertif, 24% mereka yang agresif dan 14% pelajar yang pasif.

Masalah Pelajaran Dan Kerjaya Masa Depan

Berdasarkan kajian penyelidikan dan hasil analisis terhadap tahap permasalahan sahsiah pelajar SMAKJ dari segi perbezaan tingkatan mendapati bahawa perbezaan ini adalah wujud. Merujuk kepada jadual 3.1.14 mendapati bahawa, pada keseluruhannya seramai 29% daripada 125 orang pelajar tingkatan dua, 51% daripada 166 orang pelajar tingkatan tiga, 52% daripada 147 orang pelajar tingkatan empat dan 30% daripada 149 orang pelajar tingkatan lima menghadapi masalah di tahap tinggi. Peratusan pelajar yang mengalami masalah pada keseluruhannya pada tahap rendah bagi setiap tingkatan adalah antara 48% hingga 71%. Secara umumnya setiap tingkatan mempunyai masalah sahsiah diri tetapi pada tahap yang berbeza.

Berdasarkan jadual 3.1.14 jelas menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan masalah sahsiah yang ketara berdasarkan tahun pengajian. Dapatan tersebut juga menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan antara tahun pengajian dengan masalah sahsiah pelajar di SMAKJ ini. Ini bererti terdapat perbezaan tahap masalah sahsiah di kalangan pelajar tingkatan 2,3,4 dan 5. Secara umumnya pelajar tahun 2,3,4 dan 5 adalah sama-sama mempunyai masalah sahsiah.

Dapatan ini disokong dengan hasil hipotesis yang telah dilakukan menunjukkan nilai yang diperolehi ialah $\chi^2 = 29.89$ dan nilai 'p' ialah 0.00. Oleh kerana nilai 'p' ini rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) maka ianya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima terhadap masalah keseluruhannya.

Keputusan analisis secara keseluruhan berdasarkan tahun pengajian yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa bilangan pelajar tingkatan tiga adalah yang tertinggi berbanding yang lain dalam masalah sahsiah pada tahap tinggi. Ini disebabkan oleh keadaan pelajar yang berada pada tahap ingin tahu dan sedang mengambil peperiksaan besar. Dalam keadaan ini mereka merasakan untuk mencuba sesuatu yang baru dan tidak gentar untuk dikenakan tindakan disiplin kerana mereka mungkin akan berpindah ke sekolah lain.

5.1.4 Rumusan perbincangan berhubung tahap kategori masalah sahsiah pelajar mengikut tahap 13 kategori-kategori masalah yang telah ditetapkan.

5.1.4.1 Kategori kehidupan pelajar di sekolah/asrama dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Jadual 2.1.2 menunjukkan peratusan responden yang bermasalah dalam konteks kehidupan pelajar di sekolah / asrama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 59% daripada responden tidak menggunakan kemudahan di sekolah / asrama seperti menggunakan hak milik mereka sendiri. Angka ini diikuti dengan masalah pergaulan

antara pelajar dengan pihak pentadbir / guru / warden sebanyak 50% dan faktor ketiga tertinggi adalah masalah untuk melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti di sekolah / asrama mencapai 49%.

Dapatan ini dapat menjawab persoalan mengapa berlakunya *vandalisme* di sekolah. Selain itu pergaulan antara pengajar dan pelajar perlulah lebih mesra supaya kegiatan-kegiatan kurikulum atau ko-kurikulum di sekolah dapat berjalan dengan lancar. Hasil daripada kajian juga mendapati sebahagian daripada keseluruhan pelajar adalah pasif untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sekolah. Bagi lain-lain pernyataan di dalam kategori ini, kurang daripada 50% menyatakan ianya sebagai satu masalah.

5.1.4.2 Kategori ciri-ciri keperibadian individu dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Ciri-ciri keperibadian boleh diibaratkan sebagai latarbelakang pemikiran yang ada pada individu pelajar mengenai sesuatu. Dalam kajian ini, kategori tersebut lebih mengkhususkan kepada pelajar tentang perasaan, pandangan atau pendapat pelajar tersebut mengenai pergaulan dan aktiviti sekolah ini sepanjang beliau berada di sini.

Berdasarkan jadual 2.1.3, masalah terbesar yang wujud di kalangan para pelajar ialah, merasakan banyak kekurangan diri berbanding dengan orang lain (87%). Ini menyebabkan pelajar berasa diri mereka terkebawah dan sukar untuk membangun dalam pelbagai aspek. Peratusan kedua tertinggi ialah 68% merangkumi aspek kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam aktiviti sekolah. Manakala perasaan malu untuk tampil ke hadapan dalam program rasmi sekolah merupakan masalah ketiga terbesar bagi para pelajar (67%).

Secara keseluruhannya, ciri-ciri keperibadian pelajar ini amat mempengaruhi proses pembinaan sahsiah pelajar-pelajar sekolah ini. Hanya sebahagian kecil dari pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan baik apabila berjaya masuk ke sekolah ini.

5.1.4.3 Kategori masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani merupakan salah satu faktor yang boleh menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan sahsiah di kalangan pelajar. Jadual 2.1.4 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani. Daripada jadual di atas, dapatan menunjukkan 'tidak cukup tidur' merupakan masalah utama di mana 57% pelajar mengalami masalah ini, 'tidak mendapat latihan gerak badan yang cukup' merupakan masalah kedua utama dengan peratusan pelajar yang mengalaminya seramai 54% dan peratusan ketiga tertinggi ialah 52% bagi kenyataan 'tidak sekuat dan sesihat yang diharapkan'.

Lima item memperolehi peratusan kurang daripada 10% iaitu terlalu tinggi, terlalu rendah, tidak dapat udara dan cahaya matahari, terlalu gemuk dan ketagihan rokok. Dapatan ini dapat membuktikan bahawa masalah utama pelajar terletak pada masalah kesihatan. Tahap kesihatan yang kurang menyebabkan pelajar akan berasa kurang selesa untuk belajar. Hal ini akan membangkitkan perasaan ingin tidur, bising dan segala macam perlakuan yang tidak sihat yang secara tidak langsung mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

5.1.4.4 Kategori masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Berdasarkan jadual 2.1.5 menunjukkan bahawa masalah kewangan memang wujud di kalangan pelajar SMAKJ di dalam peratusan yang tinggi. Dapatan hasil kajian menunjukkan masalah yang utama yang dihadapi oleh pelajar ialah mereka perlu belajar menyimpan wang di mana seramai 85% mengalami masalah ini, masalah kedua tertinggi ialah mereka terpaksa meminta wang dari ibu bapa, seramai 84% mempunyai pendapat

yang sama dan masalah kewangan yang ketiga tertinggi ialah ingin mendapat wang untuk diri sendiri, seramai 81% menghadapi masalah ini.

Masalah kewangan ini adalah berpunca dari latarbelakang keluarga yang kurang mewah. Jadual 1.7 membuktikan bahawa lebih 70% pendapatan bapa adalah kurang dari RM2000.00. Ditambah pula dengan bilangan adik beradik yang ramai menyebabkan berlakunya masalah kewangan ini. Walaupun kerajaan sudah memperuntukkan bantuan berbentuk kemudahan belajar dan makanan namun keperluan peribadi pelajar masih tidak mencukupi kerana kemahuan untuk hidup lebih selesa mengatasi penawaran yang telah disediakan.

Secara keseluruhannya, tidak dinafikan lagi bahawa masalah kewangan memang wujud di kalangan pelajar. Disebabkan kemahuan diri yang tidak dipenuhi menyebabkan berlakunya beberapa masalah sahsiah di kalangan pelajar seperti mencuri, peras ugut dan sebagainya.

5.1.4.5 Kategori masalah kegiatan sosial dan hiburan dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Masalah sosial dan hiburan merupakan masalah yang sering berlaku di kalangan pelajar samaada pelajar sekolah harian biasa mahupun pelajar sekolah berasrama. Kebanyakan pelajar sekolah ini rata-rata inginkan kebebasan dan perlukan lebih banyak masa untuk diri sendiri berbanding masa yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Dapatan hasil kajian membuktikan pernyataan di atas di mana kajian mendapati 'ingin lebih masa untuk diri' merupakan masalah utama iaitu 83% yang menyatakan demikian, 'selalu tidak dibenarkan keluar pada waktu malam' dan 'ingin belajar bagaimana hendak melayani seseorang', merupakan masalah kedua dan ketiga utama iaitu 80% menghadapi kedua-dua masalah di atas. Manakala peratusan yang terendah sekali ialah 42% iaitu 'terlalu cuai dengan pakaian dan barang-barang kepunyaan saya'.

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar SMAKJ menghadapi masalah sosial dan hiburan pada tahap yang serius sehingga boleh menyebabkan berlakunya pelbagai masalah disiplin seperti keluar bandar pada waktu malam, tidak suka mengikut program yang dianjurkan pihak sekolah / asrama dan sebagainya. Oleh kerana itu permasalahan ini perlu diberikan perhatian yang khusus untuk merawatinya. Pelbagai pendekatan dan penjelasan perlu dilakukan bagi membuka minda pelajar. Penjelasan tersebut berkaitan dengan tujuan dan keutamaan sesuatu peraturan itu di adakan agar mereka akur dan berusaha menyesuaikan diri dengan disiplin tersebut secara sukarela serta penuh kesediaan.

5.1.4.6 Kategori masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Dalam kajian ini, faktor pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks merupakan masalah yang sebenarnya belum perlu dan tidak perlu di lalui oleh para pelajar pada peringkat umur mereka. Namun tidak dapat dinafikan perasaan itu akan wujud apabila individu sudah mencapai tahap keempat dalam Teori Perkembangan Sahsiah Sigmund Frued (1906) iaitu peringkat pendaman (5-12 tahun), di mana keinginan seksual semakin bertambah dan kanak-kanak mula ambil tahu mengenai rakan sebaya yang berlainan jantina. Perasaan kasih mula dialihkan kepada orang lain selain keluarganya. Dia mulai menguasai nilai-nilai moral. Manakala tahap kelima dan terakhir adalah peringkat kejantinaan (12 tahun dan ke atas), di mana remaja mula berminat terhadap rakan sebaya yang berlainan jantina (Dacey 1996:29)

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, hasil kajian mendapati bahawa 82% pelajar menyatakan 'tidak dibenarkan mengadakan pertemuan (date)' dan masalah ini merupakan masalah yang utama di antara item-item bagi masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks. Masalah kedua utama dengan skor 78% ialah 'kekok semasa membuat pertemuan (date)' dan peratusan ketiga tertinggi dengan skor 75% ialah masalah 'segan dengan perbualan mengenai seks'. Manakala peratusan yang terendah sekali ialah 'sedang menentukan sama ada hendak bertunang' dengan skor 4%.

Secara keseluruhannya, walaupun peratusan masalah dalam kategori ini adalah tinggi namun masalah-masalah tersebut adalah normal dan tidak menjadi masalah utama kepada para pelajar. Ini ditambah pula dengan peraturan sekolah ini yang tidak membenarkan perjumpaan antara lelaki dan perempuan di tempat, masa dan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh pihak sekolah.

5.1.4.7 Kategori masalah perhubungan sosial dan psikologikal dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Berdasarkan jadual 2.1.8, hasil kajian mendapati 89% pelajar menghadapi masalah inginkan personaliti yang lebih menarik, ini merupakan masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar, 'merasa rendah diri' merupakan masalah kedua utama dengan skor 81% dan peratusan ketiga tertinggi dengan skor 71% ialah masalah 'kurang kebolehan memimpin'. Peratusan yang terendah sekali ialah 21% bagi pernyataan 'dikatakan sombong atau bongkak'.

Secara keseluruhannya, dapatan di atas membuktikan bahawa para pelajar mempunyai masalah hubungan sosial dan psikologikal yang agak tinggi kerana tahap hubungan sosial dan psikologikal antara pelajar dengan pelajar adalah berbeza. Peraturan sekolah yang digubal oleh pihak sekolah menyebabkan para pelajar merasa bosan kerana tidak mempunyai personaliti yang tersendiri. Ini menyebabkan wujudnya perilaku yang tidak sihat di kalangan pelajar yang inginkan diri mereka terbeza dan dibezakan berbanding dengan orang lain seperti berambut panjang, bertudung pendek dan sebagainya.

5.1.4.8 Kategori masalah perhubungan peribadi dan psikologikal dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Aspek ini mengupas tentang keadaan emosi peribadi seseorang pelajar terhadap diri mereka sendiri dalam kehidupan semasa yang dilalui. Secara umumnya emosi seseorang

pelajar mempengaruhi kehidupan peribadi seseorang yang kadangkala menyebabkan berlakunya perselisihan maklumat dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan. Keyakinan dan pandangan dari orang lain amat perlu bagi memastikan setiap kerja yang dibuat dapat dilaksanakan dengan baik.

Dapatan yang diperoleh menunjukkan daripada 20 item di dalam kategori masalah di atas, item yang menyatakan 'sukar membuat keputusan' merupakan masalah utama bagi 79% pelajar, 'bimbang' merupakan masalah kedua utama di mana 72% menghadapi masalah ini dan peratusan ketiga tertinggi ialah 71% bagi masalah 'mudah lupa'. 'Terfikir untuk membunuh diri' adalah masalah bagi 16% pelajar dan ini adalah masalah yang terendah dalam kategori ini.

5.1.4.9 Kategori masalah moral dan agama dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Masalah moral dan agama merupakan masalah pertengahan di kalangan pelajar SMAKJ ini. Peratusan bagi setiap item yang tinggi membuktikan lagi bahawa ia adalah suatu keadaan yang biasa di kalangan pelajar. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh individu pelajar itu sendiri yang kadangkala sukar untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan beragama.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa hampir 50% daripada pelajar sekolah ini menyambung pelajaran ke sini bukanlah di atas minat sendiri. Jadual 1.3 menunjukkan hanya 58% sahaja daripada keseluruhan pelajar yang masuk ke sini atas minat sendiri. Ini secara tidak langsung menjadi punca utama mengapa masih berlaku masalah moral dan agama dikalangan pelajar yang beraliran agama ini.

Berdasarkan jadual 2.1.10 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah moral dan agama. Seramai 93% pelajar di dalam kajian ini 'kadang-kadang berbohong tapi tidak bermaksud demikian' dan ini merupakan masalah utama daripada 20 masalah di bawah kategori masalah moral

dan agama. Peratusan yang kedua tertinggi ialah 97% iaitu bagi item yang menyatakan 'kadang-kadang merasa tidak sejujur seperti yang sepatutnya' dan peratusan ketiga tertinggi ialah 92% iaitu bagi masalah 'merasa bersalah'. Hanya 2% pelajar yang merasakan mereka tidak takut akan hukuman Tuhan dan ini merupakan peratus yang terendah.

5.1.4.10 Kategori masalah rumahtangga dan keluarga dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Berdasarkan jadual 1.4 menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai bilangan adik beradik yang ramai antara 4orang hingga 10orang ke atas. Faktor ini menyebabkan berlakunya masalah rumahtangga dan keluarga pada tahap yang agak tinggi. Interaksi dalaman antara keluarga yang kurang lebih menyebabkan masalah ini bertambah rumit.

Kajian mendapati item yang menyatakan 'memerlukan cinta dan kasih sayang' merupakan masalah utama iaitu 87%, peratusan kedua tertinggi ialah 71% iaitu bagi masalah 'tidak memberitahu segala-gala kepada ibu bapa' dan peratusan ketiga tertinggi ialah 'ibu bapa terlalu mengharapkan banyak dari saya' iaitu 69%. Peratusan yang terendah sekali ialah 'merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga' di mana seramai 7% daripada keseluruhan pelajar menghadapi masalah ini. (Rujuk jadual 2.1.11)

5.1.4.11 Kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Kategori ini merupakan masalah yang terbesar dialami oleh pelajar-pelajar SMAKJ ini. Kajian mendapati bahawa bilangan terbesar pelajar-pelajar adalah anak sulung. Faktor ini menyebabkan kebanyakan pelajar tidak tahu untuk menentukan hala tuju hidup mereka kerana tiada yang berpengalaman dalam keluarga. Selain itu mereka juga berada di satu peringkat di mana mereka perlu memastikan apakah minat yang ada dalam diri mereka yang dapat menjamin masa depan yang mendatang.

Peratusan masalah pada tahap ini adalah begitu tinggi sehinggakan 3 peratus tertinggi mendominasi sehingga 95% ke atas dalam kategori ini. Jadual 2.1.12 menunjukkan susunan peratusan tertinggi hingga terendah bagi item-item di bawah kategori masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Dari kajian ini didapati 'perlu mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai pekerjaan' merupakan masalah utama di mana 96% pelajar bimbang tentang perkara tersebut, 'perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu pekerjaan' dan 'perlu buat rancangan awal untuk masa depan' merupakan masalah kedua utama di mana 95% pelajar menghadapi kedua-dua masalah di atas.

5.1.4.12 Kategori masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Kategori ini membincangkan sejauh mana masalah yang dihadapi oleh pelajar tentang tahap penerimaan pembelajaran mereka di dalam kelas dan sejauh mana mereka dapat menyesuaikan diri dengan kerja-kerja yang diberi oleh guru. Kajian mendapati seramai 90% pelajar merasa bimbang tentang kedudukan (markah) dalam kelas, ini merupakan masalah yang utama diikuti dengan masalah kedua utama iaitu 'tidak dapat memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan' di mana seramai 89% menghadapi masalah ini. Masalah yang ketiga yang dihadapi oleh 88% pelajar ialah bimbang terhadap peperiksaan. Perkara yang paling kurang menjadi masalah ialah 'selalu tidak hadir ke sekolah', hanya 5% pelajar sahaja yang menghadapi masalah ini.

5.1.4.13 Kategori masalah kurikulum dan kaedah pengajaran dalam mempengaruhi sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ.

Hasil kajian mendapati bahawa seramai 65% menyatakan 'tidak cukup perbincangan dalam kelas' adalah masalah utama mereka. Perkara yang kedua yang menjadi masalah ialah 'kegiatan sekolah tidak diatur dengan baik', seramai 62% menyatakan demikian dan yang ketiga ialah 'sangat sedikit kebebasan dalam kelas' di mana 57% menghadapi masalah ini. Seramai 15% merasakan ujian yang mereka terima tidak adil.

Masalah di atas adalah berpunca dari pengurusan pentadbiran sekolah di mana segala susunan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada guru yang mengajar. Tetapi tidaklah wajar sekiranya pihak sekolah disalahkan sepenuhnya kerana ragam pelajar yang berbeza juga menjadi faktor mengapa hal yang sedemikian berlaku.

5.1.5 Tahap trait personaliti berdasarkan inventori personaliti pelajar-pelajar SMAKJ

Tahap trait personaliti dibahagikan kepada tiga peringkat utama. Peringkat lemah atau paling sedikit, diikuti peringkat pertengahan dan kemudian peringkat tertinggi atau peringkat teraktif. Kesemua trait personaliti pelajar akan di nilai berdasarkan tiga kategori yang tersebut di atas.

5.1.5.1 Tahap Agresif Pelajar

Tahap agresif adalah tahap keaktifan pelajar dalam pergaulan semasa samaada dalam bidang kurikulum atau ko-kurikulum di sekolah. Peratusan pelajar yang asertif atau mempunyai ketegasan diri adalah lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan mereka yang agresif 27% dan pasif 14%.

5.1.5.2 Tahap Analitikal Pelajar

Berdasarkan jadual 4.2, hasil kajian menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar yang sensitif dan beranalitikal sederhana adalah hampir sama iaitu 40% dan 39%. Jumlah pelajar yang praktikal hanya seramai 94 orang yang merangkumi 16% daripada keseluruhan pelajar.

5.1.5.3 Tahap Autonomi Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir separuh daripada keseluruhan pelajar sukakan kebebasan dalam melakukan sebarang aktiviti. Seramai 276 pelajar berada pada tahap ini dan ia merangkumi 47% daripada keseluruhan pelajar. Merujuk kepada jadual 4.3 juga mendapati 41% di tahap sederhana manakala 7% dari keseluruhan pelajar suka menerima arahan orang lain. Ini membuktikan bahawa salah satu punca berlaku masalah disiplin adalah kerana keadaan pelajar yang sukar untuk menerima perintah dari orang lain.

5.1.5.4 Tahap Bersandar Pelajar

Tahap bersandar pelajar bertujuan untuk melihat sejauh mana pergantungan diri pelajar terhadap orang lain samaada ibu bapa, guru dan rakan-rakan yang lain dalam kehidupan seharian di sekolah / asrama. Jadual 4.4 menunjukkan 47% mereka yang di dalam golongan penggantungan yang sederhana, 41% suka bergantung kepada orang lain dan 7% mereka yang suka berdikari.

5.1.5.5 Tahap Ekstrovert Pelajar

Tahap ekstrovert merupakan tahap bersosial pelajar dalam aktiviti pergaulan setiap hari. Berdasarkan jadual 4.5 menunjukkan peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri sosial dan tidak sosial adalah tinggi iaitu 41% iaitu seramai 239 orang sementara 33% terdiri daripada mereka yang kurang atau tidak sosial dan bakinya sebanyak 21% adalah individu yang sosial.

5.1.5.6 Tahap Intelektual Pelajar

Tahap intelektual pelajar di dalam kategori ini lebih menjurus kepada pemikiran pelajar yang suka memikirkan sesuatu itu secara teoritikal iaitu memikirkan sesuatu dengan lebih mendalam lagi dalam menghuraikan sesuatu perkara. Berdasarkan jadual 4.6

menunjukkan bahawa 48% pelajar mempunyai ciri-ciri intelektual yang sederhana, 33% mereka yang tidak selesa dengan perkara yang bersifat teoritikal dan 14% mereka yang sukakan aktiviti yang mencabar.

5.1.5.7 Tahap Introvert Pelajar

Introvert ialah orang yang lebih suka memusatkan perhatiannya kepada fikiran dan perasaannya sendiri. Ia lebih memusatkan kepada pergaulan komunikasi antara individu pelajar dengan pelajar yang lain. Jadual 4.7 menunjukkan 55% pelajar mempunyai ciri-ciri sosial di tahap sederhana, 26% mereka yang suka libatkan diri dalam perhubungan interpersonal dan 14% dari keseluruhan iaitu seramai 80 orang adalah mereka yang tidak sosial dan suka elakkan diri dari berkomunikasi.

5.1.5.8 Tahap Menolong Pelajar

Tahap menolong yang dikategorikan di atas memberi maksud tentang sejauh mana semangat Bantu membantu yang ada pada diri pelajar terhadap individu sekeliling yang memerlukan bantuan. Berdasarkan kajian mendapati peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri menolong di tahap sederhana adalah lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan mereka yang suka membuat kebajikan 32% dan 9% mereka yang tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain.

5.1.5.9 Tahap Sokongan Pelajar

Jadual 4.9 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap sokongan. Sokongan yang dimaksudkan di sini ialah sejauh mana tahap permintaan pelajar terhadap sokongan daripada pihak lain seperti keluarga, rakan-rakan dan golongan pendidik. Peratusan mereka yang mempunyai ciri-ciri sokongan di tahap sederhana adalah tinggi iaitu 48% sementara mereka yang sangat mementingkan diri sendiri 26% dan 21% mereka yang tidak suka bergantung kepada orang lain.

5.1.5.10 Tahap Struktur Pelajar

Tahap Struktur ini bertujuan mengkaji peratusan pelajar yang suka melakukan sebarang aktiviti mengikut struktur atau prosedur yang telah ditetapkan. Jadual 4.10 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap struktur, menunjukkan bahawa 48% pelajar seramai 284 orang mempunyai ciri-ciri personaliti struktur yang sederhana. Bilangan ini adalah bilangan yang tertinggi sekali. Ini diikuti dengan suka kepada perkara-perkara yang berstruktur seramai 235 orang pelajar merangkumi 40% daripada pelajar keseluruhan, manakala bakinya 7% suka kepada aktiviti yang tidak berstruktur.

5.1.5.11 Tahap Motivasi Pelajar

Berdasarkan jadual 4.11 menunjukkan 43% mereka yang di dalam golongan bermotivasi sederhana, 28% bermotivasi rendah dan 26% mereka yang sangat bermotivasi. Secara amnya walaupun bilangan pelajar yang sangat bermotivasi seramai 155 orang tetapi tahap motivasi ke atas perkembangan diri individu di kalangan pelajar masih lagi kurang dan ia perlulah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

5.1.5.12 Tahap Kepelbagaian Pelajar

Kategori ini membincangkan tahap kepelbagaian pelajar dalam bidang pekerjaan atau aktiviti yang dilakukan. Berdasarkan jadual 4.12 hasil kajian mendapati peratusan mereka yang adventures iaitu mereka yang sukakan pekerjaan yang mencabar adalah 47%, mereka yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian yang sederhana 41% sementara hanya 7% terdiri daripada mereka yang sukakan situasi pekerjaan yang stabil. Data ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar SMAKJ ini mempunyai potensi yang tinggi untuk membangun kerana mempunyai minat yang tinggi untuk melakukan sesuatu yang mencabar dalam hidup.

5.1.5.13 Tahap Ketahanan Pelajar

Merujuk kepada jadual 2.1.4 jelas menunjukkan bahawa tahap kesihatan dan pertumbuhan jasmani pelajar adalah pada tahap yang rendah. Dapatan ini diperkuatkan lagi dengan data daripada jadual 4.13 yang menunjukkan bahawa 44% pelajar mempunyai ketahanan yang sederhana. Manakala 40% dari keseluruhan pelajar mempunyai ketahanan fizikal dan bermotivasi yang tinggi dan bakinya seramai 64 orang merangkumi 11% adalah mereka yang kurang atau tiada ketahanan fizikal.

5.1.5.14 Tahap Kritik Pelajar

Kategori ini membincangkan mengenai tahap pemikiran dan perlakuan pelajar yang suka mengkritik dan mempertikaikan sesuatu perkara yang dirasakan tidak patut berlaku, atau boleh diubah kepada bentuk lain. Hasil dapatan mendapati bahawa 85% adalah pelajar yang bermasalah, 9% mereka yang stabil dari segi emosi dan psikologi dan 1% mereka yang sentiasa anggap diri betul.

5.1.5.15 Tahap Kepimpinan Pelajar

Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar gemar menjadi pemimpin dan tidak suka dipimpin. Dapatan ini dibuktikan dengan hasil kajian merujuk kepada jadual 4.15 mendapati bahawa peratusan mereka yang suka mengawal dan memimpin adalah lebih tinggi iaitu 67% berbanding dengan mereka yang mempunyai ciri-ciri mengawal dan memimpin di tahap sederhana iaitu sebanyak 25%. Manakala yang tidak suka memimpin hanya seramai 17 orang merangkumi 3% daripada pelajar.

5.1.5.16 Tahap Penipuan Pelajar

Pada bahagian ini tahap penipuan hanya dibahagikan kepada dua kategori sahaja untuk memastikan tahap kejujuran pelajar ketika menjawab soalan. Merujuk jadual 4.16 hasil kajian mendapati bilangan dan peratusan pelajar mengikut tahap penipuan adalah seramai

85% terdiri daripada pelajar yang mempunyai sikap jujur dan hanya 10% mempunyai sikap yang sebaliknya. Walaupun begitu penyelidik tidak menyatakan kesemua 10% pelajar tersebut tidak jujur sepenuhnya kerana kebarangkalian pelajar-pelajar tersebut adalah pelajar yang benar-benar dan terlalu jujur.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Banyak keputusan menarik diperoleh daripada kajian ini, dan kita boleh menjadikannya iktibar dan asas untuk membuat pertimbangan yang wajar dalam membincangkan isu-isu mengenai sahsiah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor. Semoga dengan hasil kajian ini semua pihak dapat menyelami dan mendalami masalah-masalah yang sering berlaku dan timbul di kalangan pelajar agar dapat membantu perkembangan sihat kehidupan para pelajar daripada gejala-gejala yang tidak diingini. Beberapa keputusan kajian yang penting digariskan seperti yang berikut.

Antara tiga belas kategori masalah, tiga kategori masalah yang amat mengganggu pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor ialah:

- (a) Masalah pelajaran dan kerjaya masa depan
- (b) Masalah kegiatan sosial dan hiburan
- (c) Masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja

Ini bermakna kebanyakan pelajar SMAKJ mempunyai krisis halatuju diri kerana faktor kedudukan sebagai anak sulung dan kedua dalam keluarga yang mendominasi separuh daripada keseluruhan responden menghalang diri mereka dari terdedah kepada pelajaran dan kerjaya masa depan. Walaupun hampir kesemua responden dijaga oleh kedua ibu bapa mereka tetapi tahap pendidikan penjaga yang kurang memberangsangkan menyebabkan anak-anak tidak terdedah kepada dunia masa depan yang akan mereka kecapai. Pelajar juga kurang mahir untuk menyesuaikan diri terhadap kerja-kerja yang diberikan impak dari amalan seharian di rumah yang dibawa ke sekolah. Ini ditambah pula dengan undang-undang sekolah yang ketat menyebabkan perasaan untuk melakukan

kegiatan sosial dan mendapatkan hiburan yang berlebihan melonjak-lonjak di dalam sanubari mereka.

Kajian ini mendapati bahawa kategori masalah lain seperti masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani, masalah kehidupan di sekolah/asrama dan masalah rumahtangga dan keluarga bukan masalah signifikan bagi pelajar-pelajar SMAKJ. Ini bermakna pelajar demikian memahami dan boleh membuat adaptasi tentang penjagaan kesihatan yang amat penting dalam kehidupan. Begitu juga dengan dalam hal kehidupan di sekolah/asrama, hubungan antara guru dan pelajar amat baik, begitu juga hubungan sesama pelajar. Faktor kekeluargaan juga tidak menjadi masalah pelajar kerana rata-rata mereka masih dijaga oleh kedua ibu bapa mereka.

Kedua, masalah-masalah spesifik yang utama yang kerap mengganggu pelajar-pelajar SMAKJ bagi setiap kategori ialah:

- Tidak menggunakan kemudahan sekolah/asrama seperti menggunakan hak milik mereka sendiri.
- Mendapati banyak kekurangan dalam diri berbanding dengan rakan-rakan yang lain.
- Tidak cukup tidur.
- Perlu belajar menyimpan wang.
- Ingin lebih masa untuk diri.
- Tidak dibenarkan mengadakan pertemuan (date).
- Inginkan personaliti yang lebih menarik.
- Sukat untuk membuat keputusan.
- Kadangkala berbohong, tetapi tidak bermaksud untuk berbuat demikian.
- Memerlukan cinta dan kasih sayang.
- Perlu mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai pekerjaan.
- Bimbang tentang kedudukan (markah) dalam kelas.
- Tidak cukup perbincangan dalam kelas.

Ketiga, secara amnya, tidak ada perbezaan signifikan antara pelajar remaja lelaki dan perempuan dalam tiga belas kategori masalah. Begitu juga dari aspek urusan keluarga, kesihatan dan pelajaran, tidak ada perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan kecuali dalam kategori kehidupan di sekolah, masalah kewangan, hubungan peribadi dan masalah moral dan agama. Ini bermakna perbezaan jantina tidak menimbulkan jurang perbezaan yang besar dalam mengkaji permasalahan sahsiah pelajar.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan antara pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima dalam semua kategori masalah secara keseluruhannya kecuali dalam kategori kesihatan, moral dan agama, pelajaran dan penyesuaian terhadap kerja-kerja. Ini bermakna perbezaan tingkat pelajaran boleh mewujudkan jurang perbezaan dalam mengkaji permasalahan sahsiah pelajar SMAKJ.

Keempat, secara amnya pertalian signifikan antara faktor jantina dan tingkatan boleh jadi ada dan tiada dengan tiga belas kategori masalah. Secara spesifiknya, terdapat pertalian antara jantina pelajar dengan kehidupan di sekolah, masalah kewangan, hubungan peribadi dan masalah moral dan agama. Tetapi dalam pertalian antara tingkat pelajaran terdapat pertalian signifikan yang besar secara puratanya mempengaruhi sahsiah pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor.

5.3 Implikasi dan cadangan daripada dapatan kajian

Masalah sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ ini merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian. Pelajar yang mengalami masalah dan tidak dapat mengatasi masalah yang dialaminya berkemungkinan tidak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar dengan berkesan. Ibu bapa, guru, kaunselor, masyarakat sekitar, para pegawai pendidikan dan pegawai jabatan pendidikan masyarakat yang merancang kurikulum pendidikan merupakan golongan yang boleh memainkan peranan untuk membantu pelajar SMAKJ yang bermasalah ini. Di bawah ini dinyatakan beberapa cadangan penting untuk mengurangkan masalah daripada berlaku dan cara mengatasinya sekiranya terjadi.

Dalam kajian ini didapati bahawa masalah pelajaran dan kerjaya masa depan merupakan masalah utama pelajar-pelajar SMAKJ ini. Oleh itu dicadangkan agar latihan dan bimbingan dari segi kemahiran belajar, pengurusan masa dan motivasi kerjaya yang boleh meringankan masalah pelajaran dan kerjaya masa depan sangat diperlukan dari peringkat awal memasuki persekolahan sekolah menengah.

Ibu bapa selaku pendidik awal pelajar sejak dari kecil perlulah memberi dorongan dan bimbingan yang padu pada anak mereka. Mereka juga perlu menjelaskan tujuan sebenar anak mereka dihantar ke sekolah ini agar matlamat yang hendak dicapai melalui jalan yang betul.

Pihak sekolah iaitu pihak pentadbir dan guru-guru akan dapat mengurangkan masalah yang berpunca dari pelajaran dan kerjaya masa depan ini jika mereka dapat memastikan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mementingkan pelajar dengan cara memastikan pengajaran dan aktiviti luar kelas yang dijalankan tidak menimbulkan masalah kepada pelajar.

Para penggubal dasar di Kementerian Pendidikan juga diharap dapat mengambil kira kesan masalah pelajaran dan kerjaya masa depan ke atas pelajar apabila merancang dan menentukan kurikulum.

Kursus-kursus berkenaan dengan halatuju kerjaya selepas alam persekolahan di sekolah ini perlulah diwujudkan memandangkan terdapatnya dua aliran pendidikan yang sejajar di dalam sistem pentadbiran dan pembelajaran iaitu akademik dan bahasa arab. Hal ini sekiranya tidak dipantau lebih awal akan memberi impak yang buruk kepada pelajar yang mengalami masalah ini.

Pelajar di tahap remaja juga menghadapi masalah penyesuaian kerja akademik, masalah hubungan peribadi dengan rakan sebaya dan masalah yang berkaitan dengan sosial dan hiburan yang memerlukan khidmat kaunseling. Kaunseling individu dan kaunseling kelompok diberikan supaya mereka dapat menangani masalah secara positif.

5.4 Cadangan kajian lanjutan

Kajian ini merupakan satu kajian awal dan ia hanya menyentuh kepada objektif yang sangat terbatas. Tumpuan dan skop kajian adalah di peringkat yang rendah. Masih banyak perkara yang perlu di ambil perhatian terhadap permasalahan pelajar-pelajar di SMAKJ ini. Antaranya ialah :

- 5.4.1 Kajian tentang masalah sahsiah pelajar SMAKJ dijalankan pada tahun 2003. Untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih bermutu, dicadangkan kajian susulan dilakukan pada tahun-tahun berikutnya bagi memastikan peningkatan berlaku berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.
- 5.4.2 Kajian yang selanjutnya dicadangkan supaya mencari masalah yang lebih luas lagi seperti hak-hak pelajar di sekolah/asrama, konflik yang dihadapi antara pelajar dan pihak pentadbiran dan sebagainya.
- 5.4.3 Saiz sample kajian adalah kecil iaitu hanya di sekolah ini sahaja. Oleh itu kajian selanjutnya mestilah melibatkan lebih banyak sample dari sekolah-sekolah agama lain agar dapat membuat perbandingan antara keduanya. Masa kajian juga haruslah dipanjangkan lagi agar hasil yang diperolehi akan lebih berkesan dan memuaskan.
- 5.4.4 Penggunaan kaedah lain seperti pemerhatian dan soal selidik yang lebih sistematik agar dapatan kajian yang diperolehi nanti lebih jitu dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

5.5 Penutup

Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor, samaada lelaki atau perempuan, menghadapi masalah kategori pelajaran dan kerjaya masa depan dengan persekolahan dan kerja-kerja akademik.

Secara amnya, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor menghadapi masalah kerjaya masa depan, penyesuaian terhadap kerja-kerja dan

sosial dan hiburan. Masalah-masalah yang dihadapi ini secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan sahsiah pelajar-pelajar dan menyebabkan keputusan peperiksaan tidak seperti yang diharap dan dijangkakan.

Sebagai remaja, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor ini juga sedikit sebanyak menghadapi masalah perhubungan peribadi dan personaliti, masalah dalam interaksi sosial dan masalah yang berkaitan dengan persahabatan seperti juga masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja-remaja lain.

Demikian juga masalah-masalah yang mereka hadapi ini didapati tidak berbeza secara signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini berbeza secara signifikan antara pelajar terutama pelajar tingkatan tiga dan lima yang sedang menghadapi peperiksaan besar.

Sebagai kesimpulannya, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor, bimbang dan prihatin tentang perkembangan fizikal dan kesihatan mereka serta bebas dari permasalahan keluarga. Pelajar-pelajar ini sebenarnya adalah golongan yang unik kerana mempelajari dua bidang ilmu iaitu agama (bahasa arab) dan akademik yang sukar untuk dilakukan oleh sekolah lain. Namun, sekiranya pelajar-pelajar ini tidak dibentuk dan dibimbing dengan baik akan berlaku masalah sosial yang akan mengakibatkan prestasi pembelajaran mereka terjejas.

BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz Zakaria, Dr. Zaidatul Akmalia Lope Pihie, Dr. Habibah Elias, Dr. Wan Zah Wan Ali, Abu Hassan Hewap & Ali Yacob (1994), “Keberkesanan Asrama Sekolah Kebangsaan Agama Ke arah Pencapaian Matlamat Penubuhannya”, Kementerian Pendidikan Malaysia (Laporan Kajian).

Abdullah Nashih Ulwan (1994), “Pesanan Kepada Pemuda Islam”, Kuala Lumpur, Penerbitan Al-Ramadhan.

Al-Ghazali (1989), “Bimbingan Mukmin Pada Mencari Ridha Al- A’lamin”, (Terjemahan oleh Sayyid Ahmad Semait), Singapura, Pustaka Nasional Ptd. Ltd.

Fariza Md Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (2000), “Dakwah dan Perubahan Sosial”, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Harriet N. Mischel, Walter Mischel (1973), “Readings In Personality”, USA, Stanford University.

John S. Dacey, John F. Travers, “Human Development: Across the Lifespan (Third Edition)”, USA, McGraw –Hill, P31-P39.

Kamarul Azmi Jasmi (2001), “Paradigma al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan, satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin”, Universiti Malaya: Tesis Sarjana.

Kamus Dewan (2000), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Majalah Al-Hidayah (2001) (Majalah Sekolah - Tidak Di Terbitkan), Sek. Men. Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor.

- Mohd Ismail Mustari (1999), “Belia sebagai Insan Cemerlang Dari Perspektif Islam: Kajian status Belia-Belia Felda Bukit Ramun, Kulai, Johor”, Universiti Kebangsaan Islam, Tesis Sarjana.
- Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin (2000), “Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia”, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mustafa Daud (1997), “Tamadun Islam”, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Paul B. Horton, Chester L. Hunt (1964), “Sociology”, USA, McGraw-Hill Book Company.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff, (1985), "Pendidikan Pedagogi", Kuala Lumpur : Heinman Asia.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (1993), “Asas_Asas Masyarakat Cemerlang”, Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Suradi Sarikon (1998), “Hubungan Antara Iklim sekolah dengan Prestasi Pelajar: Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Sains Muar, Johor, Universiti Teknologi Malaysia, Tesis Sarjana.
- Varathan Pachaippan (2001), “Persepsi Para Pelajar Terhadap punca Masalah Displin Dan Langkah-langkah Untuk Mengatasinya – Satu Tinjauan Di Sekolah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor”, Universiti Teknologi Malaysia, Tesis Sarjana.
- Wan Azmi Ramli (1992), "Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan”, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Woolfolk, A.E. (1993). "Educational Psychology", Boston: Rutgers University.

<http://www.undp.org/hdro/Dias2000.html>

LAMPIRAN A

Soal Selidik



BAHAGIAN A

PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
SKUDAI, JOHOR BAHRU,
JOHOR. BIL:

--	--	--	--

TAJUK KAJIAN:

KAJIAN SAHSIAH PELAJAR-PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN JOHOR,
KLUANG, JOHOR
(SOAL SELIDIK PELAJAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi dan diperolehi akan **dirahsiakan** sepenuhnya dan tidak akan didedahkan. Ia hanya digunakan untuk Projek Penyelidikan vot.71872, di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

Soal selidik ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu:-

Bahagian I : 13 kategori masalah.
Bahagian II : Latar belakang responden.

Sekian Terima Kasih.

.....
(USTAZ MOHD ISMAIL BIN MUSTARI)
KETUA PENYELIDIK

MAKLUMAT MENGENAI KAJIAN

Soal Selidik ini mengandungi dua (2) bahagian. Anda diminta menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian dengan betul dan tepat. Tiada jawapan yang betul atau salah. Semua jawapan anda akan dirahsiakan.

Kerjasama anda sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Kumpulan Penyelidik,
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,
Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai, Johor Bahru,
Johor.

April. 2003

Bahagian I

ARAHAN : Sila jawab soalan berikut dan tandakan jawapan anda ke dalam borang OMR yang disediakan.

1. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang kehidupan anda di sekolah.

- | | | |
|---|---|---|
| 1. Saya menghormati semua pentadbir/guru/warden saya. | Y | T |
| 2. Hubungan mesra antara pelajar wujud. | Y | T |
| 3. Saya mudah bergaul dengan pentadbir/guru/warden sekolah/asrama. | Y | T |
| 4. Aktiviti di sekolah/asrama sangat menyeronokkan sehingga saya dapat membina sahsiah saya. | Y | T |
| 5. Saya menghargai kemudahan dan kelengkapan sekolah/asrama yang disediakan. | Y | T |
| 6. Saya percaya pentadbir/guru/warden sekolah/asrama telah menjalankan tugasnya dengan baik. | Y | T |
| 7. Undang-undang dan peraturan di sekolah/asrama sesuai untuk membina sahsiah saya. | Y | T |
| 8. Kegiatan di sekolah/asrama dapat mewujudkan sikap kerjasama dikalangan pelajar. | Y | T |
| 9. Kegiatan kerohanian di sekolah/asrama membina sahsiah saya. | Y | T |
| 10. Saya menggunakan kemudahan sekolah/asrama seperti saya menggunakan hak milik saya sendiri. | Y | T |
| 11. Pergaulan saya di sekolah/asrama terhad di kalangan rakan-rakan rapat sahaja. | Y | T |
| 12. Pihak pentadbir/guru/warden sentiasa memberi tunjuk ajar dengan cara yang bijaksana. | Y | T |
| 13. Saya tidak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan kehidupan di sekolah/asrama. | Y | T |
| 14. Pentadbir/guru/warden saya seorang yang bertolak ansur. | Y | T |
| 15. Saya sering mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar rakan di sekolah/asrama ketika membuat sesuatu keputusan. | Y | T |

16.	Apabila ada aduan, pentadbir/guru/warden cepat bertindak.	Y	T
17.	Peribahasa “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” menjadi amalan hidup saya di sekolah/asrama.	Y	T
18.	Perhubungan saya dengan rakan di sekolah/asrama merenggangkan hubungan saya dengan keluarga di rumah.	Y	T
19.	Saya melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti di sekolah/asrama.	Y	T
20.	Pentadbir/guru/warden sekolah/asrama sentiasa adil dalam melaksanakan peraturan.	Y	T

2. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian seseorang pelajar di sekolah/asrama. (soalan 21-40)

21.	Penyertaan saya dalam aktiviti sekolah/asrama menambahkan keyakinan dalam diri saya.	Y	T
22.	Perasaan saya mudah tersinggung apabila tingkah laku saya ditegur oleh rakan-rakan di sekolah/asrama.	Y	T
23.	Saya yakin usaha yang gigih semasa di sekolah/asrama akan membawa kejayaan dalam hidup saya pada masa hadapan.	Y	T
24.	Saya tidak merasa sepi semasa di sekolah/asrama.	Y	T
25.	Saya tak mengetahui apa yang benar-benar saya kehendaki dalam hidup saya.	Y	T
26.	Sebagai pelajar SMAKJ saya merasa malu jika pelajar di sini tidak berakhlak mulia.	Y	T
27.	Aktiviti kerohanian di sekolah/asrama menolong saya membentuk sahsiah yang mulia.	Y	T
28.	Kesukaran menyesuaikan diri dalam aktiviti di sekolah/asrama amat membimbangkan saya.	Y	T
29.	Saya dapati banyak kekurangan dalam diri saya berbanding dengan rakan sebaya di sekolah/asrama.	Y	T
30.	Saya sering kali tertanya siapakah diri saya sebenarnya.	Y	T
31.	Saya dapat menghayati nilai Islam dengan lebih berkesan setelah berada di sekolah/asrama ini.	Y	T
32.	Banyak peraturan di sekolah/asrama yang bertentangan dengan kehendak saya.	Y	T
33.	Saya merasa malu tampil ke hadapan dalam program rasmi di sekolah/asrama.	Y	T
34.	Potensi saya terserlah sejak saya bersekolah di sini.	Y	T
35.	Saya berharap aktiviti di sekolah/asrama akan menjadikan		

	saya insan yang soleh/solehah.	Y	T
36.	Saya inginkan keadaan diri saya yang lebih menarik semasa berada di sekolah/asrama.	Y	T
37.	Saya akan menentang sesiapa juga yang cuba menjatuhkan nama baik sekolah saya.	Y	T
38.	Saya tetap memilih asrama SMAKJ walaupun ditawarkan untuk tinggal di asrama sekolah lain.	Y	T
39.	Aktiviti kerohanian di sekolah/asrama tidak membebankan saya.	Y	T
40.	Saya menghadapi masalah untuk mempraktikkan amalan agama apabila berada di luar sekolah.	Y	T

3. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani anda. (soalan 41-60)

41.	Ketagih rokok	Y	T
42.	Gigi rosak	Y	T
43.	Cepat penat	Y	T
44.	Terlalu tinggi	Y	T
45.	Terlalu kurus	Y	T
46.	Terlalu rendah	Y	T
47.	Terlalu gemuk	Y	T
48.	Tidak cukup tidur	Y	T
49.	Perawakan buruk	Y	T
50.	Kulit berpenyakit	Y	T
51.	Selalu pening kepala	Y	T
52.	Selalu tiada selera makan	Y	T
53.	Selalu menghidap selsema	Y	T
54.	Mudah mendapat penyakit	Y	T
55.	Semakin lama semakin kurus	Y	T
56.	Penyakit haid atau perempuan	Y	T
57.	Bentuk badan tidak begitu menarik	Y	T
58.	Tidak dapat udara dan cahaya matahari	Y	T
59.	Tidak sekuat dan sesihat yang diharapkan	Y	T
60.	Tidak mendapat latihan gerak badan yang cukup	Y	T

4. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan anda. (soalan 61-80)

61.	Ingin tinggal di tempat lain	Y	T
62.	Ibu bapa terlalu kuat kerja	Y	T
63.	Sangat sedikit pakaian cantik	Y	T
64.	Tidak mempunyai bilik sendiri	Y	T
65.	Perlu belajar menyimpan wang	Y	T
66.	Tinggal terlalu jauh dari sekolah	Y	T
67.	Keluarga bimbang tentang wang	Y	T
68.	Sangat sedikit wang untuk hiburan	Y	T
69.	Tidak mempunyai wang belanja tetap	Y	T
70.	Memerlukan kerja sambilan sekarang	Y	T
71.	Terpaksa meminta wang dari ibu bapa	Y	T
72.	Ingin mendapat wang untuk diri sendiri	Y	T
73.	Terlalu banyak kerja di luar masa sekolah	Y	T
74.	Memerlukan pekerjaan semasa cuti panjang	Y	T
75.	Tidak mendapat kemudahan tertentu di rumah	Y	T
76.	Malu dengan keadaan rumah yang saya duduki	Y	T
77.	Tidak mempunyai tempat untuk melayan kawan	Y	T
78.	Tidak tahu menggunakan wang saya dengan bijak	Y	T
79.	Ingin membeli lebih banyak barang untuk diri sendiri	Y	T
80.	Masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah	Y	T

5. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah kegiatan sosial dan hiburan. (soalan 81-100)

81.	Ingin memperbaiki rupa saya	Y	T
82.	Terlalu sedikit kegiatan sosial	Y	T
83.	Kekok berjumpa dengan orang	Y	T
84.	Tidak cukup masa untuk hiburan	Y	T
85.	Lambat mesra dengan orang lain	Y	T
86.	Ingin lebih masa untuk diri	Y	T
87.	Sangat sedikit peluang untuk saya sertai	Y	T
88.	Jarang terlibat dengan gerak kerja pelajar	Y	T
89.	Tidak pasti mengenai ketertiban sosial saya	Y	T
90.	Terlalu sedikit peluang untuk memenuhi hobi	Y	T
91.	Sukar untuk melanjutkan sesuatu perbualan	Y	T
92.	Ingin membaiki diri saya dari segi kebudayaan	Y	T
93.	Tidak menggunakan masa lapang dengan baik	Y	T
94.	Selalu tidak dibenarkan keluar pada waktu malam	Y	T
95.	Ingin belajar bagaimana hendak melayani seseorang	Y	T
96.	Tiada perkara menarik hendak dibuat pada masa lapang	Y	T
97.	Terlalu cuai dengan pakaian dan barang-barang kepunyaan saya	Y	T
98.	Tidak dibenarkan bersiar-siar dengan orang yang saya suka	Y	T
99.	Sangat sedikit peluang untuk melakukan apa yang saya kehendaki	Y	T
100.	Sangat sedikit peluang untuk keluar dan menikmati alam semula jadi.	Y	T

6. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah pergaulan muda-mudi, perkahwinan dan seks. (soalan 101-120)

101.	Teman lelaki	Y	T
102.	Teman wanita	Y	T
103.	Sedang dalam percintaan	Y	T
104.	Kecewa dalam percintaan	Y	T
105.	Jarang mengadakan pertemuan(date)	Y	T
106.	Perlu penerangan berkaitan hal seks	Y	T
107.	Sukar bergaul rapat dengan jantina lain	Y	T
108.	Tidak tahu melayan semasa pertemuan(date)	Y	T
109.	Takut kehilangan orang yang saya cinta	Y	T
110.	Segan dengan perbualan mengenai seks	Y	T
111.	Kekok semasa membuat pertemuan(date)	Y	T
112.	Tidak dibenarkan mengadakan pertemuan(date)	Y	T
113.	Takut berhubung rapat dengan jantina lain	Y	T
114.	Sangat sukar untuk mengawal desakan seks	Y	T
115.	Mengasihi seseorang yang tidak cintakan saya	Y	T
116.	Sedang menentukan sama ada hendak bertunang	Y	T
117.	Memutuskan sama ada hendak terus kekal bersama	Y	T
118.	Sedang menentukan sama ada dalam percintaan atau tidak	Y	T
119.	Berbaik-baik dengan orang yang tidak disukai oleh keluarga saya	Y	T
120.	Bimbang sejauh manakah hendak berhubung mesra dengan jantina lain	Y	T

7. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah perhubungan sosial psikologikal. (soalan 121-140)

121.	Merasa rendah diri	Y	T
122.	Benci pada seseorang	Y	T
123.	Jadi penakut atau pemalu	Y	T
124.	Terlibat dalam pertengkar	Y	T
125.	Terlalu mudah merasa malu	Y	T
126.	Tidak disukai oleh seseorang	Y	T
127.	Kurang kebolehan memimpin	Y	T
128.	Jadi sasaran kritikan orang lain	Y	T
129.	Mempunyai perasaan kesepian	Y	T
130.	Jadi bahan perbualan dan ejekan	Y	T
131.	Selalu melukakan perasaan orang	Y	T
132.	Dikatakan sombong atau bongkak	Y	T
133.	Menjadi terlalu iri hati atau cemburu	Y	T
134.	Ingin menjadi lebih disukai (popular)	Y	T
135.	Bercakap atau bertindak tanpa berfikir	Y	T
136.	Inginkan personaliti yang lebih menarik	Y	T
137.	Mengelak diri dari orang yang saya benci	Y	T
138.	Merasa tiada seorang yang memahami saya	Y	T
139.	Bimbang bagaimana mempengaruhi orang lain	Y	T
140.	Tiada seorang yang boleh saya mengadu masalah saya	Y	T

8. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah perhubungan peribadi dan psikologikal (emosi). (soalan 141-160)

141.	Bimbang	Y	T
142.	Jadi malas	Y	T
143.	Suka berkhayal	Y	T
144.	Mudah lupa	Y	T
145.	Tidak gembira	Y	T
146.	Gugup(nervous)	Y	T
147.	Merasa kesedihan	Y	T
148.	Tidak bernasib baik	Y	T
149.	Terlalu mudah putus asa	Y	T
150.	Kurang kepercayaan diri	Y	T
151.	Terlalu mudah terangsang	Y	T
152.	Sukar membuat keputusan	Y	T
153.	Terfikir untuk membunuh diri	Y	T
154.	Takut ditinggalkan seorang diri	Y	T
155.	Takut membuat kesalahan/kesilapan	Y	T
156.	Terlalu banyak masalah persendirian	Y	T
157.	Sangat mudah mengeluarkan air mata	Y	T
158.	Tidak dapat menahan kemarahan saya	Y	T
159.	Kerap gagal dalam kerja-kerja yang saya buat	Y	T
160.	Membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh	Y	T

9. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah moral dan agama. (161-180)

161.	Merasa bersalah	Y	T
162.	Takut hukuman Tuhan	Y	T
163.	Terlibat dalam kesusahan(trouble)	Y	T
164.	Ragu tentang makna Tuhan	Y	T
165.	Kurang kebolehan mengawal diri	Y	T
166.	Ingin merasa hampir dengan Tuhan	Y	T
167.	Tidak selalu ke Masjid/gereja/tokong/kuil	Y	T
168.	Suka mencarut/cerita lucah(dirty stories)	Y	T
169.	Mempunyai sesuatu tabiat buruk tertentu	Y	T
170.	Ibu bapa berpendirian kolot(old fashioned)	Y	T
171.	Terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama	Y	T
172.	Dihukum kerana kesalahan yang tidak saya lakukan	Y	T
173.	Tidak boleh melupakan kesalahan yang saya lakukan	Y	T
174.	Terganggu dengan fikiran mengenai syurga dan neraka	Y	T
175.	Kadang-kadang berbohong tapi tidak bermaksud demikian	Y	T
176.	Ragu-ragu menyatakan yang mana betul yang mana salah	Y	T
177.	Ragu apa yang terjadi kepada orang lain apabila mereka mati	Y	T
178.	Kadang-kadang merasa tidak sejujur seperti yang sepatutnya	Y	T
179.	Ragukan terhadap beberapa soal agama yang pernah saya dengar	Y	T
180.	Terganggu dengan perkara buruk yang dilakukan oleh rakan-rakan lain	Y	T

10. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah rumahtangga dan keluarga. (soalan 181-200)

181.	Kematian dalam keluarga	Y	T
182.	Jadi sasaran kritikan ibu bapa	Y	T
183.	Pertelingkahan dalam keluarga	Y	T
184.	Ibu bapa tidak memahami saya	Y	T
185.	Tidak gembira dengan ibu bapa	Y	T
186.	Ibu bapa tidak mempercayai saya	Y	T
187.	Memerlukan cinta dan kasih sayang	Y	T
188.	Di rumah dilayan seperti kanak-kanak	Y	T
189.	Menentang percakapan ibu bapa saya	Y	T
190.	Berselisih faham dengan keluarga saya	Y	T
191.	Inginkan kebebasan yang lebih di rumah	Y	T
192.	Ibu bapa menyebelahi abang/kakak atau adik	Y	T
193.	Ibu bapa terlalu banyak berkorban untuk saya	Y	T
194.	Merasa seolah-olah tidak mempunyai keluarga	Y	T
195.	Tidak memberitahu segala-gala kepada ibu bapa	Y	T
196.	Tidak sefahaman dengan abang/kakak atau adik	Y	T
197.	Tidak dapat berbincang masalah tertentu di rumah	Y	T
198.	Ibu bapa mengharapkan terlalu banyak daripada saya	Y	T
199.	Ibu bapa membuat terlalu banyak keputusan untuk saya	Y	T
200.	Bimbang mengenai seseorang daripada anggota keluarga	Y	T

11. Berikut disenaraikan beberapa pernyataan berkaitan dengan masalah pelajaran dan kerjaya masa depan anda. (soalan 201-220)

201.	Takut menempuhi masa depan	Y	T
202.	Kurang pengalaman kerja	Y	T
203.	Tidak tahu cara mencari kerja	Y	T
204.	Perlu untuk memilih sesuatu maktab	Y	T
205.	Ingin belajar mengenai sesuatu pekerjaan	Y	T
206.	Ingin lebih bebas dalam kehidupan seharian	Y	T
207.	Perlu buat rancangan awal untuk masa depan	Y	T
208.	Takut kalau saya tidak diterima masuk ke maktab	Y	T
209.	Memutuskan sama ada hendak ke maktab atau tidak	Y	T
210.	Tidak mengetahui apa yang saya benar-benar ingini	Y	T
211.	Takut menganggur selepas tamat sekolah menengah	Y	T
212.	Perlu mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai pekerjaan	Y	T
213.	Takut kalau saya tidak dapat langsung masuk ke maktab	Y	T
214.	Perlu mengetahui kebolehan saya dalam sesuatu pekerjaan	Y	T
215.	Perlu mengambil keputusan tentang pekerjaan masa hadapan	Y	T
216.	Ragu-ragu tentang kebolehan untuk menjalankan kerja yang baik	Y	T
217.	Tidak yakin kerja-kerja sekolah boleh memberi faedah kepada saya	Y	T
218.	Memerlukan nasihat mengenai apa yang saya harus buat selepas sekolah	Y	T
219.	Ragukan kemungkinan mendapat pekerjaan pilihan saya pada masa akan datang	Y	T
220.	Ragukan kebijaksanaan dalam pemilihan kursus untuk persediaan pekerjaan saya	Y	T

12. Penyesuaian terhadap kerja-kerja. (soalan 221-240)

221.	Ingatan tidak baik	Y	T
222.	Tidak cukup bijak	Y	T
223.	Tidak suka belajar	Y	T
224.	Ingin berhenti sekolah	Y	T
225.	Selalu tidak hadir ke sekolah	Y	T
226.	Takut gagal dalam kerja sekolah	Y	T
227.	Bimbang terhadap peperiksaan	Y	T
228.	Tidak belajar dengan secukupnya	Y	T
229.	Mendapat pangkat (markah) rendah	Y	T
230.	Tidak begitu berminat pada buku-buku	Y	T
231.	Tidak tahu cara belajar yang berkesan	Y	T
232.	Tidak tertarik pada beberapa mata pelajaran	Y	T
233.	Tidak dapat menumpukan fikiran pada pelajaran	Y	T
234.	Merasa sukar menyusun laporan atau karangan	Y	T
235.	Takut bercakap dalam perbincangan dalam kelas	Y	T
236.	Tidak dapat melahirkan fikiran saya dengan tepat	Y	T
237.	Bimbang tentang kedudukan (markah) dalam kelas	Y	T
238.	Merasa sukar mengambil catatan atau membuat ringkasan	Y	T
239.	Tidak dapat memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan	Y	T
240.	Tidak dapat menyelesaikan tugas pelajaran pada masa yang ditentukan	Y	T

13. Kurikulum dan Kaedah Pengajaran. (soalan 241-260)

241.	Ujian tidak adil	Y	T
242.	Kelas sangat membosankan	Y	T
243.	Peraturan sekolah terlalu ketat	Y	T
244.	Guru-guru terlalu sukar difahami	Y	T
245.	Guru tidak mesra dengan pelajar	Y	T
246.	Buku-buku teks terlalu sukar difahami	Y	T
247.	Sangat sedikit kebebasan dalam kelas	Y	T
248.	Masa makan tengah hari terlalu singkat	Y	T
249.	Tidak cukup perbincangan dalam kelas	Y	T
250.	Guru-guru kurang berperibadi (personaliti)	Y	T
251.	Kegiatan sekolah tidak diatur dengan baik	Y	T
252.	Dipaksa mengambil mata pelajaran yang saya benci	Y	T
253.	Tidak mempunyai tempat belajar yang sesuai di rumah	Y	T
254.	Tidak cukup buku-buku yang baik dalam perpustakaan	Y	T
255.	Mata pelajaran tidak berkaitan dengan kehidupan seharian	Y	T
256.	Keluarga tidak memahami tugas dan kegiatan di sekolah	Y	T
257.	Pangkat (markah) tidak sesuai sebagai ukuran kebolehan	Y	T
258.	Tidak sefahaman (not getting along) dengan seorang guru	Y	T
259.	Guru tidak bertimbang rasa terhadap perasaan pelajar-pelajar	Y	T
260.	Terlalu banyak tugas diberi dalam beberapa mata pelajaran	Y	T

Bahagian II

ARAHAN: Sila berikan **maklumat tentang diri** anda dengan tepat dan ikhlas. Tandakan (✓) dalam petak yang berkenaan dan tuliskan jawapan di ruang kosong yang disediakan.

1. Jantina:

- A. Lelaki
- B. Perempuan

2. Umur pada 1.1.2003: _____ tahun _____ bulan.

3. Tingkatan anda sekarang:

- A. Tingkatan 1
- B. Tingkatan 2
- C. Tingkatan 3
- D. Tingkatan 4
- E. Tingkatan 5

4. Aliran

- A. Sastera
- B. Sains
- C. Teknik & Vokasional
- D. Lain-lain

(Nyatakan): _____

5. Berikan sebab utama anda bersekolah di SMAKJ ini:

- A. Pilihan sendiri
- B. Pilihan ibu bapa
- C. Nasihat guru
- D. Mengikut kawan
- E. Lain-lain

(Nyatakan): _____

6. Bilangan adik beradik (termasuk diri anda): _____ orang.

7. Anda anak keberapa dalam keluarga? _____.

8. Orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga anda:

- | | |
|----------------|--------------------------|
| A. Ibu bapa | <input type="checkbox"/> |
| B. Bapa sahaja | <input type="checkbox"/> |
| C. Ibu sahaja | <input type="checkbox"/> |
| D. Orang lain | <input type="checkbox"/> |

(Nyatakan): _____

9. Pendapatan ibu bapa/penjaga anda. Tandakan (\checkmark) dalam petak yang berkenaan:

	Pendapatan	Bapa	Ibu	Penjaga
A.	RM3,000 dan ke atas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
B.	RM2000 – RM2999	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C.	RM1,000- RM1,999	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D.	RM999 dan ke bawah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

10. Pendidikan tertinggi ibu bapa/penjaga. Tandakan (\checkmark) dalam petak yang berkenaan:

	Pendidikan	Bapa	Ibu	Penjaga
A.	Tidak Bersekolah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
B.	Sekolah Rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C.	Sekolah Menengah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D.	Maktab/Kolej	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
E.	Universiti	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
F.	Lain-lain			

(Nyatakan): _____

(Soalan 11 untuk pelajar Tingkatan 1, 2 & 3 sahaja)

11. Nyatakan keputusan yang anda perolehi dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang lepas:

Mata Pelajaran	Gred
Bahasa Melayu I	
Bahasa Melayu II	
Matematik	
Bahasa Inggeris	
Kajian Tempatan (Sains)	

Jumlah Keseluruhan:_____.

(Soalan 12 untuk pelajar Tingkatan 4 & 5 sahaja)

12. Nyatakan keputusan yang anda perolehi dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang lepas:

Mata Pelajaran	Gred
Bahasa Melayu	
Bahasa Inggeris	
Bahasa Arab Komunikasi	
Matematik	
Sejarah	
Geografi	
Agama Islam	
Sains	
Kemahiran Hidup	

Jumlah Keseluruhan:_____.

LAMPIRAN B

Soal Selidik



BAHAGIAN B

PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
SKUDAI, JOHOR BAHRU,
JOHOR. BIL:

--	--	--	--

TAJUK KAJIAN:

KAJIAN SAHSIAH PELAJAR-PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN JOHOR,
KLUANG , JOHOR
(SOAL SELIDIK PELAJAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi dan diperolehi akan **dirahsiakan** sepenuhnya dan tidak akan didedahkan. Ia hanya digunakan untuk Projek Penyelidikan vot.71872, di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

Soal selidik ini mengandungi satu (1) bahagian sahaja iaitu:-

Bahagian I : Soal selidik trait personaliti (160 soalan)

Sekian Terima Kasih.

.....
(USTAZ MOHD ISMAIL BIN MUSTARI)
KETUA PENYELIDIK

SOAL SELIDIK PERSONALITI

ARAHAN : Sila jawab soalan berikut dan tandakan jawapan anda ke dalam borang OMR yang disediakan.

1. Selesa memberitahu orang lain mengenai apa-apa sahaja yang ada dalam fikiran saya.
2. Lebih suka bekerja dengan idea-idea dari bekerja dengan data dan benda.
3. Suka melakukan sesuatu mengikut cara saya sendiri dari mengikut struktur yang telah ditetapkan.
4. Merasa selamat bila saya tahu orang yang saya percaya berada di samping saya.
5. Suka menghadiri majlis-majlis kenduri dan perkahwinan.
6. Suka membuat kritikan yang membina mengenai apa-apa sahaja bahan yang saya baca.
7. Lebih selesa tinggal di kawasan yang tidak mempunyai ramai jiran tetangga.
8. Sukakan suasana kehidupan yang berubah-ubah.
9. Tidak mudah kecewa bila berhadapan dengan masalah-masalah yang rumit.
10. Selalu mengelak dari bertanya kerana takut akan salah.
11. Mempunyai keinginan supaya orang lain menganggap diri saya sebagai pemimpin.
12. Menolong sedaya upaya kawan-kawan yang menghadapi masalah.
13. Mengharapkan sanjungan dari kawan-kawan untuk mengelakkan diri dari rasa tertekan.
14. Suka kepada kerja-kerja yang mempunyai struktur yang jelas.
15. Mengharapkan supaya orang lain melihat saya sebagai seorang yang amat berjaya.
16. Selesa meminta pertolongan dari kawan-kawan dan ahli-ahli profesional bila menghadapi masalah.
17. Memikirkan secara kritikal setiap perkara yang saya buat dan saya lihat.
18. Memikirkan sendiri cara-cara untuk menyelesaikan masalah yang saya hadapi.
19. Mengelak dari memperkatakan perkara-perkara yang boleh menyebabkan orang lain marah.

20. Suka berucap semasa berada di dalam kumpulan yang besar .
21. Suka memikirkan masalah-masalah yang rumit dan mencabar.
22. Seringkali memendamkan perasaan saya agar tidak diketahui oleh orang lain.
23. Tidak suka terikat dengan jadual yang ketat untuk aktiviti-aktiviti masa lapang.
24. Selalu tidur lewat untuk menyelesaikan kerja-kerja yang telah dimulakan.
25. Merasa kecewa bila memikirkan saya tidak berupaya mengawal keadaan.
26. Suka membuat keputusan-keputusan penting tanpa melibatkan orang lain.
27. Tidak sampai hati melihat orang lain dihukum walaupun telah diadili.
28. Ingin supaya orang lain bersimpati dengan masalah hidup yang saya alami.
29. Suka melakukan sesuatu pekerjaan dengan kemas dan teratur.
30. Beranggapan adalah penting mempunyai pekerjaan di mana orang lain tidak berupaya melakukannya.
31. Saya tidak pernah mengumpat tentang diri seseorang.
32. Selesa meminta kembali barang-barang saya yang telah dipinjam oleh kawan.
33. Berminat membaca buku-buku bercorak akademik, falsafah dan psikologi.
34. Akan menghadiri sesuatu majlis jika saya rasa saya ingin berbuat demikian.
35. Memihak kepada kumpulan yang mendapat suara majoriti.
36. Percaya bahawa diri saya adalah seorang yang peramah dan mudah mesra.
37. Lebih suka berdampingan dengan orang yang intelek berbanding orang yang praktikal.
38. Jarang bercakap di dalam sesuatu sesi perbualan dan perbincangan.
39. Merasa seakan-akan berminat kepada semua perkara.
40. Akan menyelesaikan sesuatu kerja sebelum memulakan kerja-kerja yang lain.
41. Percaya bahawa orang lain membuat sesuatu kerja lebih baik daripada saya.
42. Lebih suka menjadi ketua dari menjadi pengikut.
43. Sedia memberi pertolongan kepada orang lain tanpa mengira pertolongan itu dihargai atau tidak.
44. Selalu menceritakan masalah-masalah peribadi saya kepada orang lain.
45. Suka kepada aktiviti-aktiviti yang memerlukan perhatian dan tumpuan yang terperinci.
46. Mencuba bersungguh-sungguh dalam melakukan apa sahaja kerja.

47. Saya tidak pernah memecahkan rahsia kawan-kawan saya.
48. Mudah melenting apabila semua kerja yang saya lakukan tidak menjadi.
49. Berminat untuk mencipta idea-idea dan teori-teori baru mengenai manusia.
50. Tidak mengharapkan orang lain membantu menyelesaikan kerja-kerja saya.
51. Suka menerima pimpinan orang lain.
52. Mudah memulakan perbualan dengan orang-orang yang belum saya kenali.
53. Suka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi melalui kajian dan penyelidikan.
54. Mengelak bercakap dengan orang lain melainkan ditegur terlebih dahulu.
55. Merasa bosan jika tiada kerja-kerja baru yang boleh dibuat.
56. Akan meneruskan kerja-kerja yang susah walaupun peluang untuk berjaya adalah tipis.
57. Rasa tidak puas hati dengan apa yang saya telah capai hingga kini.
58. Suka membuat keputusan untuk kumpulan.
59. Suka meminjamkan barang-barang yang saya sayangi kepada kawan-kawan yang memerlukan.
60. Selalu mengharapkan belaian kasih sayang dan perhatian daripada orang lain.
61. Ada jadual makan dan tidur yang tetap untuk setiap hari.
62. Suka menerima hadiah dan anugerah bagi setiap pencapaian cemerlang yang saya perolehi.
63. Saya sentiasa bersetuju dengan pendapat ibu bapa saya.
64. Akan berterus terang menyatakan tingkahlakunya menyakitkan hati saya.
65. Suka menganalisa personaliti individu yang saya temui.
66. Tidak suka dikawal oleh individu yang mempunyai autoriti.
67. Tidak akan melanggar peraturan yang telah ditetapkan walaupun saya tidak setuju dengan peraturan itu.
68. Cenderung untuk bercakap lebih banyak dari orang lain apabila berada di dalam sesuatu kumpulan.
69. Suka melibatkan diri dalam perbincangan mengenai idea-idea yang abstrak.
70. Suka menghabiskan waktu petang seorang diri dari berbual dan bermain dengan kawan-kawan.

71. Selalu mengubah program dan aktiviti yang telah saya rancangkan.
72. Boleh bekerja dalam satu jangkamasa yang panjang tanpa mudah merasa letih dan jemu.
73. Rasa bersalah mengenai beberapa perkara buruk yang telah saya lakukan pada masa lalu.
74. Akan mengambil alih tugas kepimpinan apabila suasana berada dalam keadaan tertekan.
75. Gembira menghabiskan sebahagian dari masa saya membantu menyelesaikan masalah-masalah sosial.
76. Merasa perlu mencurahkan perasaan yang terkandung di dalam hati saya kepada kawan-kawan.
77. Menyusun idea dan pemikiran saya dengan cermat sebelum memulakan perbualan.
78. Berusaha besungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan dalam apa-apa sahaja yang bercorak pertandingan.
79. Selesa bertanya apabila arahan yang diberikan oleh ketua yang kurang jelas.
80. Suka melibatkan diri dalam perbincangan yang berkaitan dengan falsafah hidup masyarakat yang ideal.
81. Suka melakukan kerja-kerja yang tidak melibatkan arahan, persetujuan dan pendapat orang lain.
82. Meminta pendapat dan persetujuan orang lain sebelum memulakan sesuatu pekerjaan.
83. Saya tidak pernah tersinggung apabila ditegur oleh kawan-kawan.
84. Sukakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang ramai.
85. Selalu menghabiskan masa dalam perpustakaan membaca buku-buku akademik.
86. Suka menyendiri melayan fikiran.
87. Selesa dalam menghadapi situasi-situasi baru.
88. Jarang menanggungkan kerja yang diberikan walaupun saya tidak suka.
89. Merasa diri saya gagal bila orang lain membuat kerja lebih baik daripada saya.
90. Bercita-cita menjadi pemimpin kelab atau organisasi.

91. Ingin bergiat cergas dalam persatuan yang bertanggungjawab membantu individu yang kuran bernasib baik.
92. Selalu meminta kepastian dari orang lain bahawa apa yang saya buat dan katakan adalah betul.
93. Sentiasa menjaga ruang tempat kerja saya bersih dan kemas.
94. Melihat diri saya sebagai seorang yang bercita-cita tinggi.
95. Saya tidak pernah berselisih faham dengan sesiapa.
96. Akan terus bertanya sehingga saya berpuas hati dengan jawapan yang diberi.
97. Selalu memikirkan jalan penyelesaian kepada macam-macam masalah sosial, politik dan ekonomi.
98. Melakukan sesuatu mengikut cara saya sendiri tanpa memikirkan apa orang lain akan kata.
99. Lebih banyak bertolak ansur mengenai sesuatu perkara berbanding dengan orang lain.
100. Selesa bercakap dengan seseorang walaupun kali pertama bertemu.
101. Suka menulis ulasan kritikal mengenai buku-buku dan artikel-artikel bercorak akademik yang saya baca.
102. Merasa gugup bercakap di hadapan khalayak ramai.
103. Tidak suka tinggal di sesuatu tempat dalam suatu jangkamasa yang lama.
104. Akan meneruskan kerja-kerja yang menghadapi kebuntuan, walaupun orang lain telah menarik diri.
105. Merasakan bahawa kehidupan saya adalah tidak menggembirakan.
106. Selalu mempengaruhi orang lain supaya menerima pendapat saya.
107. Percaya bahawa menolong orang lain sama penting dengan menolong diri sendiri.
108. Memerlukan sanjungan dan pujian dari rakan-rakan untuk merasa gembira.
109. Rasa sedih menghadapi masalah-masalah peribadi bersendirian tanpa sokongan kawan-kawan.
110. Merancang dengan teliti segala matlamat yang ingin saya capai.
111. Merasakan kejayaan orang lain selalu mendorong saya mencuba dengan lebih bersungguh-sungguh.

112. Sejarah kehidupan saya sentiasa gembira dan menyeronokkan.
113. Lebih selesa membuat kerja-kerja yang telah saya rancang dari membuat kerja yang disuruh orang lain.
114. Berminat mencari sebab musabab mengenai tingkah laku dan permasalahan manusia.
115. Selalu bertindak mengikut keyakinan diri saya.
116. Merasa perlu bergantung kepada individu yang saya percaya bagi membentuk nilai-nilai hidup saya.
117. Lebih selesa berinteraksi dengan individu yang tidak saya kenali daripada duduk bersendirian.
118. Sering memikirkan sebab-sebab berlakunya masalah di dunia ini serta cara penyelesaiannya.
119. Selalu merasa bimbang bila bertemu dengan orang yang belum saya kenali.
120. Suka membuat sesuatu kerja hanya disebabkan ianya berbeza dari yang lain.
121. Akan menyelesaikan segala tugas yang diamanahkan kepada saya walaupun saya terpaksa bekerja lebih masa.
122. Merasakan diri saya patut dihukum kerana telah melakukan sesuatu yang salah.
123. Suka kepada aktiviti-aktiviti kumpulan di mana saya bertindak sebagai ketua.
124. Mudah mesra dan mudah membina persahabatan dengan orang lain.
125. Merasa kecewa bila orang lain tidak menghargai diri saya.
126. Merancang semua aktiviti supaya ia dapat dijalankan dengan lancar.
127. Mempunyai keinginan yang tinggi untuk lebih berjaya daripada orang lain.
128. Walaupun rakan-rakan selalu membuatkan saya ternanti-nanti, saya tidak pernah marah.
129. Agak mudah marah berbanding dengan kawan-kawan saya yang lain.
130. Memperuntukkan masa yang agak banyak bagi memikirkan masalah-masalah yang rumit yang perlu diselesaikan.
131. Percaya saya mempunyai hak untuk menentukan sendiri apa yang ingin saya lakukan.
132. Lebih suka meminta nasihat dari orang lain daripada cuba menyelesaikan masalah sendiri.

133. Menganggap diri saya sebagai mudah untuk didampingi.
134. Merasakan diri saya lebih berkebolehan membuat kerja berbanding dengan kawan-kawan saya yang lain.
135. Merasakan diri saya sebagai orang yang mudah untuk didampingi.
136. Ingin mencuba sesuatu sekurang-kurangnya sekali.
137. Bila saya membuat sesuatu keputusan, jarang sekali saya mengubahnya.
138. Percaya diri saya mempunyai lebih banyak masalah peribadi berbanding orang lain.
139. Gembira sekiranya saya terpilih memegang jawatan yang mempunyai autoriti.
140. Percaya kebanyakan orang yang saya temui boleh menjadi kawan saya.
141. Ingin supaya diri saya difahami dan diterima oleh orang lain.
142. Bekerja lebih efektif mengikut jadual yang telah dirancang terlebih dahulu.
143. Suka mengisi masa lapang dengan aktiviti atau kerja-kerja yang lebih mencabar.
144. Saya tidak pernah bosan melakukan kerja yang berulang-ulang.
145. Suka kepada perdebatan yang hangat tidak kira saya menang atau kalah.
146. Suka membaca buku-buku yang boleh membantu mengenali diri dengan lebih baik.
147. Berpendapat bahawa apa yang betul dan apa yang salah ditentukan oleh diri saya sendiri.
148. Tidak akan memulakan sesuatu kerja apabila orang lain tidak berminat melakukannya.
149. Mempunyai ramai sahabat dan kenalan.
150. Suka berbincang mengenai konsep-konsep dan idea-idea.
151. Akan mengelak situasi-situasi yang memaksa saya berhubung dan berinteraksi dengan orang lain.
152. Merasa bosan hidup di dalam keadaan yang stabil di sepanjang masa tanpa perubahan.
153. Tidak suka membiarkan sesuatu kerja terbengkalai tanpa mencari jalan penyelesaiannya dengan segera.
154. Takut akan kecewa dalam mengharungi hidup.

155. Akan memilih pekerjaan di mana saya mempunyai tanggungjawab penuh untuk menyelia.
156. Suka melawat kawan-kawan dan jiran-jiran saya yang sakit.
157. Akan meminta pertolongan kawan-kawan yang lain apabila menghadapi kebuntuan.
158. Rasa kecewa bila ada sesuatu mengganggu perjalanan rancangan saya.
159. Ingin diiktiraf sebagai seorang yang berpengaruh.
160. Saya tidak pernah cemburu walaupun kekasih saya atau orang yang saya sayangi bermesra dengan orang lain.

SELESAI

LAMPIRAN C
Surat Perakuan Projek Oleh RMC



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

81310 UTM, SKUDAI,
JOHOR DARUL TA'ZIM,
MALAYSIA

TELEFON : 07 - 5502487

E-mail: info@rmc.utm.my

TELEFAX : 07 - 5566177

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE (RMC)

RUJUKAN KAMI (OUR REF.):

UTM.01.07/25.10/3 Jld 2 (65)

RUJUKAN TUAN (YOUR REF.):

11hb. April 2002

Dekan
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial
UTM, Skudai

(u/p: En. Azmi Shah Suratman)

Assalamualaikum wmt wbt

Saudara,



**PERMOHONAN PROJEK PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK
UNTUK TAHUN 2002/2003**

Saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Permohonan projek penyelidikan jangka pendek Uztaz Mohd Ismail bin Mustari, "*Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Menengah. Satu Kajian di Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri Johor, Daerah Kluang*" telah diterima. Walaubagaimanapun, RMC memerlukan beberapa pembetulan sebelum permohonan berkenaan dapat diluluskan. Proposal berkenaan dikembalikan untuk tindakan saudara selanjutnya. Untuk makluman, proposal asal perlu dikembalikan semula bersama-sama proposal baru yang telah dibaiki.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

ABD. RAHMAN HJ. SAFIE
pprmc@rmc.utm.my
Pusat Pengurusan Penyelidikan
b.p Dekan
(Samb : 2359)



sk Uztaz Mohd Ismail bin Mustari
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial

Darah/Kemua (KJP)




Memo

Pusat Pengurusan Penyelidikan
Research Management Centre (RMC)
Aras 3, Bangunan Pentadbiran
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 Skudai, Johor Darul Takzim

Tel.: 07-550 2386

Faks: 07-5566177

Kepada: En. Ahmad Marzuki bin Mohamed
Ustaz Idris bin Ismail
En. Azhar bin Muhammad
En. Nurazmallail bin Marni
En. Mohd Nasir bin Ripin
En. Azmi Shah Suratman
Dr. Husin bin Salamon
Ustaz Abdul Hafiz bin Abdullah
 Ustaz Mohd Ismail bin Mustari
En. Kamarul Azmi bin Jasni
Ustaz Hussin bin Junuh
Pusat Peng. Islam & Pemb. Sosial

Daripada: Norhidayah bte Bahrom
Pusat Pengurusan Penyelidikan

Tarikh: 02hb. Julai 2002

Perkara: PERMOHONAN PROJEK PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK
-UNTUK TAHUN 2002/2003

Assalamualaikum wmt. wth.,

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dikemukakan senarai nama projek diluluskan yang baru. Didalam senarai yang dikemukakan bertarikh 29hb. Jun 2002 tidak disertakan tarikh mula dan tarikh tamat projek dan ada juga senarai yang telah tersilap nombor vot.

Sekian, dimaklumkan.

Yang Benar

Norhidayah bte. Bahrom
hidayah@rmc.utm.my
samb: 2374/2420
Pusat Pengurusan Penyelidikan

PERMOHONAN GRAN PROJEK PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK UNTUK TAHUN 2002/2003

Bil	Ketua Projek	Fakulti	Tajuk	Sektor	Vot	Gran Disokong Oleh Fakulti (RM)	Gran Disokong Oleh RMC (RM)	Ulasan RMC	Tarikh Mula Tarikh Tamat	Penyelidik
42	Ustaz Abdul Hafiz Bin Abdullah	PPIPS	Keberkesanan Kecedah Hafazan di Pusat: Tahfiz	Social	71871	14,946.00	13,000.00		01.07.02 30.06.03	-Prof. Madya Ajman bin safar -Molid Irmal bin Mustari -Idris Bin Salim -Azhar bin Muhammad
43	Ustaz Molid Irmal Bin Mustari	PPIPS	Kajian Sainsah Pelajar-pelajar sekolah Menengah Agama Krapijohor Klang Klang Johor	Social	71872	14,710.25	13,000.00		01.07.02 30.06.03	-Azma Shah Bin suarman -Abdul Basit Bin Samat -Abdull Rahman Bin Hamzah -Abdull Hafiz Bin Abdullah
44	Kamarul Azmi Bin Jaani	PPIPS	Pengaruh Pemikiran Imam Nawawi di Kalangan Guru-Guru Takmir di Negeri Johor	Social	71873	20,000.00	14,000.00	-Item 5.4 tidak melebihi RM6,000	01.07.02 30.06.03	-Ahmad Kilani bin Mohamad -Prof. Madya. Ammuddin Bin Rukham -Zulkiflee bin Haron -Dr. Yahaya b. Jusoh
45	Dr. Fahul Zaman Huyop	FS	Microbial Growth On 3-Chloropropionic Acid (3CF)	Sciences	71874	19,800.00	19,800.00			-Tg. Huzayyanin Tg. Abd. Hamid
46	Lekha Laxman	FPPSM	A Study on Sexual Harassment in Small and Medium Enterprises of Malaysia	Social	71875	19,968.00	18,000.00	-Item 5.3 diulaskan RM45,000 sahaja	01.07.02 30.06.03	-Low Hock Heng -Prof. Madya Dr. Hishamuddin Md. Som
47	Low Hock Heng	FPPSM	An Assessment of the Levels of Ethical Perception among Public University Student in Malaysia	Social	71876	19,970.00	17,600.00	-Item 5.3 diulaskan RM45,000 sahaja	01.07.02 30.06.03	-Lekha Laxman -Mansarrah Mohamad Saat
48	Rasimah binti Che Mohd Yusoff	PPD	Web-Based Animations for Education	Services	71877	20,000.00	20,000.00		01.07.02 30.06.03	-Pn. Hafiza Binti Abas -Pn. Maslin Binti Masrom
49	Maslin Binti Masrom	PPD	Graphic Design in Multimedia e-Newsletter	Services	71878	18,000.00	18,000.00		01.07.02 30.06.03	-Halimatun Binti Ibrahim -Rasimah Binti Che Mohd Yusoff -Rokiah Binti Bahari

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

PENDIDIKAN DI MALAYSIA ADALAH SUATU USAHA BERTERUSAN KE ARAH MEMPERKEMBANGKAN LAGI POTENSI INDIVIDU SECARA MENYELURUH DAN BERSEPADU UNTUK MEWUJUDKAN INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS DARI SEGI INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI BERDASARKAN KEPERCAYAAN DAN KEPATUHAN KEPADA TUHAN. USAHA INI ADALAH BAGI MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERILMU PENGETAHUAN, BERAKHLAK MULIA, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERKEUPAYAAN MENCAPAI KESEJAHTERAAN DIRI SERTA MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

FALSAFAH PENDIDIKAN SEK. MEN AGAMA KERAJAAN JOHOR KLUANG

SUATU USAHA MENDIDIK PARA PELAJAR SECARA BERTERUSAN KE ARAH MELAHIRKAN PARA PELAJAR CEMERLANG DAN BERKUALITI BERLANDASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH. USAHA INI BERTUJUAN MELAHIRKAN PARA PELAJAR YANG BERILMU PENGETAHUAN DUNIA DAN AKHIRAT, BERILTIZAM, BERWAWASAN, BERDAYA TAHAN, BERKETERAMPILAN, BERAKHLAK MULIA, BERTAKWA KEPADA ALLAH S.W.T, BERTANGGUNGJAWAB, SETERUSNYA MAMPU MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM BAGI KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN DIRI, KELUARGA, MASYARAKAT, BANGSA DAN NEGARA.

MOTTO

ASRAMA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN DUNIAWI DAN UKHRAWI

MATLAMAT

ASRAMA YANG DIBANGUNKAN BERSAMA PELBAGAI KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN INSAN-INSAN YANG MEMPUNYAI KUALITI DARI SEGI AKHLAK, BERKETERAMPILAN DAN BERDAYA MAJU DENGAN BERLANDASKAN KEPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH BAGI MEWARISI KEPIMPINAN PARA ULAMAK.

OBJEKTIF

SEIRING DENGAN PENUBUHAN SEKOLAH :

1. MELAKSANAKAN SATU SISTEM PEMBELAJARAN DAN PENDIDIKAN YANG LEBIH BERSISTEMATIK, MERANGKUMI KURIKULUM AKADEMIK DAN AGAMA.
2. MELAHIRKAN GENERASI MUSLIM YANG BERILMU, BERAMAL DAN MAMPU MENYEBARKAN AJARAN ISLAM MENURUT AL-QURAN, AS-SUNNAH, IJMAK DAN KIAS.
3. MENDEKATKAN MASYARAKAT ISLAM KE ARAH PENERAPAN DAN PENGHAYATAN ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP.
4. MELAHIRKAN BARISAN PARA PELAPIS BAGI GOLONGAN ULAMAK MURSYID DAN CERDIK PANDAI ISLAM SECARA SILIH BERGANTI.
5. MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI ISLAM KE ARAH MEMAJUKAN DIRI, MASYARAKAT, NEGARA DAN UMMAH SEJAGAT.

PENDAHULUAN

Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor ini diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang menyelaras semua pentadbiran sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah Agama Rakyat di Negeri Johor. Sistem pendidikan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor mempunyai sistem pendidikan yang sama dengan sistem pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan, iaitu berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Walau bagaimana pun sekolah ini memberi penekanan kepada Falsafah Pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan insan kamil (manusia sempurna) yang beriman, bertaqwa dan beramal soleh (Mustapa Daud, 1997: 272).

Falsafah sekolah ini menegaskan bahawa usaha yang berterusan perlu dalam melahirkan para pelajar cemerlang dan berkualiti yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan para pelajar yang berilmu pengetahuan dunia dan akhirat, beriltizam, berakhlak mulia bertaqwa kepada Allah S.W.T, mempunyai tanggungjawab terhadap memartabatkan agama bagi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara (Majalah SMAKJ, 2001:3). Matlamat ini dijangka tercapai melalui penyediaan pelbagai kemudahan terutamanya prasarana sekolah dan asrama.

LATAR BELAKANG

Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula pada tahun 1977 oleh kerajaan pusat dengan tujuan bukan sahaja memberi pendidikan agama Islam tetapi juga pelajaran akademik bagi mengimbang keperluan pendidikan dalam sebuah negara yang membangun dan menghadapi proses globalisasi. Peluang yang terbatas untuk memasuki SMKA telah mendorong kerajaan-kerajaan negeri membina sekolah-sekolah menengah agama oleh bagi menambah peluang lebih luas kepada pelajar dari sesebuah negeri tersebut.

Di negeri Johor, Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor telah ditubuhkan pada tahun 1988 dengan matlamat untuk memberi peluang anak-anak Islam Negeri Johor mendapat pendidikan seimbang di bidang akademik dan agama. Adunan dua aliran pendidikan ini bagi membolehkan para pelajar di negeri Johor menghadapi cabaran ke arah Johor Negeri maju menjelang tahun 2005.

Pelajar yang diterima masuk ke sekolah ini adalah majoritinya terdiri daripada mereka yang mempunyai keputusan 4A 1 B dalam peperiksaan UPSR dari seluruh negeri Johor dan kesemuanya ditempatkan di asrama sekolah. Tujuan asrama sekolah diadakan untuk mengambil alih suasana kekeluargaan pelajar ke arah membentuk sahsiah pelajar sebagai seorang muslim cemerlang. Selain dari itu, asrama diwujudkan untuk memberi peluang pelajar yang tinggal dari seluruh pelusuk negeri ini mendapat pendidikan sempurna selaras dengan matlamat penubuhan SMAKJ.

Berdasarkan kepada latar belakang akademik pelajar di samping kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang disediakan, diharap dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik dan seterusnya cemerlang dalam keputusan peperiksaan khususnya di dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Menengah Agama Rendah (SMAR), Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Apa yang membimbangkan pihak ibu bapa adalah masalah sosial yang kian berlaku di kalangan pelajar semasa di sekolah atau asrama. Pelbagai masalah sosial yang berkaitan dengan sekolah seperti ponteng sekolah, gengster, mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas (Abd. Rahim, 2000:161). Masalah sosial yang berlaku sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar. Terdapat pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan disiplin oleh pihak pentadbiran sekolah seperti dibuang sekolah, digantung dan sebagainya kerana terlibat dalam perbuatan salahlaku. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ibu bapa pelajar.

MASALAH-MASALAH PELAJAR SMAKJ SERTA CADANGAN PENYELESAIANNYA.

Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan sahsiah pelajar-pelajar SMAKJ ini tidak seperti yang diharapkan. Berikut merupakan huraian masalah-masalah pelajar SMAKJ ini mengikut susunan dari yang tertinggi:

❖ **Masalah pelajaran dan kerjaya masa depan**

Cadangan penyelesaian:

- Mengadakan satu slot kepada para pelajar bagi menerangkan serta mendedahkan kepada mereka segala perkara yang berkaitan dengan kerjaya atau bidang yang boleh mereka ceburi dalam bidang yang mereka ambil selepas tamat dari sekolah ini.

Pelajar dewasa kini sudah terdedah dengan pelbagai jenis kerjaya melalui bahan bercetak dan elektronik, ibu bapa, rakan dan pergaulan harian. Mereka tertanya-tanya pada diri sendiri apakah bidang yang bersesuaian dengan mereka selepas tamat persekolahan.

- Pihak sekolah dengan kerjasama unit bimbingan dan kaunseling sewajarnya mengadakan sesi nasihat dan khidmat kaunseling secara terancang dan sistematik. Perkara yang perlu ditumpukan adalah memastikan setiap pelajar menduduki ujian inventori kerjaya bagi mengenal pasti dan mendapat gambaran awal kecenderungan pelajar dalam bidang kerjaya. Sesi taklimat dan penerangan terperinci berkaitan kerjaya pelajar-pelajar yang telah menduduki ujian tersebut amat penting di adakan. Setiap rekod yang diperolehi perlu didokumentasikan untuk dijadikan sebagai rujukan.
- Mewujudkan latihan dan bimbingan dari segi kemahiran belajar, pengurusan masa dan motivasi kerjaya yang boleh meringankan masalah kekecelaruan pelajar dalam menangani permasalahan tersebut.
- Ibu bapa selaku penyumbang kedua terbesar dalam pemilihan individu pelajar ke sekolah ini perlulah memainkan peranan yang penting dalam memotivasi anak-anak. Mereka perlu memastikan anak-anak mereka mengetahui dan mempunyai matlamat yang jelas ketika memilih untuk menuntut di sekolah ini.
- Pihak sekolah juga boleh mewujudkan persatuan alumni sekolah yang bertujuan untuk menghimpunkan bekas-bekas pelajar sekolah ini pada satu-satu masa. Wakil-wakil setiap generasi ini boleh diminta untuk mengadakan

pertemuan atau delegasi di sekolah ini bagi memberikan kata-kata perangsang kepada pelajar-pelajar yang masih menuntut di sini. Selain itu, ahli persatuan ini berperanan untuk menjelaskan kerjaya-kerjaya atau bidang yang boleh diceburi selepas tamat belajar dari sekolah ini sepertimana yang telah mereka lalui.

- Pihak pentadbir dan guru-guru akan dapat mengurangkan masalah yang berpunca dari pelajaran dan kerjaya masa depan ini jika mereka dapat memastikan serta mewujudkan suasana pembelajaran kondusif. Perkara keutamaan adalah proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara lain seperti aktiviti ko-kurikulum perlu dipantau dan dipastikan agar ia tidak menjejaskan aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran.

❖ **Masalah kegiatan sosial dan hiburan**

Cadangan penyelesaian:

- Mengadakan satu program untuk pelajar bagi memberi pendedahan dan bimbingan di dalam menghayati tanggungjawab mereka semasa berada di sekolah dan asrama. Penerangan mengenai sebab sesuatu peraturan didokumenkan juga perlu diberikan agar pelajar dapat menerima sesuatu arahan dan peraturan dengan terbuka dan lebih bersedia untuk mematuhi.
- Pihak sekolah perlu menggunakan pelbagai pendekatan dalam menarik minat pelajar bagi melibatkan diri mereka secara aktif dalam program-program yang dianjurkan. Persatuan-persatuan yang ada hendaklah dipastikan aktif. Penerangan dan motivasi perlu diberikan agar pelajar berminat dengan kegiatan sosial yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Melalui program-program seperti ini juga dapat melahirkan lebih ramai tokoh-tokoh pemimpin bagi masa akan datang.

❖ **Masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja di sekolah**

Cadangan penyelesaian:

- Mengadakan kem motivasi pelajar serta kursus-kursus menghadapi peperiksaan yang dirasakan perlu dan sesuai dengan tahap pemikiran dan kemahiran pelajar bagi semua jenis peperiksaan iaitu SMAR, PMR, SMA & SPM.
- Mengadakan kelas tambahan yang difikirkan perlu sama ada bagi mata pelajaran yang terlibat dengan peperiksaan utama seperti SMAR, PMR, SMA

dan SPM atau penguasaan untuk disiplin ilmu tambahan seperti falak syarie, bahasa Cina dan sebagainya.

- Pelajar-pelajar perlulah dipupuk dari setiap peringkat untuk memastikan keberkesanan dalam pembelajaran sentiasa berlaku pada setiap masa.

❖ **Masalah perhubungan peribadi dan psikologikal.**

Cadangan penyelesaian:

- Pelajar perlu didekati bagaikan hubungan sebuah keluarga antara ibu bapa dan murid. Disarankan agar semua pihak yang bertanggungjawab mendalami jiwa pelajar dengan sebaik mungkin bagi mengetahui masalah-masalah yang timbul dari masa ke semasa.
- Program-program yang menjurus kepada penyatuan ukhwah antara guru dan pelajar wajar dilaksanakan sekerap mungkin dan tidak hanya terikat dengan waktu persekolahan sahaja.
- Berdasarkan pernyataan masalah di atas nyatalah bahawa sebenarnya para pelajar ini memerlukan seseorang untuk berkongsi masalah mereka secara terbuka dan profesional, tempat rujukan yang paling baik ialah para guru dan warden asrama.
- Seboleh-bolehnya para pendidik merapatkan jurang pergaulan antara guru dan murid serta bersedia pada bila-bila masa untuk berkongsi masalah dengan mereka. Ketahuilah para pelajar terlalu gersang dengan sentuhan dan didikan dari seorang ibu dan bapa apabila mereka berada di asrama. Siapakah yang mengisi kekosongan ini sekiranya tidak para pendidik di sekolah.

❖ **Masalah perhubungan sosial & psikologikal.**

Cadangan penyelesaian:

- Wujudkan program latihan dan bimbingan dari segi kepimpinan, pengurusan diri dan motivasi keterampilan diri yang boleh meringankan masalah perhubungan psikologikal.
- Kakitangan sekolah dan asrama disarankan agar mendalami jiwa pelajar dengan sebaik mungkin untuk mengetahui masalah-masalah yang timbul di kalangan pelajar.
- Wujudkan pelbagai aktiviti dan program yang dapat mengeratkan

hubungan pelajar dan guru dalam pelbagai aspek. Antaranya seperti hari terbuka asrama, majlis kecemerlangan asrama, majlis perpisahan pelajar tingkatan lima pada hari akhir persekolahan, majlis sambutan hari raya warden dan pelajar asrama serta program-program lain yang bersesuaian.

❖ **Masalah moral dan agama.**

Cadangan penyelesaian:

- Memandangkan kebiasaannya kes-kes seperti ini berlaku di luar waktu sekolah, adalah disarankan agar pihak pengurusan asrama terutama warden mengambil peranan yang penting dalam memastikan kejadian-kejadian seperti di atas tidak berlaku.
- Masa terluang di asrama hendaklah diisi dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat serta program ceramah dan kuliah yang berbentuk kerohanian. Program tersebut perlu dirancang dengan teratur dan konsisten serta mempunyai kepelbagaian ilmu seperti tajwid, tafsir, akhlak, feqah, tauhid dan isu-isu semasa.
- Pihak pengurusan asrama hendaklah menerapkan nilai-nilai persahabatan yang sejati dalam diri pelajar agar mereka dapat memahami dan mengetahui erti sebenar persahabatan yang murni dan impak daripada tindakan mereka sekiranya berlaku sebarang masalah disiplin di kalangan mereka.
- Pemantauan yang kerap dilakukan di asrama akan dapat membantu mengurangkan lagi permasalahan ini.
- Pihak sekolah juga perlu memberi penerangan kepada pelajar tentang keburukan tindakan merahsiakan kesalahan rakan apabila mengadakan pertemuan bersama pelajar.

❖ **Masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan.**

Cadangan penyelesaian:

- Pihak sekolah dan asrama perlulah mengambil peranan utama dalam menanganinya masalah kebajikan kepada pelajar-pelajar miskin dengan mewujudkan tabung atau skim bantuan kepada pelajar-pelajar tersebut.
- Melaksanakan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) seperti di sekolah rendah bagi pelajar-pelajar yang amat memerlukan.

- Menyediakan tabung pinjaman sementara pelajar dan sebagainya.
- Guru-guru juga boleh mengambil pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kewangan untuk dijadikan anak angkat agar kebajikan mereka sentiasa terjamin dan terpelihara di samping dapat mengeratkan lagi ukhwah antara guru dan pelajar.
- Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) juga boleh ditubuhkan sekiranya kelab ini belum diwujudkan atau diaktifkan sekiranya ia telah wujud. Ini kerana ia dapat membantu pelajar untuk menyelami masalah-masalah rakan di sekeliling mereka.

❖ **Masalah pergaulan muda mudi, perkahwinan dan seks.**

Cadangan penyelesaian:

- Pihak sekolah bolehlah menganjurkan satu forum berkenaan dengan cinta dan menjemput penceramah tempatan yang mahir dalam bidang tersebut.
- Pelajar yang mengalami dan menghadapi permasalahan cinta perlu dirawat dengan penuh bijaksanaan agar mereka terdorong untuk melakukan perubahan diri ke arah yang lebih positif.
- Pelajar perlu didedahkan dengan pengurusan yang betul dalam menghadapi keinginan berlainan jantina. Permasalahan ini akan dihadapi oleh majoriti pelajar yang telah baligh. Dengan bimbingan pengurusan tersebut akan banyak membantu pelajar menyelesaikan keinginan mereka menurut perspektif Islam.
- Menganjurkan pertandingan sketsa atau drama bagi setiap tingkatan yang menjurus kepada akibat buruk bercinta ketika belajar.

❖ **Masalah ciri-ciri keperibadian**

Cadangan penyelesaian:

- Peranan utama sekolah adalah mencari dan menggilap potensi pelajar dalam pelbagai disiplin kemahiran keintelektualan dan kokurikulum. Bakat yang ada pada pelajar perlu dikembangkan selagi mana ia tidak bertentangan dengan tuntutan agama dan peraturan sekolah.
- Pelajar perlu diberi semangat dan bimbingan agar mereka tidak berasa ragu atau malu untuk mengembangkan potensi yang ada pada diri mereka.

- Pelajar juga perlu diberi peluang untuk mengurus program-program yang dapat melatih kepimpinan mereka di bawah pengawasan guru.

❖ **Masalah kurikulum dan kaedah pengajaran**

Cadangan penyelesaian:

- Pihak pentadbiran sekolah perlu mengadakan ceramah motivasi pendidikan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan profesionalisme keguruan. Ia akan menjadi penyuntik dan penyubur kepada rangsangan untuk mempertingkatkan kualiti dan menjiwai tanggungjawab keguruan.
- Pendidik sememangnya terdedah dengan pelbagai gangguan emosi bila berurusan dengan pelajar setiap hari. Ceramah berbentuk kemahiran mengurus masalah, psikologi pendidikan era pasca modenisme, kemahiran keibubapaan dan sebagainya perlu dijadikan agenda bulanan. Perkongsian profesional seperti ini akan memperkasakan daya juang yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang penuh dengan cabaran.
- Pendapat-pendapat daripada pelajar perlu diambil perhatian untuk dijadikan bahan rujukan utama dalam mencari dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

❖ **Masalah rumahtangga dan keluarga**

Cadangan penyelesaian:

- Pihak sekolah dan asrama dicadangkan agar mengadakan perbincangan mengenai tempoh pelepasan pelajar untuk bertemu dengan keluarga agar ia teratur dan sistematik.
- Pelajar yang mempunyai masalah perlu diberikan bimbingan khusus. Keluarga pelajar perlu dimaklumkan dalam setiap permasalahan yang berlaku agar mereka dapat mempertingkatkan hubungan untuk sama-sama menangani setiap permasalahan yang mendatang.
- Pelajar-pelajar baru atau yang mengalami masalah, perlu diasuh dan diberi pendedahan tentang cara-cara untuk hidup berdikari semasa berjauhan daripada keluarga secara sistematik.

❖ **Masalah kehidupan pelajar di sekolah atau asrama**

Cadangan penyelesaian:

- Pelajar-pelajar perlu diberi pendedahan dan bimbingan di dalam menghayati tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan juga selaku penghuni asrama.
- Mewujudkan program usrah atau apa sahaja bentuk bimbingan berkumpulan yang menjurus kepada pembinaan kerohanian.
- Mengadakan program qiamullail bersama secara bulanan atau dua bulan sekali bersama warden dan pendidik.
- Mereka perlu diasuh agar menggunakan peralatan sekolah seperti menggunakan peralatan mereka sendiri.
- Guru-guru juga boleh mengadakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan guru dan pelajar seperti perlawanan bola sepak, bola tampar, badminton, ping pong, sepak takraw dan sebagainya. Dengan cara ini secara tidak langsung kemesraan antara guru dan pelajar akan terjalin erat.

❖ **Masalah kesihatan dan pertumbuhan jasmani.**

Cadangan penyelesaian:

- Pihak sekolah dicadangkan agar kerap mengadakan pemeriksaan terhadap pelajar dan tidak memandang remeh sekiranya pelajar memberi aduan tentang penyakit mereka walau demam sekalipun.
- Sentiasa melakukan pemantauan di kantin, dewan makan, tandas, asrama, surau, bilik rehat, bilik rawatan pelajar dan sebagainya yang menjadi keperluan harian pelajar.
- Mengadakan peti cadangan di beberapa lokasi yang terkawal untuk pelajar dan ibu bapa mengemukakan pandangan mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor, tidak lari dari mengalami masalah dalam kehidupan seharian. Seperti yang kita ketahui, pelajar-pelajar ini sebenarnya adalah golongan yang istimewa kerana mempelajari dua bidang ilmu iaitu agama (bahasa arab) dan akademik yang sukar untuk dilakukan oleh sekolah lain. Pengurusan profesional dan terancang perlu dilakukan dari masa ke semasa bersesuaian dengan tuntutan peredaran zaman. Sistem pembelajaran hari ini menuntut para pendidik menterjemahkan nilai-nilai pendidikan yang dibajai dengan penuh kasih sayang

dan keperihatinan kepada anak didiknya. Meletakkan diri pendidik sebagai role model dan idola para pelajar dalam memahami erti pembelajaran dan kehidupan sebenar.

Peredaran dan perkembangan sains dan teknologi dalam arus globalisasi mendedahkan para pelajar mengetahui pelbagai maklumat positif dan negatif dengan begitu pantas. Mereka mempunyai pelbagai maklumat yang diperolehi secara tidak langsung tanpa tapisan dan bimbingan. Melalui proses pendidikan yang terancang di sekolah dan asrama segala maklumat yang diperolehi pelajar akan dirawat dan diperbetulkan. Pelajar akan membina jati diri dan nilai-nilai murni hasil dari bimbingan yang berterusan dan penuh dengan pengukuhan.

Pendidikan yang terancang akan melahirkan pelajar yang bermotivasi, kuat emosi, hidup mempunyai matlamat yang jelas, sentiasa membina kejayaan demi kejayaan, menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Manakala segala bentuk kesilapan dan kecuaiian dalam melaksanakan pendidikan akan melahirkan generasi yang pincang, rendah motivasi, tiada kekuatan emosi dan hilang hala tuju serta fokus kehidupan.